


Jilid II  
Bil. 19



Hari Jumaat  
1hb Julai, 1988

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3387]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit**  
[Ruangan 3482]

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Banjir Kilat di Knala Lumpur - Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)**  
[Raangan 3541]

**Kekurangan Bekalan Air di Sandakan - Y.B. Tuan Kung Ket Wing (Sandakan)**  
[Ruangan 3548]



**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD. S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. D.U.P.N., S.P.N.S. S.P.D.K. S.P.C.M. S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUANABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M. A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK. D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., D.G.S.M., s.M.K. (Jerlun Langkawi)

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

” Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S. S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P.. D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDARI. S.S.A.P., S.I.M.P.. P.S.A-P- (Pekan).
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
  - “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT(Klang).
  - “ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.. S.S.U., S.I.M.P. . D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
  - “ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO- HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
  - “ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR. D.S.N.S. (Kuala Pilah).
  - “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BINHAJIMOHAMEDNOR, D.P.M.T..J.M-N., S.M.T., P, P.T. (Setiu).
  - “ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J.. K.M.N., P.I.S.. B.S.I. (Sri Gading).
  - “ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
  - “ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
  - “ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S. K.M.N. (Telok Kemang).
  - “ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
  - “ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
  - “ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
  - “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM. D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
  - “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN. D, S D K., S.D.K., A.M.K.. J.P (Alor Setar).
  - “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB. D.P.C.M., A.M.P.. A.M.K. (Pasir Salak).
  - “ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJT TAHA (Batu Pahat).
  - “ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut)
  - “ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
  - “ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT. A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N.. P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL. D.P.M.S.. S.M.S.. K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK. TENG GAIK KWAN. A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR. S.M.T.. A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,  
TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,  
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN  
BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH. A.M.P., P.P.T. (Bagan  
Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH  
(Gopeng).
- ” TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim  
Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.  
(Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.  
(Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,  
P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok  
Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.  
(Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan  
Chepa).
- ” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K.  
(Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan),
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

- " TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- " TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- " TUAN PUNG'KET WING (Sandakan).
- " TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- " TUAN HAJI GHAZALT BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- " DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- " TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- " TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- " DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- " DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- " TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- " TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG. P.I.S. B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- " DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

- ” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- ” TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- ” TUAN MAIDOM BIN PANSAI alias PAUL PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG. B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- ” DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N, P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N, PS. (Kuala Kerai).
- ” TUAN HAJE MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- ” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- ” DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M,N.(KualaKedah).
- ” TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- ” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- ” DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M, (Alor Gajah).
- ” TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N.. P.J.K. (Sepang).
- ” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MOHD ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- ” DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J.. S.S.U., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.PD.K., S.I.M.P., P.N.B S.. S.P.M.J., S.P.M.P.. S.P.C.M., K.C.R.L., K.STJ. (Limbawang).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ” TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- ” DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- ” TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DR. PATAU RUBIS, P B S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Ipoh).

- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, PN.B.S., P.C., K.M.N., A.MN (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO- RADZI BIN SHEIKH AHMAD. D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO- RAISYATIM, D S N S (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., SPMK., SSA.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO- HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, s P.D.K., J P (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM. A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J. A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., AMS (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUANTANKOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.H.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, PS.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

3381

1 JULAI 1988

3382

Yang Berhormat DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T.. K.M.N.. P.J.K.  
(Besut).

” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perhahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin .

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

Jumaat, 1hb Julai, 1988

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****KHEMAH KERJA JAYADIRI/  
MEMBINA SEMANGAT**

1. **Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menerangkan projek "SPECIAL MOTIVATIONAL CAMPS" yang dijalankan oleh setengah Jabatan Pelajaran Negeri untuk membantu murid-murid sekolah yang menghadapi masalah. Kiranya projek ini mendatangkan kesan yang baik adakah pihak Kementerian bercadang untuk diperkenalkan di tiap-tiap daerah di seluruh negara.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrabim):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri sememangnya diminta supaya mengadakan Khemah Kerja Jayadiri/Membina Semangat yang bertujuan untuk mengubah sikap pelajar-pelajar terutamanya yang mempunyai dan menghadapi masalah atau kurang cergas dalam bidang pendidikan atau kokurikulum. Oleh kerana khemah-khemah seperti ini menunjukkan kejayaan dari segi memupuk semangat kesedaran dan memupuk semangat perpaduan di antara pelajar-pelajar, Kementerian

sememang bercadang untuk memperkenalkan khemah seperti ini di tiap-tiap daerah sekiranya tenaga dan peruntukan kewangan mengizinkan.

**BAHAN BACAAN DI KEM  
TAHANAN KAMUNTING**

2. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa para tahanan di Kem Tahanan Kamunting tidak dibenarkan menerima majalah dan surat-suratkhabar, Rocket, Aliran Monthly, Harakah, Asiaweek, Far Eastern Economic Review dan Asian Wall Street Journal.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, kemudahan bahan-bahan bacaan yang dibenarkan bagi orang-orang tahanan di Kem Tahanan Kamunting adalah memadai. Sebahagian daripada majalah dan surat-khabar adalah didapati tidak sesuai dari segi usaha-usaha pemulihan para tahanan.

**Tuad Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat tahu bagaimana sebahagian majalah atau surat-suratkhabar yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi boleh menjejaskan pemulihan sedangkan majalah itu merupakan surat-suratkhabar biasa yang menyiarkan berita-berita yang tidak dilaporkan di dalam surat-khabar seperti The New Straits Times, The Star dan sebagainya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, 'sepertimana Yang Berhormat maklum bahawa kem tahanan adalah kem pemulihan. Apa juga bentuk yang difikirkan boleh membantut proses pemulihan terpaksa ditapis dengan teliti. Kalau orang sakit kencing manis jangan beri terlalu banyak gula, kalau orang sakit darah tinggl jangan beri terlalu banyak garam. Begitulah juga jika orang sakit atas isu perkauman, isu agama, berlagak pelampau dan berfikiran komunis janganlah didedahkan dengan bahan-bahan yang sensitif yang boleh memudaratkan lagi keadaan pihak tahanan.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah tetamu-tetamu di kem tahanan dibenar mendengar TV dan membaca surat-suratkhabar tempatan dan majalah-majalah?

Yang kedua, apakah pernah terjadi kepada tetamu-tetamu di kem tahanan yang tidak mendapat surat-suratkhabar dan majalah-majalah dari luar negeri itu telah menghadapi masalah kelaparan atau masalah-masalah fizikal yang lain?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak tahanan di Kem Kamunting adalah dibenarkan untuk menonton TV sampai ke akhir TV itu, kalau tengah malam, tengah mamlah, dan majalah-majalah tempatan memang kita benarkan untuk mereka membaca.

Begitu juga setengah daripada majalah yang telah disebutkan oleh Wakil Rakyat yang bertanya tadi, tentang majalah-majalah yang disebut, ada juga telah diberi setelah ditapis oleh pihak-pihak yang tertentu bahawa ia tidak mengandungi perkara-perkara yang sensitif. Dengan sebab itu cukup memadai walau majalah tempatan

atau suratkhabar tempatan juga TV dan majalah-majalah asing.

Tentang soalan yang kedua, tidak wujud perkara itu berlaku.

### TARAF PENDUDUK TETAP BAGI PELABUR ASING

**3. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kementeriannya akan bertimbang mempelawa Pendatang Peniaga (Business Migrants) ke Malaysia dan memberikan mereka taraf tetap tinggal (Permanent Residence);
- (ii) jika ya, bilakah akan dilaksanakan; dan
- (iii) jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai galakan kepada pelabur-pelabur asing untuk datang melabur di negara ini, Kerajaan setakat ini belum bercadang memberi taraf penduduk tetap kepada mereka kerana kebanyakan mereka yang datang adalah bertujuan untuk berniaga dan melabur. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menimbangkan permohonan untuk taraf penduduk tetap jika mereka membuat permohonan. Kelulusan kepada permohonan tersebut adalah mengikut merit serta jaminan bahawa mereka tidak akan menjadi masalah kepada negara pada masa sekarang atau di kemudian hari.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir)*

### TABUNG PEMBANGUNAN ASEAN-JEPUN

**5. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan

sudahkah peruntukan \$2 billion dari Asean-Japan Development Fund diagihkan. Adakah peruntukan ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek industri di bawah Skim Asean Industrial Joint-Venture. Jikalau ya, sila beri nisbah pengagihannya mengikut projek dan mengikut negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rangka dan garis-panduan pelaksanaan Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun iaitu (TPAJ) telah selesai dirundingkan di antara pegawai-pegawai negara ASEAN dan Jepun. Sebelum rangka dan garis-panduan TPAJ ini dilaksanakan, tiap-tiap buah negara ASEAN dikehendaki memberi persetujuan rasmi kepada negara Jepun. Setakat ini hanya Malaysia dan Indonesia sahaja yang telah memberi persetujuan rasmi terhadap rangka dan garis-panduan TPAJ. Malaysia sebagai negara penyelaras bagi dailog ASEAN-Jepun akan berusaha untuk mendapat persetujuan daripada negara-negara ASEAN yang lain.

Mengikut rangka dan garis panduan pelaksanaan TPAJ, peruntukan sebanyak US\$2 billion pada peringkat permulaan akan diagihkan sama banyak di antara enam buah negara ASEAN. Tabung ini akan digunakan untuk memajukan sektor swasta di negara-negara ASEAN termasuklah projek-projek ASEAN Industrial Joint Venture (AIJV). Berpandukan kepada peruntukan yang diberikan kepada tiap-tiap negara ASEAN, syer Malaysia dalam Tabung ini ialah \$800 juta. Sektor Swasta dan Syarikat-syarikat Kerajaan akan membuat permohonan kepada institusi-institusi kewangan yang akan dilantik untuk mendapatkan pembiayaan ini. Institusi-institusi kewangan tersebut akan menilai dan mengkaji projek-projek berkenaan sebelum pinjaman diluluskan. Pihak Kerajaan Malaysia telahpun menetapkan

kan syarat-syarat di bawah pinjaman ini dan telah membuat persediaan untuk pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, butir-butir mengenai syarat dan cara pelaksanaan Tabung ini di negara kita tidak wajar diumumkan pada ketika ini memandangkan bahawa masih ada beberapa buah negara ASEAN yang belum memberi persetujuan rasmi terhadap tabung ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, berapakah faedah yang dikenakan terhadap pinjaman sebanyak \$800 juta yang akan diberikan kepada negara kita dan sama ada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menentukan supaya negara tidak mengalami kerugian pada masa akan datang jika sekiranya nilai mata wang Yen meningkat naik sepertimana yang telah negara kita alami selama ini?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faedah yang dikenakan atas Tabung yang khas yang diberikan oleh negara Jepun, ini adalah bergantung kepada punca pinjaman itu. Ada dua punca dari mana negara-negara ASEAN boleh mendapat atau menerima pinjaman ini. Kedua-dua punca ialah Overseas Economic Cooperation Fund (OECF) dan ASEAN Bank. Jikalau pinjaman itu berpunca daripada kategori A di mana 50% adalah daripada OECF dan 50% daripada ASEAN Bank, faedah yang dikenakan ialah 3%. Jikalau pinjaman itu didapati daripada kategori B, iaitu pinjaman itu boleh didapati daripada OECF atau ASEAN Bank, jadi faedah yang dikenakan ialah 3.5% sahaja untuk tempoh 25 tahun.

Bagi bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebuah negara pun di dalam dunia ini yang dapat menjamin

macam mana atau dengan apa cara langkah yang akan diambil oleh Kerajaannya apabila nilai sesuatu matawang itu naik. Tetapi di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat berkenaan mengenai latarbelakang Tabung ini iaitu negara Jepun telah dipaksa oleh negara-negara lain bagi mengadakan Tabung ini oleh kerana nilai mata wang Yen telah naik dengan begitu banyak. Saya anggap bahawa jikalau nilai matawang Yen naik lagi pada masa kelak, kemungkinan satu tabung yang khas mungkin diadakan lagi.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pinjaman yang diberi oleh pihak Jepun atau yang dipadangkan untuk diberi oleh pihak Jepun akan terikat dengan pembelian mesin atau barang-barang daripada Jepun atau terikat dengan kontrak-kontrak yang harus diberi kepada kontraktor-kontraktor Jepun?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya katakan tadi bagi pihak Kementerian Kewangan bahawa adalah beberapa negara ASEAN yang belum memberi jawapan atau persetujuan rasmi kepada negara Jepun, tidaklah baik bagi saya mengumumkan syarat-syarat yang dikenakan jikalau sebuah negara mendapatkan pinjaman khas ini daripada negara Jepun. Jadi, saya minta maaf. Apabila sampai masanya di mana ke enam-enam buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Filipina dan Thailand telah memberi persetujuan rasmi kepada negara Jepun, barulah kita boleh mengumumkan syarat-syarat yang dikenakan.

**SEMINAR PENYELARASAN  
ZAKAT DAN CUKAI  
PENDAPATAN**

**6. Tuan Haji Mohanunad Yusoff bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah keputusan atau rumusan-rumusan yang telah dicapai daripada seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan yang telah diadakan di Pusat Islam baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi melaksanakan keputusan-keputusan tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusoff bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rumusan ini terlalu panjang dan makan ruangan foolscap sebanyak 5 muka, maka saya pohon dihantar secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Baiklah.

**PENYANYI JAMAL ABDILLAH**

**7. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar superstar kita, Jamal Abdillah yang dipilih dan dibebaskan baru-bam ini dari Pusat Serenti, Tampin telah diganggu oleh pengedar-pengedar dadah dan jika ya, mengapakah Kerajaan tidak menangkap pengedar-pengedar dadah berkenaan yang telah menekan beliau; dan
- (b) menerangkan mengapa pihak berkuasa tempatan termasuk pihak Polis tidak mengeluarkan permit kepada Sahara Yaacob dan Zaiton Sameon untuk mengadakan persembahan-persembahan secara langsung di beberapa bahagian tertentu di negara ini; apakah mereka ini adalah ancaman kepada keselamatan negara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kementerian Dalam Negeri memang sedar bahawa penyanyi Jamal Abdillah yang telah dibebaskan dari Pusat Serenti, Tampin telah diganggu oleh orang-orang tertentu yang cuba mempengaruhinya supaya mengambal dadah semula. Bukan sahaja bertujuan untuk mengembalikannya Jamal mengambil dadah semula, tetapi cuba memeras ugut beliau dan mengelirukan pemikirannya supaya ia boleh kembali menagih dadah. Sebagai seorang yang telah sedar, beliau sendiri telah melaporkan perkara ini ke Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Beliau sendiri tidak beberapa pasti akan pihak-pihak individu atau kumpulan yang cuba mengeliru dan mengacau beliau. Dalam hal ini, untuk menyelamatkan beliau, Kementerian Dalam Negeri terpaksa bertindak tegas seperti memohon kepada pihak Polis untuk menjalankan penyiasatan. Kementerian Dalam Negeri sentiasa berwaspada ke atas perkara-perkara seperti ini.
- (b) Mengenai penyanyi Sahara Yaacob iaitu penyanyi keagungan Yang Berhormat, (*Ketawa*) semasa beliau mengadakan pertunjukan di Expo Kedah, setengah penonton telah naik ke pentas dan cuba menari dengan penyanyi tersebut. Ini menyebabkan penonton yang lain marah dan membaling batu ke atas pentas. Dengan peristiwa tersebut, bukan sahaja penonton-penonton di atas pentas terkena batu, keselamatan penyanyi dan pemain-pemain muzik juga adalah tidak selamat. Seringkali peristiwa seperti ini

berlaku akan berakhir dengan pergaduhan di mana pasukan Polis begitu ramai terpaksa dipanggil untuk mententeramkan keadaan. Walhal Polis diperlukan untuk menjalankan lain-lain tugas yang lebih penting. Untuk keselamatan penonton, penyanyi dan pemain-pemain muzik, pihak Polis terpaksa berhati-hati untuk mengeluarkan permit di atas satu-satu pertunjukan terutama jikalau ianya dibuat di tempat-tempat yang lapang. Ini bukan hanya khas kepada Zaiton Sameon dan Sahara Yaacob sahaja tetapi juga kepada mana-mana pertunjukan yang melibatkan artis-artis lain. Atas alasan inilah permit pertunjukan Sahara Yacob di Sungai Petani tidak diluluskan.

Baru-baru ini Zaiton Sameon dan Sudirman telah diberi kebenaran untuk mengadakan pertunjukan di Stadium Negeri di Ipoh. Untuk pengetahuan Ahliahli Yang Berhormat, pihak Polis memang berhati-hati sebelum meluluskan permit pertunjukan terutama jika pertunjukan itu dibuat di kawasan yang lapang termasuklah di Stadium yang terbuka.

**Tuan Hu Sepang;** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah jenis najis dadah kumpulan tertentu itu yang diberikan kepada Jamal Abdillah adakah cocaine, heroin atau opium sila beritahu kepada Dewan yang mulia ini dan dari mana pihak-pihak tertentu itu mendapatkan bekalan najis dadah itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya Jamal Abdillah belum sempat menerima dadah tersebut daripada pihak-pihak tertentu kerana beliau sendiri

tidak mahu menerima dadah itu. Jadi, jenis dadah apakah yang diberi tidak diketahui oleh kerana Jamal tidak ingin menerima pelawaan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah Jamal Abdillah, ini bukan satu perkara yang melibatkan dia sendiri tetapi saya percaya semua bekas penagih dadah pun selalu menghadapi ugutan ataupun penarikan untuk bekas penagih dadah itu kembali menagih dadah semula dan dalam rancangan Kerajaan untuk menghapuskan penagihan dadah ini, apakah langkah susulan yang akan diberi kepada semua bekas penagih dadah yang telah dibebaskan supaya mereka diperlindungi daripada mereka yang jahat yang mahu memberi dadah kepada bekas penagih itu lagi?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju sangatlah seperti mana yang dikatakan oleh Wakil dari Bandar Kuching itu, perkara ini bukanlah semata-mata berlaku kepada Jamal Abdillah sahaja, tetapi berlaku juga kepada bekas-bekas penagih yang lain, tetapi Jamal sebagai hero kepada banyak peminat, maka ia telah diperbesar-besarkan oleh pihak-pihak tertentu, walhal orang lain pun ada timbul masalah seperti itu tetapi tidak ada siapa pun mengambil tahu termasuklah Wakil Rakyat yang ada di dalam Dewan ini.

Mengikut Akta Rawatan dan Pemulihan setelah dua tahun menjalani rawatan dan pemulihan tiap-tiap bekas penagih atau bekas pelatih mesti mengikuti rawatan lanjutan selama dua tahun. Ini mesti dan di dalam masa rawatan lanjutan dua tahun inilah pihak Kerajaan, PEMADAM dan diharapkan juga pihak swasta dapat membantu dalam benar-benar memberikan latihan, kursus kepada mereka, memberi mereka peluang untuk kembali kepeng-

kuan masyarakat dan menerima mereka dalam masyarakat supaya mereka dapat merasai bahawa mereka adalah, dengan izin, part and parcel of the society. Ini memang dilakukan dan kalau sekiranya dalam masa dua tahun itu tidak juga berjaya, kita boleh menambahkan lagi, dengan izin, after care selama dua tahun lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis tidak hadir).*

#### DASAR KELUARAN SUSU GETAH CAIR

**10. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bagaimanakah Kerajaan menentukan Dasar keluaran susu getah cair dan getah keping mengikut keperluan dan pasaran sekarang terutama untuk pasaran antarabangsa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, menurut dasar RISDA memberi kemudahan dan galakan kepada pekebun-pekebun kecil getah untuk mengeluarkan getah keping yang bermutu tinggi. Oleh kerana pengeluaran susu getah pekat amat berkurangan pada masa ini, maka Kerajaan baru-baru ini telah mencadangkan supaya ahli-ahli Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) iaitu di bawah RISDA mengubahsuai pengeluaran mereka dari getah keping dan getah buku kepada susu getah cair.

Berdasarkan kepada cadangan itu RISDA dengan kerjasama Lembaga Pelesen dan Pasaran Getah Malaysia (MRELB) akan melaksanakan dasar yang 'flexible' selama percubaan selama 6 bulan di mana jenis getah yang akan dihasilkan hendaklah mengikut keadaan harga pasaran. Buat permulaan hanya 4 buah negeri iaitu Kedah, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka telah dikenalpasti untuk melaksanakan dasar ini.

**Dato' Dr. Aflifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil RISDA apabila dilaksanakan perubahan dari getah keping kepada susu getah cair?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada perbezaanlah maka berlakunya perubahan dasar ini daripada menghasilkan getah keping kepada getah cair. Memanglah sebenarnya menghasilkan getah cair memberikan pendapatan yang lebih tinggi pada waktu ini kepada pekebun-pekebun kecil. Jumlah perbezaan harga yang precise, saya tak dapat beri tetapi kalau diberi notis, saya akan beri. Untuk diberikan secara umum, perbezaannya ialah 50 sen bagi setiap satu kilo.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan daripada dasar itu nampaknya pihak negara kita tidak mempunyai bekalan susu getah cair dengan mencukupi untuk pasaran eksport dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mendapat lebih wang asing melalui pengeluaran lebih banyak susu getah cair ke pasaran eksport dan juga apakah cara lain untuk mendapatkan lebih tukaran wang asing daripada luar negeri dengan keadaan tersebut?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Saya dapat pastikan ada terdapat beberapa soalan dalam satu soalan Yang Berhormat, tetapi yang pertama, kenapa sekarang ini berlaku kekurangan getah cair kalau kita bandingkan dengan permintaan. Dalam perkara ini apabila berlaku permintaan secara mendadak, maka supply pun akan didapati terputus ataupun berkurangan. Jadi, apa yang berlaku sekarang ini adalah demand atau permintaan daripada luar negeri itu terlalu banyak kerana ada kejayaan aru dalam produk-produk yang berkaitan dengan getah seperti rubber gloves dan sebagainya lagi. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengkaji supaya pengeluaran getah dapat dihasilkan dengan memuaskan, terutama sekali dengan menggalakkan ramai lagi tenaga kerja memasuki lapangan getah ini, iaitu sebagai penoreh getah ataupun sebagainya, baik di peringkat estet ataupun pekebun-pekebun kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali,

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali tidak hadir).*

#### JABATAN POS - PENYELEWENGAN

**12. Tuan Haji Ghazali bin Ahraad** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa ramai Pegawai dan kakitangan Jabatan Pos yang telah diambil tindakan kerana pecah amanah dan penyelewengan terutama yang terlibat dengan penyimpanan ASN sejak tahun 1985 hingga April, 1988; dan
- (b) apakah usaha Kementerian menjamin dan menyakin penyimpan tabungan mereka menerusi pejabat-pejabat pos.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada pertambahan di dalam urusanniaga dan selaras dengan peningkatan di dalam pusingan wang iaitu cash turn over, dengan izin, maka kadar kes-kes jenayah di Jabatan Pos seperti pecah amanah telah juga bertambah. Kebanyakan kes-kes pecah amanah adalah melibatkan urusan-urusan agensi lain seperti Skim Amanah Saham Nasional dan Bank Simpanan Nasional.

Bagi kes-kes Amanah Saham Nasional, jumlah kakitangan yang terlibat di dalam kes pecah amanah ialah sebanyak 61 orang dalam tempoh masa tersebut. Bagi kes-kes Bank Simpanan Nasional, jumlah kakitangan yang terlibat di dalam kes pecah amanah ialah sebanyak 56 orang dalam tempoh masa yang sama.

Berkenaan dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasimalahkan tersebut:-

- (1) Pegawai-pegawai Pos di peringkat negeri sering mengadakan pemeriksaan di Pejabat-pejabat Pos di negeri masing-masing sama ada dari segi pentadbiran, perakaunan, keselamatan dan sebagainya. Di samping itu, Pegawai-pegawai Penyiasatan Pos ada juga melakukan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa di pejabat-pejabat pos bagi memastikan tiada berlaku penyelewengan di kalangan kakitangan dan juga mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan.
- (ii) Cawangan Semak yang ditempatkan di Bahagian Kewangan adalah diberi peranan untuk mengesan dan membuat laporan jika berlaku sebarang penyele-

wengan melalui data-data urusanniaga dan rekod-rekod perakaunan di semua pejabat pos sama ada berbentuk harian atau mingguan.

- (iii) Mengambil tindakan Mahkamah kepada sesiapa sahaja kakitangan yang terdapat melibatkan diri di dalam kes-kes pecah amanah atau tindakan tatatertib terhadap mereka yang terbukti kesalahannya.
- (iv) Memberi latihan dan kursus jangka pendek atau jangka panjang kepada kakitangan, khususnya kerani-kerani kaunter tentang peraturan-peraturan jabatan, tatacara kerja dan bagi menimbulkan kesedaran sivik di kalangan mereka.
- (v) Memperkenalkan penggunaan mesin komputer di kaunter-kaunter.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, adalah sukar bagi membendung kegiatan-kegiatan penyelewengan ataupun pecah amanah kerana ini adalah berkait rapat dengan masalah-masalah kemanusiaan.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendapati jumlah mereka yang telah melakukan penyelewengan dan pecah amanah ini, apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada mereka sama ada disingkir atau dihukum mereka, dimasukkan mereka ke dalam penjara dan sebagainya.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, setelah laporan dibuat berkenaan sesuatu kesalahan ataupun sangka pecah amanah, satu siasatan akan dibuat oleh Pejabat Pos sendiri dan kemudian jika didapati ada terdapat bukti berkenaan kesalahan, Pejabat Pos

akan menyerahkan kes itu kepada polis untuk membuat siasatan yang lanjut. Selepas penyiasatan, jikalau ada seseorang didapati melakukan kesalahan mereka akan didakwa di dalam Mahkamah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengakui berlakunya pecah amanah di kalangan kakitangan pekerja-pekerja Jabatan Pos, saya ingin tahu apakah bentuk isi kursus sivik yang dijalankan bagi menimbulkan kesedaran di kalangan kakitangan dan pekerja-pekerja. Apakah kursus sivik itu semata-mata menekankan soal-soal peraturan dan kaedah manakah yang digunakan bagi mempertahankan ketuhanan moral dan kesedaran di kalangan kakitangan. Apakah Jabatan Pos atau Yang Berhormat bercadang untuk mengambil contoh seperti jabatan-jabatan lain yang pernah menganjurkan "Kursus Bina Insan" atau lain-lain program yang bercorak ke arah mengisi nilai-nilai Islam sesuai dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam jangka panjang bagi menentukan tidak akan berlaku lagi pecah amanah-pecah amanah di kalangan pegawai-pegawai di peringkat Jabatan Pos dan sebagainya.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kandungan kursus sivik itu sukar bagi saya menerangkan satu persatu di Dewan yang mulia ini. Keutamaan kandungannya ialah menanam kesedaran kesetiaan kepada negara dan rakyat dan juga menanam semangat "Perkhidmatan Untuk Rakyat" dan lain-lainnya.

Selain daripada itu ada juga kursus tataterbit dan prosedur-prosedur, peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan Pejabat Pos juga ada diberi dalam kursus sivik itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat dapat memberi cadangan yang bagus, sudah mestinya

Pejabat Pos ataupun Jabatan Pos akan menimbang sebarang cadangan yang akan diadakan di dalam kursus sivik itu.

### **MINYAK KELAPA SAWIT - HASIL PENYELIDIKAN PORIM**

**13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) terhadap minyak mentah kelapa sawit, sama ada ianya kaya dengan sumber-sumber "beta carotene" (pro Vitamin A) dan Vitamin E yang bertindak sebagai agen antibarah atau bagaimana. Dan nyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan di luar negeri bagi menangkis kempen-kempen anti minyak kelapa sawit tersebut dan apakah usaha Kerajaan dalam negeri bagi memastikan peningkatan mutu keluaran minyak kelapa sawit serta mewujudkan kesedaran mengenai kebaikan bahan itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kajian-kajian PORIM menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit adalah minyak neutral yang mengandungi lianolic acid yang penting untuk pertumbuhan kesihatan badan dan juga kaya dengan Vitamin A dan E yang menjadikan ianya satu minyak yang stabil. Vitamin A mempunyai ciri-ciri anti casienogenic yang berupaya bertindak sebagai agen pencegah pertumbuhan barah serta mencegah penyakit buta peringkat umur kanak-kanak. Vitamin E pula adalah agen anti pengoksidan semulajadi serta berkhasiat untuk awit muda dan kesuburan. Sesiapa yang ingin awit muda sentiasa harus makan banyak minyak sawit yang mengandungi Vitamin E.

Kajian-kajian PORIM juga menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit mempunyai ciri-ciri anti thrombotic dan

juga anti arteriosclerosis serta berupaya mengurangkan kesan-kesan negatif cholestrol dalam badan. Sukacita ditegaskan bahawa usaha-usaha ke arah pengeluaran commercial kedua-dua Vitamin ini sedang giat dilaksanakan.

Mengenai usaha menangkis kempen anti minyak kelapa sawit mulai awal 1987, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan satu strategi yang melibatkan:

- (1) usaha menjanakan maklumat yang lebih lengkap mengenai khasiat-khasiat minyak kelapa sawit;
- (2) menghebahkan maklumat-maklumat yang didapati mengenai keistimewaan minyak itu.

Usaha-usaha mendapatkan maklumat lanjut mengenai khasiat minyak sawit dilaksanakan dengan membiayai projek-projek penyelidikan, pemakanan oleh pakar-pakar dari Institusi-institusi yang ternama di beberapa buah negara di dunia. Penghebahan maklumat mengenai khasiat minyak kelapa sawit yang sedia ada serta yang baru dari masa ke semasa disasarkan peringkat awalnya kepada para pengguna makanan dan peniaga-peniaga berkenaan. Tindakan sedang diambil untuk meluaskan kumpulan sasaran ini supaya meliputi juga badan-badan pengguna, para profesional dalam bidang kesihatan dan badan-badan Kerajaan yang berkenaan.

PORLA telahpun mendapat khidmat sebuah firma perhubungan awam yang beribu pejabat di Amerika Syarikat untuk membantu dalam urusan ini. Kakitangan khidmat nasihat teknikal PORIM juga telah bergiat cergas termasuk menganjurkan satu rombongan khas melawat Amerika Syarikat pada kira-kira sebulan dalam bulan Oktober, 1987.

Mengenai usaha dalam negeri bagi memastikan peningkatan mutu pengeluaran kelapa sawit, PORLA telah diarahkan bertindak tegas ke atas pihak-pihak yang menyalahi peraturan-peraturan yang ada untuk maksud ini. Langkah-langkah pemeriksaan terus dijalankan ke atas kilang-kilang buah, kilang-kilang isirong dan kilang penapis serta ke atas penghantaran, (consignments) bahan-bahan ini dan pengeluarannya.

Sementara itu PORIM melalui Jawatankuasa Pengembangan dan Khidmat Nasihat Teknikal di samping usaha membaik-biak terus menerus menasihati dan memimpin kepada semua sektor industri kelapa sawit mengenai pengendalian serta penyimpanan buah, minyak dan memproseskan minyak kelapa sawit bagi menjamin peningkatan mutu minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh negara kita.

Mengenai usaha dalam negeri untuk mewujudkan kesedaran mengenai kebaikan minyak kelapa sawit, Kempen Galakan Minyak Kelapa Sawit Kebangsaan telah dilancarkan pada 3hb Jun, 1988 yang lalu dan di bawah kempen ini yang bertemakan "Minyak Kelapa Sawit Pilihan Istimewa", khasiat bahan ini akan dijelaskan dan dihebahkan.

Pelbagai aktiviti telah diatur untuk perlaksanaan di bawah kempen ini termasuk pameran-pameran, ceramah-ceramah kepada para Doktor, Jururawat, Guru-guru Sains Rumah Tangga, mendirikan papan-papan iklan, iklan-iklan TV dan Radio serta penayangan filem dokumentari.

**Dr. Cben Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dengar minyak kelapa sawit adalah begitu berfaedah dan anti-carcinogenic yang boleh memudahkan orang-ofang. Tetapi tuduhan yang dibuat oleh Soya Bean Association of America menyatak-

an minyak ini ada lemak atau saturated fat lebih daripada 50%. Tuduhan ini tidak ada cukup tentangan. Kita punya reply tidak cukup. Bolehkah PORIM menyasat bagaimana kita boleh mengurangkan saturated fat atau lemak dalam minyak kelapa sawit itu kepada 20% atau 30%. Ini boleh beri satu tentangan atau jawapan yang lebih baik.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian kita menunjukkan bahawa kandungan lemak atau saturated fat minyak sawit ini tidaklah begitu tinggi seperti yang didakwa oleh pengusaha-pengusaha minyak kacang soya Amerika Syarikat walaupun kita mengakui bahawa dari segi kajian yang dibuat agaknya kandungan lemak di dalam minyak sawit itu sedikit sahaja lebih tinggi daripada kandungan minyak kacang soya.

Masalahnya yang timbul sekarang ini ialah siapakah yang berhak menentukan bahawa paras bahaya saturated fat yang terkandung di dalam minyak-minyak itu boleh membahayakan kesihatan manusia. Dalam hal ini pihak pengeluar minyak kacang soya menentukan secara sendiri mereka sahaja bahawa level kandungan lemak atau saturated fat di dalam palm oil ini merbahaya dengan tidak mempunyai alasan-alasan saintifik, sedangkan kita pula mendakwa bahawa walaupun kandungan saturated fat di dalam minyak sawit kita ini agak lebih tinggi kalau dibandingkan dengan minyak soya tetapi ianya belum sampai ke paras yang membahayakan sedangkan ada agen-ageq lain minyak yang baik untuk kesihatan yang tidak terdapat di dalam minyak kacang soya. Ini tidak di-"highlight"-kan oleh Persatuan Kacang Soya. Apa yang kita hendak ialah bahawa sementara pihak Persatuan Kacang Soya mendakwa minyak mereka mempunyai kandungan saturated fat yang rendah, mereka juga mesti mengakui hakikat bahawa minyak

kelapa sawit kita mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri seperti yang telah saya sebutkan tadi iaitu Vitamin E dan Vitamin A yang tidak terdapat di dalam minyak kacang soya.

**Tuan Madatang bin Morejal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi senarai yang lengkap hasil-hasil lain yang boleh diperolehi daripada minyak mentah kelapa sawit mengikut kajian PORIM setakat ini? Dan adakah PORIM menjalankan kajian untuk memproses minyak kelapa sawit untuk dijadikan minyak diesel, dan jika ada, apakah hasil kajian tersebut?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, PORIM banyak sekali menjalankan kajian-kajian (experiments) dan adalah sukar bagi saya menjelaskan satu-persatu di dalam Dewan yang mulia ini kerana ini akan mengambil masa yang amat panjang. Kalau Ahli Yang Berhormat itu berminat, saya boleh meminta para Scientist di PORIM untuk membuat satu briefing khas khusus untuk Yang Berhormat sahaja ataupun kalau ada minat daripada lain-lain Ahli Yang Berhormat kita boleh atur satu briefing oleh para Scientist di PORIM.

Mengenai kajian minyak diesel, kajian ini telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu dan ujian-ujian sedang dijalankan pada masa ini ke atas beberapa buah kenderaan termasuk teksi, lori dan kenderaan biasa dan hasil yang kita perolehi setakat ini adalah menggalakkan, Bagaimanapun sama ada minyak kelapa sawit boleh dikeluarkan minyak diesel secara komersial dan secara ekonomi itu adalah satu soal yang lain pula dan memerlukan satu kajian yang lain.

**PENJARA PUDU -  
MEMINDAHKAN**

14. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) adakah Kerajaan bercadang memindahkan Penjara Pudu ke sesuatu tempat yang lebih luas. Adakah Kerajaan sedar Penjara Pudu terlalu kecil dan tidak dapat menampung keperluan yang kian bertambah. Adakah Kerajaan juga sedar Penjara Pudu yang terletak di tengah-tengah ibukota itu sedikit-sebanyak menghalang laluan kenderaan; dan

(b) berapakah jumlah banduan yang berada di penjara di seluruh negara dan mengikut pecahan bagi setiap negeri. Apakah jenis-jenis jenayah yang dilakukan oleh banduan-banduan dan hukuman yang dikenakan mengikut pecahan, seperti rompak, rogol dan lain-lain dan berapakah jumlah wang yang dibelanjakan setiap tahun ke atas banduan-banduan yang dipenjarakan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang memindahkan Penjara Pudu. Kesesakan lalu lintas di ibukota bukanlah disebabkan semata-mata oleh kedudukan Penjara Pudu itu sendiri.

(b) Jumlah banduan yang berada di seluruh penjara di Malaysia ialah 19,917 orang.

Jumlah banduan di setiap negeri sehingga April, 1988 ialah:-

Kuala Lumpur	-	3,571	orang
Perak	-	2,455	"

Pulau Pinang	-	2,472	"
Johor	-	2,820	"
Kedah	-	1,470	"
Kelantan	-	840	"
Negeri Sembilan	-	792	"
Pahang	-	634	"
Selangor	-	1,924	"
Terengganu	-	437	"
Sarawak	-	439	"
Sabah	-	<u>2,063</u>	"
Jumlah		<u>19,917</u>	"

Perangkaan banduan yang telah dihukum mengikut Akta sehingga April, 1988:-

Bil.	Jenis Akta	Bilangan Jatuh Hukum
1.	Keseluruhan di bawah Penal Code	5,283
2.	Akta Senjatapi	277
3.	Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	37
4.	Akta Dadah Berbahaya	6,576
5.	Akta Colek	26
6.	Lain-lain Akta	1,315
	Jumlah	13,514

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan ke atas pengurusan banduan-banduan dan tahanan I.S.A. bagi setiap tahun adalah seperti berikut:-

**J U M L A H  
P E R B E L A N J A A N**

Tahun	Bagi Banduan	Tahanan I.S.A.
1980	\$22,957,057.57	\$6,488,641.87
1981	\$29,566,631.00	\$8,033,839.00
1982	\$36,487,199.00	\$9,132,609.00
1983	\$38,275,437.62	\$8,212,747.11
1984	\$39,860,919.74	\$8,514,321.31
1985	\$42,943,029.00	\$7,547,970.00
1986	\$50,066,050.00	\$6,783,543.00
1987	\$63,889,215.00	\$7,889,215.00

Perbelanjaan di atas adalah tidak termasuk perbelanjaan ke atas latihan yang diberikan kepada banduan-banduan.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah ditahamkan bahawa banduan-banduan selalunya dibebaskan sebelum tamat hukuman sesudah menolak hari cuti dan juga kelakuan baik mereka semasa dalam menjalankan tahanan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan terdapatkah banduan-banduan yang tidak menerima langsung tentang penolakan tahanan ini ataupun pembebasan lebih awal ini.

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di antara banduan-banduan yang ditahan sekarang ini berapakah peratusannya yang ditahan buat kali yang kedua dan seterusnya dan bolehkah diterangkan juga sama ada tahanan-tahanan mereka itu adakah kerana kesalahan yang serupa diulangi ataupun kesalahan-kesalahan yang lain.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama adakah banduan-banduan menolak pembebasan ini?

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Bukan menolak, tidak mendapat pembebasan yang lebih awal.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini terlalu detail, kerana bukan satu jawapan yang boleh diagak-agak, maka saya memerlukan notis.

Begitu juga soalan yang kedua, berapakah bilangan kali yang pertama, kali yang kedua, kali yang ketiga; ini kalau saya tanya Ketua Pengarah Penjara pada hari inipun saya ingat tak boleh memberi jawapan. Jadi, berilah notis kepada saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan kepada jawapan yang diberikan tadi bahawa Kerajaan belum bercadang untuk memindahkan Penjara Pudu ke satu tempat yang lain, sama ada beliau kini sedar bahawa Penjara Pudu ini yang juga terletak dalam kawasan saya ialah satu benda yang menyakitkan mata ataupun disifatkan sebagai satu 'eyesore' di tengah-tengah bandaraya ini dan juga tidak merupakan satu jalan yang baik untuk menarik lebih pelancong ke negara kita, khususnya ke Kuala Lumpur. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa beberapa tahun yang lalu ECerajaan pernah mengemukakan bahawa ada satu rancangan untuk memindahkan Penjara Pudu ini ke satu tempat yang lain, kalau tidak silap saya ke Kajang, akan tetapi nampaknya ini tidak dapat dilaksanakan, Saya ingin mendapat tahu mengapakah rancangan itu tidak dapat dilaksanakan?

Yang kedua, ialah berkenaan dengan kesesakan yang berlaku di dalam Penjara Pudu itu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ia telah sampai ke satu tahap yang boleh dikatakan sangat serius dan saya ingin mendapat tahu apakah rancangan yang tepat ataupun rancangan spesifik yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah kesesakan banduan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sukar saya menerima kenyataan daripada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengatakan bahawa Penjara Pudu ini menyakitkan mata kerana ada pelawat-pelawat mengatakan bahawa kerana kerajinan pihak Penjara Pudu mencantikkan tembok Penjara Pudu itu menyebabkan satu pemandangan yang cukup indah bagi kawasan Bukit Bintang (*Ketawa*). Jadi, susahlah saya

yang mana satu hendak terima; daripada Waktu Rakyatnya ataupun daripada pengundi-pengundinya. Yang kedua, kita kena faham bahawa Penjara Pudu ini satu penjara yang cukup lama di dalam negara ini, merupakan satu benda yang antik. Jadi, saya kadang-kadang takut juga ia akan dipersoalkan oleh pihak-pihak yang mencintai barang-barang yang antik ini. Bagaimanapun kita mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk menyelesaikan masalah kesesakan dalam Penjara Pudu.

Memang Kementerian sedang mengkaji dengan teliti untuk menjadikan Penjara Pudu ini sebagai penjara remand dan menempatkan banduan-banduan yang telahpun dihukum di sana ke penjara-penjara yang baru kita bina seperti di Kajang dan juga di Simpang Renggam. Simpang Renggam boleh menampung 6,000 banduan, pada hari ini kita hanya muatkan 2,820 orang oleh kerana tidak mempunyai rumah-rumah pegawai dan sebagainya dan masalah pegawai tidak cukup itulah sebabnya Penjara Simpang Renggam itu tidak dapat kita laksanakan sepenuhnya. Di samping itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sedang membina dan akan siap pula penjara-penjara seperti Penjara Terbuka Marang, Terengganu; Penjara Simpang Renggam, Johor sepertimana saya kata ini; Penjara Penok, Pekan, Pahang Darul Makmur; Penjara Remand Tahanan Imigresen Kajang, Selangor; Penjara Remand Tahanan Imigresen Simpang Renggam, Johor dan Pusat Pemulihan Dadah Jelebu, Negeri Sembilan yang untuk menarik keluar banduan-banduan yang bersangkutan dengan dadah di Pudu untuk ditempatkan dan dengan keadaan seperti ini kesesakan di Penjara Pudu akan berkurangan dan diharapkan masalah yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bukit Bintang akan dapat kita selesaikan.

## RACUN PEROSAK PARAQUAT

**15. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

- (i) penggunaan racun perosak paraquat dan lain-lain bahan kimia pertanian adalah bertentangan dengan kesihatan manusia telah mencapai satu peringkat yang membahayakan di negara ini; dan
- (ii) banyak bahan kimia pertanian telah dijeniskan sebagai racun oleh Pertubuhan Kesihatan Seduhia (WHO) dan diharamkan di banyak negara termasuk negara-negara dunia ketiga, telah dijual di Malaysia dan boleh dibeli dengan mudah di negara ini. Jika benar, sila nyatakan bahan-bahan kimia yang dianggap beracun dan mudah didapati.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Ingin saya nyatakan di sini bahawa penggunaan racun perosak tidak semestinya bertentangan dengan kesihatan manusia, sebaliknya terdapat beberapa jenis racun perosak yang digunakan khusus bagi mengawal penyakit supaya kesihatan manusia boleh dikawal. Misalnya, racun perosak DDT, malathion serta beberapa jenis racun perosak jenis pyrethroid sintetik sedang digunakan dengan jayanya untuk membasmi penyakit-penyakit seperti malaria dan denggi di bawah program kawalan vektor penyakit Kementerian Kesihatan.

Kami memang menyedari bahawa racun perosak khususnya paraquat adalah merbahaya dan boleh mengakibatkan kera-

cunan. Kemungkinan kejadian keracunan akan bertambah lagi jika racun perosak tidak digunakan dengan betul atau digunakan bagi tujuan yang menyeleweng. Harus dinyatakan di sini 80% daripada kejadian keracunan akibat paraquat ialah bertujuan membunuh diri di mana dalam tahun 1985 jumlah kematian ialah 317 sementara tahun 1986, 349 orang.

- (ii) Haruskah diterangkan di sini bahawa racun perosak sememangnya bersifat bisa atau beracun. Jika tidak, sudah tentu ia tidak dapat bertindak ke atas sarangnya seperti perosak atau penyakit yang mengancam tanaman, haiwan, manusia dan sebagainya.

Saya ingin menekankan di sini bahawa penjualan racun perosak adalah dikawal di negara ini, iaitu di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Kelulusan bagi sesuatu racun perosak itu diberi hanya setelah diteliti oleh Lembaga Racun Perosak dan diputuskan bahawa faedah penggunaannya melebihi risikonya. Di samping itu, Kementerian akan menggezet kaedah-kaedah racun perosak tidak lama lagi dengan tujuan mengawal penjualan secara lebih ketat lagi sesuatu racun bertoksik seperti paraquat. Kerajaan tidak meluluskan penggunaan racun-racun yang diharamkan oleh WHO atau FAO sebaliknya hanya meluluskan racun-racun yang disyorkan oleh badan-badan tersebut sahaja.

**Tuan S. S. Subramaniam** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar dengan kematian lebih kurang 300 orang setiap tahun dengan menggunakan racun-racun untuk membunuh diri ialah satu kejadian

yang begitu teruk di dalam negara kita. Tetapi yang menyebabkan kematian tersebut nampaknya racun paraquat ini dengan mudahnya boleh didapati oleh pekerja-pekerja di estet-estet dan lain-lain ladang seperti itu. Saya ingin dapat tahu apakah rancangan ataupun tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjaga racun paraquat ini supaya tidak boleh diberikan kepada pekerja-pekerja dengan begitu mudah sahaja dan jika ada apakah lain-lain tindakan untuk menjaga racun ini tidak dapat diperolehi oleh pekerja-pekerja dengan begitu mudah sahaja.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada peraturan-peraturan untuk mengawal jualan racun seperti paraquat dan ada peraturan-peraturan untuk digunakan oleh estet-estet, tetapi kita tidak boleh mengawal sepenuhnya kalau ada sesiapa yang hendak membunuh diri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada satu filem dokumentari yang bertajuk "The Silent Killer" yang mengisahkan tentang bahaya racun dan menunjukkan bagaimana kesan racun ke atas pekerja-pekerja di estet. Saya mahu tahu apakah response Kementerian Pertanian terhadap pendedahan yang dibuat oleh filem dokumentari tersebut. Kalau ada response apakah langkah-langkah yang telah diambil dan bagaimanakah kesannya sehingga sekarang.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar tentang adanya filem ini, iaitu "The Silent Killer" dan kami merasa "The Silent Killer" ini merupakan satu aspek sahaja berkenaan dengan penggunaan racun ini. Walau bagaimanapun, kami telah mengkaji dengan teliti tentang filem ini dan kesan yang ada dan oleh itu kami sudah menyiapkan satu peraturan-peraturan di bawah

Akta Racun Makhluq Perosak dan peraturan-peraturan ini telah digezetkan dan tidak lama lagi akan diimplimentasikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Setiausaha:** Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul. Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit - menyambung semula perbahasan atas masalah .....

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kalau Tuan Yang di-Pertua akan mengisytiharkan kerusi Johor Bharu sebagai satu kerusi kosong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Kerusi apa?

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail:** Ahli Parlimen dari Johor Bahru telah meletakkan jawatan dan telah menghantar surat kepada Tuan Speaker pada 29hb Jun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Saya dapat tahu surat telah diterima dan tindakan telah diambil ke atas surat itu dan tidak perlu kita mengumumkannya di sini. Teruskan.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4.8. 9, II dan 16 hingga 65 adalah di beri di bawah ini).*

#### PELABURAN SAHAM OLEH TABUNG HAJI

**4. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan tentang kedudukan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dari segi:-

- (i) saham perniagaan dan keahliannya;

- (ii) langkah mempertingkatkan keahlian dan meluaskan saham perniagaannya;
- (iii) penglibatan ahli dalam perluasan modal; dan
- (iv) prestasi anak-anak Syarikat LUTH.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor:**

- (i) Pelaburan saham yang diceburi oleh Tabung Haji adalah dalam sektor-sektor perindustrian, perladangan, harta benda dan lain-lain yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Sehingga kini, pelaburan saham terkumpul Tabung Haji dalam saham-saham tercatat dan tidak tercatat serta anak-anak syarikat adalah berjumlah \$371.7 juta dengan nilai pasaran berjumlah \$644.85 juta.

Jumlah pendeposit Tabung Haji setakat ini hanya 1.2 juta orang atau 14% daripada jumlah penduduk Islam Malaysia.

- (ii) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Tabung Haji supaya merangkumi semua penduduk yang beragama Islam adalah dengan memperhebatkan kempen di semua negeri dan daerah termasuk kepada pekerja-pekerja kilang, jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta, peserta-peserta rancangan FELDA dan FELCRA serta guru-guru dan murid-murid sekolah. Selain dari memperhebatkan kempen, Tabung Haji juga melaksanakan beberapa rancangan khas untuk mempertingkatkan jumlah pendepositnya.

Tabung Haji memperluaskan saham-saham perniagaannya dengan cara penerimaan tawaran saham hak bumiputera dari Kementerian Perdagangan dan

- Perindustrian dan juga melalui pembelian saham dari Bursa Saham Kuala Lumpur serta penyertaan dalam bentuk ekuiti dalam syarikat-syarikat yang menguntungkan setelah mendapat kelulusan Majlis Penasihat Kewangan Tabung Haji.
- (iii) Mengenai penglibatan pendeposit-pendeposit dalam usaha memperluaskan modal, Tabung Haji lebih suka pendeposit-pendeposit membuat simpanan melalui potongan gaji kerana dengan jumlah simpanan yang tetap pada setiap bulan lebih mudah dibuat perancangan untuk pelaburan.
- (iv) Tabung haji pada masa ini telah melabur sejumlah \$77.5 juta di dalam 5 buah anak syarikatnya. Prestasi anak-anak syarikat Tabung Haji pada keseluruhannya adalah memuaskan dengan pencapaian keuntungan yang menggalakkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang meleset sepanjang tahun 1987.

**NILAI ISLAM  
DITERAPKAN DALAM  
PENTADBIRAN KERAJAAN**

**8. Tuan Law Lai Heng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) nilai-nilai Islam yang telah diterapkan ke dalam pentadbiran Kerajaan dan masyarakat dan apa nilai-nilai lagi akan diterakan; dan
- (b) adakah pencantuman mahkamah syariah dan sivil bermakna penghakisan hak dan kepentingan sivil orang-orang bukan Islam.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor:**

- (a) Nilai-nilai Islam yang telah dipilih dan diterapkan di dalam Dasar Penerapan Nilai-nilai

Islam adalah seperti berikut:-

- (i) Amanah
  - (ii) Tanggungjawab
  - (iii) Ikhlas
  - (iv) Dedikasi
  - (v) Sederhana
  - (vi) Tekun
  - (vii) Bersih
  - (viii) Berdisiplin
  - (ix) Bekerjasama
  - (x) Berbudi mulia dan
  - (xi) Bersyukur
- (b) Kerajaan sedang berusaha menyelaraskan pentadbiran yang berkaitan dengan undang-undang Syarak dan Sivil dan belum ada keputusan Kerajaan untuk mencantumkan undang-undang Syarak dengan Sivil.

**PROJEK PARIT DAN  
TALIAIR DI SEMENANJUNG  
SEBANGAN-SEBUYAU**

**9. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilakah sistem parit dan taliair di kawasan Semenanjung Sebanggan-Sebuyau mula dilaksanakan dan bilakah tarikh dijangka siapnya;
- (b) berapakah anggaran kos projek tersebut dan siapakah yang mendapat kontrak tersebut;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa kelewatan projek ini akan menyebabkan ramai petani menderita akibat dari ancaman banjir air laut.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Soalan-soalan tersebut telah pun dijawab oleh Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis pada 16 November 1987.

Oleh sebab peruntukan sejumlah \$830,000/- telah diberikan di dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), hanya satu kerja untuk mendiri-

kan satu daripada dua khemah penempatan yang dicadangkan dengan harga kontrak \$591,000/- telah diberikan kepada Kontraktor WAB Keluarga Construction Sdn. Bhd. dalam bulan Jun 1986 dan disiapkan dalam bulan Ogos 1987.

Tindakan telah diambil oleh Jabatan Parit dan Taliair Negeri Sarawak di bawah Kajian Semula RML untuk meminta peruntukan tambahan sejumlah \$1.17 juta bagi tahun 1989-1990 untuk pembinaan infrastruktur bagi satu blok daripada jumlah 13 blok di dalam projek tersebut.

### DOKTOR UDARA YAYASAN SABAH

**11. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Menteri menyedari bahawa kegiatan perkhidmatan perubatan udara atau Doktor Udara Yayasan Sabah telah tidak aktif menjalankan kegiatan perkhidmatan perubatan begini seperti dulu, oleh itu:

- (a) adakah Kementerian ini akan membuat perkhidmatan kesihatan ke kawasan-kawasan yang terpencil bagi menggantikan perkhidmatan ini;
- (b) bolehkah Kementerian ini memperuntukkan perbelanjaan untuk membina klinik-klinik atau pusat perubatan ke kawasan-kawasan pedalaman Kinabatangan yang tidak ada kemudahan perhubungan bagi mendapatkan rawatan di Rumah Sakit Besar Sandakan dalam kes-kes "serious" atau cemas. Kalau ya, adakah ini telah termasuk dalam rancangan peruntukan tahun ini dan kalau tidak mengapa.
- (c) berapa banyakkah klinik-klinik atau pusat kesihatan yang dibina dalam kawasan pedalaman Kinabatangan setakat ini; dan

- (d) bolehkah Menteri menamakan tempat-tempat atau kawasan-kawasan pedalaman Kinabatangan yang telah dibinakan klinik-klinik dan pusat kesihatan ini.

### Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan perubatan udara yang diadakan di Sabah pada masa ini adalah satu langkah sementara sahaja. Perkhidmatan ini tidak begitu perlu apabila klinik-klinik kesihatan yang tetap dapat dibina di kawasan-kawasan pedalaman di mana perkhidmatan tersebut sedang diberi. Kementerian memang merancang untuk mewujudkan perkhidmatan statik khasnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Pada masa ini ada 2 pasukan perubatan udara yang menjalankan perkhidmatan - 2 daripadanya daripada Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Sabah dan satu lagi daripada Yayasan Sabah. Ketiga-tiga pasukan ini adalah masih sangat aktif. Mungkin, kadang kala perkhidmatan ke satu-satu kampung terpaksa ditangguhkan oleh sebab cuaca tidak baik.

- (b) Kementerian Kesihatan ada cadangan untuk membina 2 Pusat Kesihatan Fasa I, 1 Pusat Kesihatan yang dinaikkan taraf daripada Pusat Kesihatan Kecil kepada Pusat Kesihatan Besar dan 4 Klinik Desa bagi daerah Kinabatangan. Bagaimanapun, hanya 2 projek dapat dibina dalam tahun 1989' dan 1990. Projek-projek ini ialah Pusat Kesihatan Fasa I di Sukau dan Klinik Desa di Entiliban. Projek-projek yang lain mungkin akan dapat dibina dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keenam.

- (c) & (d) Setakat ini sejumlah 5 Pusat Kesihatan Fasa I dan 6 buah Klinik Desa telah dibina di Kinabatangan. Semua kemudahan kesihatan ini telah dibina di kawasan pendalaman, iaitu, Tongod, Kuamut, Penangah, Bukit Garam, Pulau Tambison, Sukau, Karamuak, Batu Puteh dan Merusoh.

### HARGA KOKO

**16. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan di dalam mengawal dan mengatasi kejatuhan harga koko pada masa ini. Ini adalah oleh kerana pada ketika ini pengusaha-pengusaha ladang koko terutamanya kaum Bumiputera sedang menghadapi masalah-masalah seperti pembayaran balik pinjaman di bank-bank bagi mengusahakan ladang-ladang mereka dan juga di dalam membangun ladang-ladang tersebut.

**Dato' Atexander Yu Lung Lee:** Soalan ini adalah sama dengan soalan yang telah dijawab oleh Kementerian ini pada 30.6.88. Oleh yang demik'ian saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa pada jawapan tersebut.

### HARTA UMNO LAMA

**17. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Amanahraya untuk mentadbirkan harta-harta UMNO lama;
- (b) senaraikan harta-harta UMNO yang sedang diuruskan oleh Amanahraya; dan
- (c) apakah masalah yang dihadapi oleh Amanahraya untuk me-

ngambil alih pentadbiran harta-harta UMNO lama.

### Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Pegawai Pemegang Harta untuk mentadbirkan harta-harta UMNO ialah:
- (i) Borang aset dan liabiliti telah dihantar pada 15.3.88 kepada UMNO di setiap peringkat untuk mendapatkan senarai semua aset dan Habiliti UMNO;
  - (ii) Mengarahkan semua bank menutup semua akaun di atas nama UMNO dan menghangtarkan apa-apa baki kredit kepada Pegawai Pemegang Harta;
  - (iii) Menguruskan pentadbiran bangunan-bangunan UMNO yang telah diketahui oleh Pegawai Pemegang Harta;
  - (iv) Menyimpan dan menjaga kenderaan-kenderaan UMNO yang telah diserahkan kepada Pegawai Pemegang Harta;
  - (v) Mengurus mana-mana tanah yang telah diserahkan kepada Pegawai Pemegang Harta;
  - (vi) Pegawai Pemegang Harta akan terus berusaha mendapatkan senarai aset dan liabiliti UMNO sejajar dengan peruntukan yang terdapat dalam Akta Pertubuhan 1966.
- (b) Jumlah penuh harta-harta UMNO yang patut terletak

pada Pegawai Pemegang Harta belum dapat ditentukan lagi kerana borang-borang aset dan liabiliti yang dihantar kepada UMNO di setiap peringkat belum diterima lagi sepenuhnya. Namun begitu sehingga 25.6.1988 Pegawai Pemegang Harta telah menerima dan sedang menguruskan:

(i) Wang sebanyak \$5,119,477.72 daripada bank-bank di Malaysia setelah mereka menutup apa-apa akaun atas nama UMNO;

(ii) 17 buah bangunan;

(iii) 6 buah kenderaan.

(c) Masalah yang dihadapi oleh Pegawai Pemegang Harta untuk mengambil alih pentadbiran harta-harta UMNO ialah kesukaran menentukan apakah aset dan Habiliti UMNO di setiap peringkat dan jumlah serta nilainya oleh kerana borang-borang aset dan liabiliti belum diterima sepenuhnya dari sejumlah besar daripada UMNO di setiap peringkat.

#### AKTA FELDA - MEMINDA

**18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberitahu sama ada FELDA mencadangkan supaya Akta FELDA dipinda dengan yang demikian membenarkan FELDA membeli estet-estet swasta dan dijadikan FELDA, kalau tidak kenapa?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak ada cadangan untuk meminda Akta FELDA bagi membolehkan FELDA membeli estet-estet dan dijadikan rancangan FELDA. Peranan utama FELDA ialah untuk membuka kawasan baru yang belum lagi diteroka dan dimajukan oleh mana-mana pihak. Memandangkan pada masa ini banyak lagi terdapat kawasan tanah yang belum diusahakan oleh mana-mana pihak, maka FELDA akan terus melaksanakan peranan utamanya untuk memajukan kawasan-kawasan berkenaan.

#### LEMBAGA LETRIK NEGARA - PENSWASTAAN

**19. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

(a) apakah hasil kajian penswastan Lembaga Letrik Negara (LLN); dan

(b) benarkah Jabatan Perkhidmatan Pos akan diswastakan, kalau benar, bila?

**Tuan Ong Tin Kim:**

(a) Bank Bumiputra Merchant Bankers telah dilantik untuk membuat kajian kemungkinan berhubung dengan penswastan Lembaga Letrik negara (LLN). Bank tersebut telah pun mengemukakan laporannya kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga setakat ini kerajaan belum membuat keputusan muktamad sama ada LLN akan diswastakan dan bentuk penswastan yang difikirkan sesuai.

(b) Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia juga telah disenaraikan sebagai perkhidmatan yang mungkin dan layak diswastakan. Walau bagaimanapun, kerajaan belum lagi memutuskan sama ada hendak menswastakan atau pun tidak.

### SISWAZAH MENGGANGGUR

**20. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapa ada satu pihak wujud beribu siswazah yang menganggur dan pada pihak yang satu lagi wujud pula kekurangan guru-guru yang terlatih; dan
- (b) adakah ini bermakna siswazah-siswazah yang menganggur ini dilatih dalam bidang yang salah.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kebanyakan graduan yang menganggur adalah terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus-kursus teknologi dan sastera. Sebaliknya kekurangan guru yang paling nyata ialah untuk mata pelajaran bahasa, iaitu Bahasa Malaysia seramai 1,079 orang dan Bahasa Inggeris 1,438 orang. Ramai siswazah yang menganggur adalah disebabkan oleh bilangan siswazah yang semakin bertambah setiap tahun kerana terdapatnya peluang pendidikan tinggi yang lebih luas kepada mereka yang berkelayakan. Pada masa yang sama dengan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia yang telah membawa kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara telah menyekat pengwujudan peluang-peluang pekerjaan sama ada di sektor awam mahupun swasta.
- (h) Berkaitan dengan perkara di atas juga, maka soal siswazah dilatih dalam bidang yang salah adalah tidak benar.

### PELABURAN ASING DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN

**21. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dari pelaburan asing dalam sektor

perindustrian baru-baru ini, apakah jenis-jenis industri yang dijangka boleh diambil alih oleh rakyat Malaysia secara 100% dalam masa yang singkat? Berapa tahunkah dianggarkan diperlukan untuk mencapai matlamat ini? Apakah kemungkinan matlamat ini tercapai dalam masa yang dijangkakan?

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Untuk maklumat Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka di mana Kerajaan menggalakkan kedua-dua pelaburan asing dan tempatan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan sektor perkilangan. Selaras dengan itu beberapa perubahan dan galangan-galangan baru diperkenalkan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 untuk menarik minat mereka melabur di sini. Begitu juga terdapat kelonggaran ke atas syarat-syarat bagi penyertaan ekuiti asing di mana mereka dibenarkan memegang 100% ekuiti jika:

- (i) syarikat tersebut mengeksport 50% atau lebih pengeluarannya atau pekerja sepenuh masa seramai 350 orang rakyat Malaysia;
- (ii) keluaran syarikat tersebut tidak bersaing dengan keluaran tempatan bagi pasaran dalam negeri.

Soal rakyat Malaysia mengambil alih 100% industri-industri tertentu tidak timbul kerana kebanyakan daripada industri-industri tersebut mengeksport keluaran mereka ke luar negeri dan mereka boleh memegang kesemua ekuiti. Jika hanya sesebuah syarikat tersebut mempunyai ekuiti asing kurang dari 100% serta mengeluarkan pengeluaran untuk pasaran tempatan, maka syarikat tersebut mestilah mengikuti garis-garis panduan ekuiti untuk rakyat Malaysia seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, ianya meliputi semua jenis industri dan

tiada industri-industri tertentu yang dikenalpasti. Selain dari itu, Kerajaan tidak ada dasar untuk rakyat Malaysia mengambil alih 100% mana-mana syarikat atau industri. Jual beli saham daripada pelabur asing kepada pelabur tempatan adalah terpulang kepada perundingan antara kedua-dua pihak. Juga rakyat Malaysia digalakkan melabur dalam semua industri yang mungkin dan diberi insentif-insentif sama seperti pelabur-pelabur asing.

### BIJI KOPI - KEPERLUAN TEMPATAN

**22. Dr. Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah para pekebun kopi di negara ini dapat mengeluarkan biji kopi cukup untuk keperluan tempatan;
- (b) jika tidak mencukupi dari negeri manakah negara ini mengimport biji kopi dan berapakah jumlah kos mengimport kopi di tahun 1986 dan 1987; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pekebun-pekebun menanam kopi untuk menjimatkan pengeluaran wang negara kita ke negeri asing.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

- (a) Para pekebun kopi di negara ini tidak dapat mengeluarkan biji kopi yang mencukupi untuk keperluan tempatan. Bagi tahun 1986 jumlah pengeluaran tempatan ialah 9218 tan biji kopi dan jumlah penggunaan tempatan ialah 16160 tan bagi serbuk kopi dan kopi segera.
- (b) Punca bekalan utama biji kopi mentah yang diimport ialah Indonesia dan jenis kopi yang diimport ialah terutamanya kopi Robusta yang sering kali dicampur dengan dengan biji-biji kopi

tempatan jenis Liberica untuk memperbaiki rasa serbuk kopi. Nilai import keluaran kopi bagi tahun 1986 dan 1987 ialah \$69.66 juta dan \$40.45 juta manakala jumlah import keluaran kopi ialah 4,124 tan dan 6,423 tan bagi tahun 1986 dan 1987. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1986 dan 1987, nilai eksport keluaran kopi ialah \$6.54 juta dan \$6.68 juta.

- (c) Mengikut Pelan Pengeluarah Makanan Kementerian Pertanian, seluas 2,100 hektar akan dimajukan dengan tanaman kopi Robusta sehingga 1990. Usaha ini akan ditumpukan di empat daerah di negeri Kedah iaitu di Sik, Baling, Padang Terap dan Yan. Sehingga sekarang seluas 838 hektar telah dilaksanakan. Dengan pelan ini, pengeluaran sebanyak 2,400 tan kopi beras adalah dianggarkan dari pertambahan keluasan tanaman ini menjelang tahun 1993. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan membaikpulih kawasan-kawasan kopi Liberica yang sedia ada bagi mempertingkatkan produktiviti kawasan ini. Pengeluaran kopi Liberica sebanyak 6,500 tan setahun ini adalah penting untuk menjimatkan pengeluaran wang negara kita ke negeri asing.

### HARGA GETAH ASU

**23. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan sejak beberapa bulan ini harga getah asli telah melambung tinggi, oleh itu berapakah jumlah eksport tahun ini dan sebutkan negara-negara manakah yang terbesar sekali sebagai pembeli,

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Harga getah asli telah mula meningkat pada bulan

April tahun ini dan hingga sekarang masih berada di paras yang kukuh.

Jumlah eksport getah asli Malaysia tahun ini dianggarkan sebanyak 1,620,000 tan metrik. Dalam tahun 1987 negara-negara pembeli utama getah asli Malaysia ialah Republik Rakyat China, Republik Korea Selatan, Amerika Syarikat, Jerman Barat, Jepun, United Kingdom, Itali, Rusia, Perancis, Sepanyol dan Yugoslavia. Walaupun sejumlah besar getah Malaysia dieksport ke Singapura, Singapura tidak digolongkan sebagai negara pembeli utama oleh kerana Singapura mengeksport semula getah yang dibelinya dari Malaysia.

#### **DOKTOR DAN DOKTOR PAKAR - KEKURANGAN**

**24. Tuan Basri bin Bajuri** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi:

- (i) mempercepatkan dan mengatasi masalah kekurangan doktor dan doktor-doktor pakar terutamanya di hospital-hospital luar bandar;
- (ii) berapa ramai doktor dan doktor pakar yang diperlukan sekarang dan 5 tahun akan datang.

**Dato' K. Pathmanaban:**

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor dan doktor-doktor pakar di seluruh negara termasuk di hospital-hospital daerah. Beberapa langkah sedang dan telah diambil oleh Kerajaan seperti memperluaskan pengambilan di Fakulti Perubatan di Universiti-Universiti Tempatan, mengadakan skim latihan di dalam dan di luar negeri untuk doktor-doktor

dan pakar-pakar perubatan. Peraturan juga dibuat untuk doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan melawat ke hospital-hospital daerah dari semasa ke semasa untuk merawat pesakit-pesakit.

Kerajaan juga telah mengadakan beberapa insentif secara kenaikan pangkat dan kemudahan semasa bekerja untuk menggalakkan doktor-doktor kekal dengan perkhidmatan kerajaan. Sebagai langkah sementara, Kerajaan telah mengambil beberapa pakar perubatan asing secara kontrak bagi menambahkan bilangan pakar-pakar di negara ini.

- (ii) Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 545 orang doktor dan 123 doktor pakar diperlukan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada seharusnya. Walau bagaimanapun, dengan adanya proses kenaikan pangkat yang sedang diadakan, kebanyakan jawatan doktor-doktor pakar akan dapat diisi.

Mengikut perancangan Kementerian Kesihatan, berasaskan norma-norma (norms) perkhidmatan yang baik (desirable), kita memerlukan lebih dari dua kali ganda jawatan doktor biasa (iaitu lebih kurang 4,600 doktor biasa) dan tambahan doktor-doktor pakar sebanyak 1,300 orang. Tetapi, pengwujudan jawatan-jawatan ini akan dilaksanakan secara berperingkat sahaja mengikut keupayaan Budget semasa dan "availability" doktor-doktor untuk berkhidmat dengan Kementerian.

#### **BALAI BOMBA DI PUCHONG**

**25. Dr. V. David** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

menyatakan adakah Kementeriannya mempunyai rancangan untuk membina sebuah Balai Bomba di Puchong, Selangor Darul Ehsan, memandangkan pertumbuhan pembangunan pesat. Jika ya, bilakah Balai Bomba ini akan dibina.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat);** Kementrian saya memang sedar bahawa kawasan Puchong adalah salah satu kawasan yang sedang membangun dengan pesatnya. Sekeping tanah 3 ekar telah pun diperuntukkan oleh sebuah syarikat pemaju perumahan swasta sebagai tapak Balai Bomba dan Kementrian saya akan berusaha dalam Rancangan Malaysia Ke-6 untuk mendapatkan peruntukan bagi pembinaan sebuah Balai Bomba di kawasan Puchong.

Sebelum Balai Bomba dapat dibina, jika berlaku kebakaran, bantuan dari Balai-balai Bomba Sungai Besi dan Jalan Pantai dan Petaling Jaya bolehlah diperolehi. Kereta-kereta bomba dapat bekejar ke tempat kebakaran dalam tempoh masa 10 minit dari Balai-balai Bomba tersebut.

### **RANCANGAN HIBURAN HARI RAYA**

**26, Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa dengan mengadakan rancangan-rancangan hiburan di Hari Raya telah menghalang secara langsung atau tidak langsung rakyat ziarah menziarahi di antara satu dengan lain;
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan rancangan hiburan tersebut supaya Hari Raya akan benar-benar digunakan untuk ziarah menziarahi;

- (c) adakah Kerajaan berpuas hati dengan kawalan bentuk pakaian para peserta rancangan hiburan RTM dan filem yang ditayangkan oleh RTM.

### **Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):**

- (a) Rancangan-rancangan hiburan yang disiarkan pada Hari Raya adalah untuk menambahkan kemeriahan hari tersebut dan tidak sekali-kali bertujuan untuk menghalang mana-mana pihak untuk ziarah menziarahi di antara satu sama lain pada hari itu. Selain dari rancangan hiburan RTM juga menyiarkan rancangan berbentuk agama sesuai dengan hari yang mulia itu.
- (b) RTM tidak bercadang untuk mengurangkan rancangan hiburan pada Hari Raya kerana rancangan-rancangan itu bukan sahaja dapat memeriahkan lagi hari yang mulia itu tetapi dapat juga memupukkan integrasi nasional dan perpaduan rakyat. Terpulanglah kepada individu sama ada hendak berziarah atau menonton TV semasa sesuatu rancangan itu disiarkan.
- (c) RTM sentiasa menilai program-program siarannya supaya bersesuaian dengan nilai-nilai budaya dan masyarakat seperti yang telah ditetapkan dalam garis-garis panduan kod etika penyiaran yang digunakan. Ini termasuklah panduan mengenai pakaian-pakaian supaya ianya tidak menjolok mata dan adalah bersesuaian dengan sesuatu rancangan. RTM berpuas hati dengan garis panduan yang diikuti dan akan terus menguatkuasakannya dengan lebih teliti.

**ORANG YANG DITAHAN DI  
BAWAH UNDANG-UNDANG  
TAHANAN PENCEGAHAN**

**27. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang yang ditahan di bawah tahanan pencegahan sehingga akhir Mei 1988 dengan memberi satu pecahan angka bilangan orang-orang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang tahanan pencegahan apakah mereka ditahan; dan
- (b) memandangkan begitu luas kuasa yang diberikan kepada polis untuk menangkap dan menahan orang-orang di bawah tahanan pencegahan tanpa perbicaraan adakah kerajaan bersedia bertanggungjawab kepada orang ramai untuk mengumumkan semua nama orang yang ditahan di bawah tahanan pencegahan, tempoh tahanan dan tuduhan yang dikenakan ke atas mereka dan tidak merahsiakannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Bilangan orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan dari bulan Mei 1985 hingga Mei 1988 adalah seperti berikut:-
- (i) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegah Jenayah) 1969 - 1172 orang
- (ii) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas 1985 -1624"

(iii) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 - 102 "

Jumlah keseluruhannya ialah \_\_\_\_\_2898 "

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan mengeluarkan apa-apa perintah tahanan di bawah undang-undang pencegahan dibuat mengikut lunas undang-undang dan tidak dengan sewenang-wenangnya. Orang-orang yang dikenakan perintah tahanan telah diberitahu sebab-sebab mereka ditahan dan mereka boleh membuat rayuan sewajarnya kepada Lembaga Penasihat. Oleh itu, tidaklah perlu kerajaan mengumumkan nama-nama mereka kepada mana-mana pihak termasuk Ahli Yang Berhormat.

**PROTON SAGA DIJUAL DI  
AMERIKA**

**28. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa pembayar-pembayar cukai Malaysia memberi bantuan subsidi kepada orang-orang Amerika untuk membeli Proton Saga, kerana kereta-kereta ini dijual di Amerika separuh dari harga Proton Saga yang dijual di negara ini. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa dengan bertambahnya permintaan akan meningkatkan pengeluaran dan harga seunit akan jatuh kerana pengeluar menikmati apa yang dipanggil 'Economic of Scale'. Tetapi bolehkah harganya diturunkan ke taraf di mana ia masih menguntungkan walaupun Proton Saga dijual di luar negeri dengan separuh dari harga tempatan. Dan adakah dengan bertam-

bahnya permintaan untuk Proton Saga memberi faedah meskipun ini bermakna ia dijual di luar negeri dengan harga yang rendah.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Yang Berhormat, pada bulan Disember 1987, PROTON telah menandatangani perjanjian dengan Proton America Inc. untuk pengedaran Proton Saga di USA. Sungguhpun demikian pemasarannya hanya dijangka bermula pada bulan Mei 1989. Perjanjian itu, antara lain, menetapkan bahawa harga jualan akan dirundingkan kemudian. Setakat ini kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga jualan ini. Memandangkan kepada kedudukan ini maka tidaklah boleh dipastikan pada masa ini sama ada harga jualan Proton Saga di USA kelak akan jadi lebih murah atau lebih mahal daripada harga jualan dalam negeri.

Jika kita berpandukan kepada pengalaman eksport Proton Saga setakat ini, didapati harga jualan Proton Saga 1.3GL umpamanya adalah lebih mahal di negara pengimport, seperti Bangladesh, Eire dan New Zealand. Adalah diperhatikan salah satu faktor yang menyebabkan harga yang tinggi itu ialah terdapatnya duti import yang tinggi, iaitu 75% harga CIF bagi New Zealand dan 150% harga CIF bagi Bangladesh. Sebaliknya harga jualan Proton Saga di Brunei adalah lebih murah dan adalah didapati duti importnya juga rendah iaitu 20% harga CIF. Duti import di USA yang rendah itu boleh mengurangkan harga jualan Proton Saga di USA. Di samping itu beberapa langkah lain juga boleh diambil bagi mendapatkan harga jualan yang rendah seperti menjual ke USA hanya kereta asas, iaitu tanpa kelengkapan-kelengkapan 'optional'. Selain faktor-faktor tersebut, perubahan-perubahan kadar pertukaran wang asing dan kadar faedah pinjaman boleh turut mengurangkan harga jualan

Proton Saga. Kesemua faktor-faktor itu bukanlah bentuk subsidi sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Mengenai soal sama ada pertambahan jualan Proton Saga itu berfaedah sedangkan ianya dilakukan dengan menjualnya pada harga yang rendah di luar negeri, Yang Berhormat sedia maklum bahawa pertambahan itu akan meningkatkan penggunaan keupayaan terpasang di kilang PROTON. Ini bermakna pekerja-pekerja kilang tidak akan menganggur, kos pengeluaran dapat dikurangkan, dan pengguna tidak akan akan dikenakan harga yang lebih tinggi. Pertambahan jumlah pengeluaran juga akan memberi faedah kepada pengilang industri komponen kerana mendapat pasaran besar yang stabil. Pembangunan industri komponen ini selanjutnya dapat pula menghasilkan beberapa siri rangkaian aktiviti-aktiviti ekonomi lain yang mana kesemuanya akan memberi faedah kepada negara.

#### **RINGGIT MALAYSIA - PENURUNAN NILAI**

**29. Tuan Fung Ket 'Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kemerosotan nilai ringgit Malaysia berbanding dengan Yen Jepun, US Dollar, Singapore Dollar, dan matawang-matawang utama di dunia ini, setakat manakah penurunan nilai matawang kita mempengaruhi hutang asing dan kedudukan pembayaran balik hutang negara dan apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk mengukuhkan matawang kita.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Penurunan nilai ringgit berbanding dengan matawang-matawang asing seperti Yen Jepun, Mark German, Dolar Singapura dan Paun Sterling adalah akibat dari bertambah kukuhnya nilai matawang-matawang asing ini di pasaran antarabangsa terutamanya berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat. Turun dan naiknya nilai ringgit, seperti juga

lain-lain matawang asing, adalah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan perdagangan antarabangsa, dan ditentukan oleh kuasa pasaran berasaskan permintaan dan penawaran. Ini bererti yang perubahan dalam nilai ringgit adalah di luar kawalan kita.

Kenaikan matawang-matawang asing ini, terutamanya Yen Jepun dan Mark German berbanding dengan Ringgit Malaysia, telah menyebabkan hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan meningkat. Dalam tempoh 1985-1987, jumlah tambahan pada pinjaman akibat dari kenaikan matawang asing adalah sebanyak 20.7%. Walau bagaimanapun, beban ini telah dapat dikurangkan oleh kerana bayaran balik ke atas faedah telah menurun berikutan dengan penurunan kadar faedah di pasaran kewangan antarabangsa.

Pada keseluruhannya, perubahan dalam matawang asing tidak menjejaskan keupayaan Malaysia membiayai khidmat bayaran hutangnya. Pembayaran balik pinjaman dipatuhi mengikut jadual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah pembayaran balik hutang luar yang telah jatuh daripada 18% pada tahun 1986 kepada 15.2% pada tahun 1987, mengukuhkan lagi keupayaan Malaysia membiayai khidmat bayaran hutangnya.

Berkenaan dengan kedudukan matawang kita, dasar Kerajaan yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia ialah tidak mencampurtangan dalam pasaran matawang. Sebarang campurtangan untuk menyokong nilai ringgit akan hanya menggalakkan spekulasi yang akan menjejaskan perkembangan ekonomi yang sempurna dan juga keupayaan barangan eksport Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa.

Pada asasnya, nilai sesuatu matawang bergantung pada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar

pertumbuhan, imbangan pembayaran dan kadar inflasi. Berasaskan ini, Kerajaan memberi tekanan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan imbangan pembayarannya di samping mengawal perbelanjaan sektor awam. Dalam keadaan ekonomi kita yang kini semakin kukuh, nilai ringgit dijangka bertambah stabil.

#### **GURU-GURUS.R. J.K. (C) - KENAIKAN PANGKAT**

**30. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah keputusan dan tindakan telah, sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah kenaikan pangkat guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan akademik pendidikan bahasa Cina dalam S.R.J.K. (C).

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan Guru Besar, Penolong Kanan I, Penolong Kanan II dan Penyelia Petang di S.R.J.K. (C) harus mempunyai kelulusan formal dalam Bahasa Mandarin di peringkat SRP/SPM atau kelayakan yang sesuai. Guru-guru yang dilantik untuk mengisi jawatan Penolong Kanan Ko-Kurikulum boleh juga dilantik daripada kalangan guru-guru yang sesuai dan boleh menjalankan tugas-tugas dengan baik. Sekiranya terdapat sebarang kelayakan/kurang kelulusan Kementerian Pendidikan bersedia untuk menimbang.

#### **SKIM MEMILIKI RUMAH PEKERJA**

**31. Tuan S.S. Subramaniam** minta Menteri Buruh menyatakan berapa-unit perumahan yang telah dibina di bawah skim perumahan khas untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong pada tahun 1985, 1986 dan 1987; adakah

Kerajaan Pusat berpuashati dengan pencapaian skim perumahan tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembinaan lebih unit rumah di bawah skim tersebut.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed)** Skim Memiliki Rumah Pekerja adalah merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Hasil daripada nasihat dan galakan Jabatan Buruh setakat ini 8 buah ladang dan sebuah lombong telah berjaya melaksanakan Skim ini dengan membina 1,605 unit rumah untuk pekerja-pekerjanya. Selain itu, 15 buah ladang dan 6 buah lombong lagi turut mengambil bahagian dalam Skim ini dan sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Bilangan rumah yang dijangka akan dibina oleh mereka ialah 10,144 unit.

Ladang Pasir Pinji, Ipoh, Perak telah menyiapkan binaan 462 unit rumah dalam tahun 1987 dan rumah-rumah itu dijangka dapat didiami pada akhir tahun 1988.

Kementerian Buruh sedar bahawa Skim ini belum mendapat sambutan yang menggalakkan. Skim ini merupakan satu penyertaan sukarela yang berterusan dan mengambil masa yang panjang untuk melaksanakannya kerana pelaksanaannya melibatkan beberapa agensi Kerajaan. Langkah-langkah akan terus diambil untuk menggalakkan lebih ramai majikan menyertai Skim ini. Pegawai-pegawai buruh dalam lawatan-lawatan mereka ke ladang-ladang dan lombong-lombong telah menyarankan dan menggalakkan majikan supaya menyertai Skim ini, di samping memberi nasihat ke atas perkara-perkara yang melibatkan lain-lain agensi Kerajaan.

## JKR DAN LLN - PENYELARASAN

**32. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Abmad** minta Menteri Kerjaya menyatakan sama ada rungutan orang ramai mengenai penyelarasan di antara JKR dan LLN telah dilaksanakan supaya tidak lagi timbul apa-apa masalah kepada mereka. Kalau ada apakah bentuk penyelarasan itu. Kalau tidak mengapakah penyelarasan itu tidak dapat dilaksanakan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Sebenarnya JKR, sebagai satu agensi pelaksana, ada penyelarasan dengan LLN dalam pelaksanaan projek-projeknya. Jabatan ini memang kerap mengadakan mesyuarat dengan LLN di peringkat perancangan untuk menentukan bila dan bentuk tindakan perlu diambil serta tanggungjawab masing-masing untuk menjalankan sesuatu kerja di peringkat pelaksanaan.

## JALAN BOTA KIRI-TELOK SENA-KEROSAKAN

**33. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Kerjaraya memberi penjelasan bagaimana jalanraya Bota Kiri ke Telok Sena boleh rosak semula selepas tiga bulan diperbaiki. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan mutu jalanraya yang baik supaya masalah ini tidak akan berulang lagi.

**Dato' S. Samy Vellu:** Jalan dari Bota Kiri ke Telok Sena adalah jalan negeri di mana jalan tersebut hanya berupaya untuk menampung kenderaan-kenderaan yang beratnya tidak melebihi 5 1/2 tan. Kerosakan yang berlaku di jalan tersebut adalah kerana kenderaan-kenderaan berat melalui jalan ini bagi tujuan pembangunan projek bersepadu di seberang Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mutu jalanraya yang digunakan di negara ini termasuk jalan-jalan

negeri adalah mengikut keperluan kawasan-kawasan di mana jalan itu dibina. Mutu itu adalah mengikut standard JKR 01 sehingga 06. Apa yang telah sebenarnya berlaku ialah jalan-jalan tersebut telah digunakan oleh kenderaan yang sepatutnya tidak boleh menggunakannya, iaitu kenderaan yang beratnya melebihi apa yang boleh ditampung oleh jalan-jalan tersebut. Oleh itu, telah berlaku jalan-jalan tersebut rosak.

Masa ini JKR Daerah Perak Tengah sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan daripada Bota Kiri ke Telok Sena dari semasa ke semasa dan saya difahamkan bahawa kerajaan negeri akan mengetatkan lagi pengawalan kegunaan jalan tersebut supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

#### PEGAWAI PERUBATAN DI SABAH

**34. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kesihatan menyatakan dengan jelas bilakah 72 orang doktor akan tiba di Sabah, tahun ini, sama ada beliau sedar bahawa Sarawak telah pun mempunyai 3 orang ahli pathologi tetapi di Sabah belum ada. Jelaskan mengapa layanan yang tidak adil seperti ini boleh terjadi.

**Dato' K. Pathamanaban:** Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun meluluskan sebanyak 69 jawatan baru pegawai perubatan bagi negeri Sabah untuk tahun 1988. Jawatan-jawatan ini sedang diisi secara berperingkat.

Seorang Pakar Pathologi telah pun ditempatkan di Sabah baru-baru ini.

#### ASIAN WALL STREET JOURNAL

**35. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akhbar Asian Wall Street Journal terbitan 31hb

Mei 1988 ada melaporkan bahawa projek pengswastaan lebuh raya yang berharga berjuta-juta ringgit diberi kepada satu syarikat yang bernama Seri Angkasa Sdn. Bhd. dan syarikat ini dimiliki oleh abang kepada Menteri Kewangan iaitu Encik Daim Zainuddin telah digantung peredarannya selama beberapa hari oleh Kementerian ini. Jika ia, atas alasan apakah akhbar ini digantung buat seketika.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian ini tidak pernah menggantung peredaran akhbar The Asian Wall Street Journal keluaran 31hb Mei 1988.

#### RINGGIT MALAYSIA - MEMPERKUKUHKAN

**36. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerianya sedar nilai matawang ringgit telah jatuh ke paras rendah berbanding dengan matawang negara-negara jiran, dan juga dengan Yen dan Mark. Apakah langkah-langkah Kerajaan sedang dan akan mengambil memperkukuhkan matawang ringgit kita.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Saya sedar bahawa nilai ringgit telah merosot terhadap beberapa matawang asing. Turun dan naiknya nilai ringgit adalah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan perdagangan antarabangsa serta faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit. Nilai ringgit merosot terutamanya semenjak suku terakhir tahun 1985. Seperti Yang Berhormat juga sedia maklum, ekonomi negara telah mengalami kemerosotan dalam tahun 1985 dan 1986. Eksport kita juga telah pun terjejas oleh kerana kekurangan permintaan dunia. Faktor-faktor ini telah mempengaruhi kemerosotan nilai ringgit. Di samping itu, kemerosotan nilai ringgit juga mencerminkan kukuhannya nilai beberapa matawang asing di pasaran antarabangsa terutamanya Yen dan Deutsche-mark.

Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campur tangan dalam pasaran pertukaran wang asing. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia hanya bertindak di dalam pasaran wang antarabangsa untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur. Sebarang usaha untuk menyokong nilai ringgit yang bertentangan dengan mekanisme pasaran hanya menguntungkan golongan spekulasi dan tidak akan menguntungkan negara.

Pada asasnya nilai sesuatu matawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbalan pembayaran dan inflasi. Oleh kerana inilah Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan imbalan pembayaran dengan menggalakkan lebih banyak eksport kita serta meningkatkan produktiviti dan daya persaingan keluaran Malaysia. Dalam keadaan ekonomi kita yang semakin kukuh, nilai ringgit dijangka bertambah stabil.

#### PERUNTUKAN TARAF JALAN KAMPUNG DI SABAH

37. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk tahun 1988 bagi projek seperti berikut:-

- (a) Peningkatan taraf jalanraya (kepada semi-grouting).
- (b) Industri kecil dan industri kampung.
- (c) Pecahan jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk setiap daerah.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

- (a) Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa

peruntukan yang diberikan di bawah Program Naik Taraf Jalan Kampung untuk Negeri Sabah bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$3.6 juta.

Pecahan jumlah peruntukan Program Naik Taraf Jalan Kampung mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Jumlah Peruntukan
1. Lahad Datu	\$366,622
2. Kunak	\$251,465
3. Semporna	\$323,395
4. Menumbok	\$398,479
5. Membakut	\$ 69,820
6. Pitas	\$101,376
7. Tawau	\$202,752
8. Penampang	\$215,424,
9. Tuaran	\$202,752
10. Kota Marudu	\$202,752
11. Papar	\$359,087
12. KualaPenyu	\$188,703
13. Sipitang	\$ 94,351
14. Nabawan	\$ 75,481
15. Keningau	\$166,734
16. Tambunan	\$ 47,176
17. Telupid	\$ 47,176
18. Tenom	\$ 47,178
19. Beaufort	\$ 76,032
20. Kudat	\$ 69,955

- (b) Program industri kecil yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak memperuntukkan secara khas kepada mana-mana negeri atau daerah termasuk Sabah. Peruntukan untuk pembangunan industri kecil/kampung dikeluarkan mengikut permohonan pengusaha yang berminat dan dipertimbangkan mengikut kesesuaian pemohon dan projek yang berdaya-maju.

#### KADAR TARIF ELEKTRIK

38. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammad minta Menteri Tenaga

Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian Pos sedar bahawa tarif yang dikenakan ke atas pengguna-pengguna di negara ini adalah di antara yang paling tertinggi di dunia. Dengan beberapa kali penurunan kadar harga petrol, tidakkah sudah sampai masanya supaya "kadar tarif menggunakan tenaga ini sudah patut diturunkan juga. Bilakah ianya akan diumumkan?

**Tuan Ong Tin Kim:** Perbandingan kadar tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna-pengguna di seluruh dunia sangatlah sukar dilakukan kerana faktor kadar pertukaran wang antara-bangsa yang sentiasa berubah, keutamaan kategori pengguna yang berlainan, penggunaan sumber tenaga yang berbeza dan kos pelaburan modal dan kemajuan teknologi negara yang berbeza. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kesulitan di atas, Kementerian telah membuat perbandingan tarif pada Januari 1988 di kalangan negara-negara Asean yang menunjukkan kesimpulan seperti berikut:-

- (a) Adalah diakui bahawa secara perbandingan kadar pengguna domestik adalah tinggi.
- (b) Untuk sektor perdagangan, ia dianggap setanding dengan negara-negara jiran yang lain.
- (c) Di sektor perindustrian, kadar negara kita adalah kedua rendahnya selepas Indonesia.

Kadar tarif purata bagi LLN, LLS dan SESCO ialah 19, 26.5 dan 29 sen seunit. Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang hendak menurunkan kadar tarif sektor domestik kerana penjimatan daripada kejatuhan harga minyak telah diagihkan dalam bentuk diskaun kepada sektor-sektor seperti berikut:

- |                  |     |
|------------------|-----|
| (a) Industri     | 20% |
| (b) Hotel        | 10% |
| (c) Perlombongan | 25% |

- |                |     |
|----------------|-----|
| (d) Tekstil    | 20% |
| (e) Lampu Awam | 20% |

### KERAJAAN MUJAHIDDIN DI AFGHANISTAN - PENGIKTIRAFAN

**39. Dr. Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengiktirafkan pihak Mujahiddin sebagai Kerajaan yang sah negara tersebut memandangkan pengunduran tentera-tentera Soviet Union dari Afghanistan dan kemungkinan tumbangannya Regim Najibullah di Kabul.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Pada masa ini soal pengiktirafan Kerajaan Mujahiddin di Afghanistan belum lagi timbul kerana perjanjian Damai Geneva belum lagi terlaksana sepenuhnya. Di antara lain, proses pengunduran tentera Soviet dari negara tersebut masih belum selesai. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia akan menimbangkan perkara berkenaan dengan sewajarnya apabila kesemua tentera Soviet telah berundur dari Afghanistan yang akan membolehkan kesemua orang-orang pelarian Afghanistan kembali ke tanah air mereka dengan aman damai serta bersama rakyat Afghanistan berunding bagi menentukan nasib masa depan mereka.

### SEMARAK

**40. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan** minta Menteri Penerangan menyatakan kesan dan faedah projek "SEMARAK"<sup>1</sup> yang sedang dilancarkan sekarang ini di seluruh negara. Nyatakan kos dan jumlah rakyat yang dapat dilibatkan. Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan rancangan "Semarak" di daerah selepas pelaksanaan di peringkat Negeri.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti

jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

### DAVID COPPERFIELD SEBAGAI ARTIS PENGHIBUR

**41. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan David Copperfield yang akan membuat pertunjukan di Kuala Lumpur bermula Jumaat 10 Jun 1988. Apakah kehadiran dan pertunjukan David itu dianggap sebagai hiburan semata-mata ataupun satu permainan sihir yang menyesatkan dan bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Kiranya permainan ini menggunakan ilmu sihir bukannya ianya merupakan satu cara menarik orang ramai supaya terpengaruh dengan permainan sihir. Bukankah mengkagumi dan memuja David Copperfield ini boleh menjejaskan akidah dan keimanan seseorang. Apakah pihak Kerajaan menganggap permainan seperti ini oleh orang lain wajar dipersembahkan. Jika tidak, adakah ini menunjukkan Kerajaan mengizinkan persembahan yang berbentuk sihir ini. Jadi, apakah sikap pendirian dan sikap sebenar Kerajaan terhadap permainan seperti ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertunjukan "The Magic of David Copperfield" telah bermula pada 21hb. Jun, 1988 dan bukannya pada 10hb. Jun 1988 seperti yang tersurat dalam soalan.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar bahawa ada yang berpendapat pertunjukan David Copperfield berbentuk permainan sihir. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Masyarakat berpendapat bahawa pandangan seperti ini adalah terbit dari fikiran yang

sempit dan penuh dengan syak wasangka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum pertunjukan David Copperfield dipersetujui oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat satu kajian telah diadakan bersama dengan pihak-pihak penganjurnya dan didapati bahawa pertunjukkan itu tidak akan membawa apa-apa kesan yang buruk oleh kerana:

- (a) David Copperfield terkenal sebagai seorang artis penghibur bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di peringkat antarabangsa;
- (b) persembahan beliau ialah berdasarkan "illusions" atau silap mata dan bertujuan sebagai hiburan sahaja; dan
- (c) persembahan David Copperfield tidak menjadi satu pertunjukan yang baru kepada penonton-penonton di Malaysia oleh kerana persembahannya pernah ditayangkan melalui TV.

Sebagaimana yang diramalkan, pertunjukan David Copperfield yang telah tamat pada 26hb. Jun 1988 telah mendapat sambutan yang baik bahkan di luar dugaan oleh penonton-penonton di Malaysia.

Berhubung dengan dasar Kerajaan terhadap sesuatu permohonan untuk mengadakan pertunjukan seperti "The Magic of David Copperfield", adalah dimaklumkan bahawa pada masa kini kelulusan Kerajaan adalah berdasarkan kepada merit sesuatu kes. Dasar ini akan diteruskan di masa-masa-hadapan.

### KES CACAT AKAL - RAWATAN

**42. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan oleh kerana ada ramai masyarakat yang terencat akal di

seluruh negara, sebahagian daripada mereka telah bernasib baik dan ditempatkan di Pusat Pemulihan, tetapi masih ramai lagi yang terbiar tanpa pembelaan; adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil kesemua yang terencat akal dan terbiar itu untuk memasuki pusat pemulihan dan apakah rancangan Kerajaan terhadap mereka di masa akan datang. Setakat hari ini berapa ramaikah yang telah ditempatkan di Pusat Pemulihan di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan lebih banyak lagi Pusat Pemulihan di seluruh negara.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Kementerian Kebajikan Masyarakat pada dasarnya menerima semua kes-kes cacat akal yang memerlukan jagaan dan rawatan ditempatkan di institusi-institusi pemulihan cacat akal bagi tujuan-tujuan untuk dididik dan dilatih. Namun begitu Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak dapat menempatkan kesemua kes-kes cacat akal di institusi-institusi Kerajaan disebabkan kemudahan-kemudahan yang terhad. Oleh yang demikian, tumpuan-tumpuan hanya diberikan kepada kes-kes yang terbiar yang tidak mendapat penjagaan daripada ibu bapa dan di mana ibu bapa tidak mempunyai kemampuan untuk mendidik dan melatih anak-anak mereka yang cacat akal.

Di samping itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah merancang beberapa langkah yang lain untuk membantu kes-kes cacat akal iaitu:-

- (a) bagi kanak-kanak yang mengalami kecacatan akal yang ringan, ibubapa digalakkan supaya mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah biasa atau Sekolah-sekolah Terencat Akal yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela;
- (b) bagi mereka yang dewasa dan boleh mengikuti satu-satu jenis latihan, mereka boleh diberi

latihan vokasional di institusi-institusi seperti Bengkel Daya Kelang, Taman Sinar Harapan dan di Pusat-pusat Latihan Sambil Bekerja yang dikendalikan oleh Pertubuhan-pertubuhan Sukarela.

- (c) bantuan pelancaran disediakan untuk memulakan satu-satu perusahaan yang mampu mereka usahakan dengan bimbingan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- (d) bagi mereka yang bekerja pula, akan diberi elaun galakan bulanan sebanyak \$50/- sebulan; dan
- (e) persatuan-persatuan Terencat Akal di negeri-negeri digalakkan dan dibantu untuk menubuhkan Pusat-pusat Harian di peringkat negeri dan daerah supaya lebih ramai kanak-kanak terencat akal mendapat kemudahan bimbingan dan latihan di tempat masing-masing.

Selain dari yang berada di Pusat-pusat Latihan yang dikendalikan oleh Pertubuhan-pertubuhan Sukarela, terdapat pada masa kini seramai 2,441 kes terencat akal yang telah dimasukkan ke 5 buah Institusi Pemulihan Cacat Akal yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Kementerian Kebajikan Masyarakat belum bercadang untuk mendirikan lebih banyak lagi Pusat-pusat Pemulihan Cacat Akal buat masa ini. Walau bagaimanapun, Pusat-pusat yang sedia wujud akan diperluaskan kemudahannya untuk menampung lebih ramai lagi kes-kes terencat akal di masa-masa akan datang.

### SPORTS TOTO - PENJUALAN SAHAM

**43. Tuan Zubir bin Embong** minta menteri Kewangan menyatakan apakah ianya menjejaskan Dasar Ekonomi

Baru berikutan penjualan saham Sports Toto (M) Bhd. kepada Raleigh Bhd. sebanyak 30% oleh Perbadanan Menteri Kewangan. Apakah dasar Kerajaan mengenai penjualan saham dalam syarikat yang disenaraikan yang dipegang oleh Perbadanan Kerajaan seperti Perbadanan Menteri Kewangan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan 30% saham Sports Toto oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada Raleigh Berhad tidak menjejaskan Dasar Ekonomi Baru kerana penubuhan Sports Toto oleh Kerajaan bukanlah bertujuan untuk memenuhi mana-mana matlamat tersebut. Penglibatan Kerajaan secara langsung dalam Sports Toto ialah untuk mengawal kegiatan dan pertumbuhan industri perjudian ini dan menentukan ia berjalan dengan teratur.

Memandangkan bahawa industri berkenaan telah pun berkembang dengan baik, Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar baginya untuk terus memegang saham biasa syarikat berkenaan. Oleh itu, Kerajaan memutuskan untuk menjualkan saham-sahamnya dalam Sports Toto setelah menerima tawaran yang menarik. Sebarang pengawasan yang diperlukan ke atas industri berkenaan adalah memadai dilaksanakan menerusi syarat-syarat perlesenan dan menerusi kuasa-kuasa tertentu yang berada dengan Kerajaan selaku pemegang saham khas (dengan izin golden share) dalam Sports Toto.

Tujuan Kerajaan menjual saham-sahamnya dalam syarikat-syarikat tertentu ialah untuk mengurangkan penglibatannya dalam perniagaan sepertimana dilakukan terhadap saham-saham Sports Toto, MAS dan MISC. Penjualann saham-saham Kerajaan akan diberi keutamaan kepada golongan tertentu, khususnya agensi-agensi amanah seperti Permodalan Nasional

Berhad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Bagaimanapun, bagi kes penjualan saham Sports Toto, dasar ini tidak wajar dipatuhi memandangkan syarikat berkenaan bergiat dalam bidang perjudian.

#### KADAR TARIF ELEKTRIK DI SABAH

**44. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada benarkah bayaran elektrik dinegeri Sabah lebih tinggi dibandingkan dengan negeri-negeri lain di negara ini? Jika betul, apakah langkah-langkah Kementerian berkenaan untuk mengurangkan atau menyeragamkan kos bayaran elektrik pengguna di negeri Sabah dengan negeri-negeri lain;
- (b) bolehkah Kementerian berkenaan menerangkan rancangan-rancangan untuk menambahkan bekalan-bekalan elektrik ke luar-luar bandar di negeri Sabah khususnya daerah Semporna.

**Tuan Ong Tin Kim:** Kementerian saya memang sedar tentang perbezaan kadar tarif elektrik di Sabah dan di Semenanjung di mana, pada puratanya pengguna-pengguna di kedua-dua wilayah itu masing-masing membayar 26.5 sen dan 19.33 sen seunit. Keadaan sedemikian itu berlaku kerana adanya faktor-faktor yang berlainan yang mempengaruhi kos penjanaan tenaga di kedua-dua negara tersebut, umpamanya, di antara lain-lain:-

- (a) Lembaga Letrik Negara (LLN) adalah sebuah Badan Persekutuan yang agak tertua manakala Lembaga Letrik Sabah (LLS) baharu sahaja menjadi Badan Persekutuan pada 1 Januari 1984 dan kedua-duanya itu wujud

sebagai dua Badan yang berasingan.

- (b) Di Semenanjung LLN banyak menggunakan bahan penjanaan yang murah seperti hidro dan gas dalam projek-projek besar di mana kos penjanaannya adalah rendah. Sekarang LLN banyak juga menggunakan minyak kerana harga barang itu rendah. Sekiranya harga minyak naik pula, LLN boleh meningkatkan penggunaan hidro dan gas dan mengurangkan penggunaan minyak. Dengan lain-lain perkataan LLN mempunyai "flexibility" dalam penggunaan sumber tenaga untuk penjanaan bagi mendapatkan keuntungan yang maksima.

Di Sabah, corak taburan penduduk, berbanding dengan hidro dari Projek Tenom Pangi bolehlah dikatakan bergantung semata-mata kepada minyak yang mana harganya satu ketika dahulu adalah sangat tinggi. Ini bererti bahawa LLS boleh dikatakan tidak mempunyai pilihan seperti LLN.

- (c) Di Semenanjung, stesen-stesen yang menggunakan minyak adalah stesen-stesen besar keupayaannya adalah dalam ratusan megawatt (MW) berbanding dengan di Sabah di mana keupayaan purata stesen-stesen berkenaan adalah 2 MW sahaja. Ini bererti tidak terdapat 'economy of scale' di dalam penjanaan tenaga di Sabah berbanding dengan di Semenanjung;
- (d) Di Sabah, corak taburan penduduk, berbanding dengan Semenanjung adalah kecil dan terpencil. Keadaan ini telah mempengaruhi kedudukan yang dinyatakan di dalam (c) di atas di samping kesukaran, terutama sekali dari segi kos, untuk

membina sistem grid. Di Semenanjung stesen-stesen tenaga adalah dihubungi antara satu sama lain, dengan sistem grid nasional. Ini telah membolehkan penjimatan perbelanjaan di samping mewujudkan efisiensi di dalam pembekalan tenaga.

Berasaskan faktor-faktor di atas, tidaklah wajar buat masa sekarang, bagi LLS memperseimbangkan tarif elektriknya dengan tarif Lembaga Elektrik Negara tanpa menanggung beban kewangan yang lebih besar. Kedudukan kewangan LLS masih lagi lemah dan keadaan ini bertambah berat apabila Badan itu menurunkan kadar tarifnya pada bulan April 1986 di mana pengguna-pengguna domestik, perdagangan dan perindustrian, masing-masing, telah menikmati penurunan sebanyak 5%, 10% dan 12% daripada bil elektrik bulanan mereka. Penurunan tersebut telah menyebabkan pengurangan pendapatan Lembaga itu sebanyak \$18 juta setahun.

Buat masa sekarang, pemberian subsidi kepada LLS bagi membolehkannya menurunkan kadar tarif adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang hendak menghapuskan pemberian subsidi. Walaupun demikian, kedudukan tarif elektrik di Sabah akan sentiasa mendapat perhatian Kementerian dan penurunannya akan diberi pertimbangan apabila keadaan mengizinkan.

Mengenai soalan rancangan bekalan elektrik luar bandar, ingin dimaklumkan bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah sentiasa dibuat oleh Kerajaan. Di bawah program mengatasi kemelesetan ekonomi negara, Kerajaan telah menambatkan peruntukan BELB untuk negeri Sabah sebanyak \$10.65 juta. Ini membolehkan beberapa buah projek lagi dapat ditaksanakan bagi tempoh

1988 - 1990. Oleh kerana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan adalah terhad, projek BELB terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan pada sesuatu tahun.

Di samping usaha-usaha menambah peruntukan, kementerian juga telah meminta Kerajaan Negeri 4an Lembaga Letrik Sabah mengkaji dan meneliti lain-lain pendekatan seperti penggunaan tenaga suria, mini hidro dan sebagainya yang berkemungkinan boleh dilaksanakan bagi menambahkan lagi kadar liputan BELB negeri Sabah khasnya daerah Semporna.

### **RUKUN TETANGGA**

**45. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob** minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan di seluruh negara berapakah ada pondok-pondok Rukun Tetangga:-

- i (i) berapakah yang masih bergerak; dan
- (ii) berapa yang sudah tidak bergerak.

Apakah sumbangan yang disumbangkan untuk kemudahan ahli-ahli dan sejauh manakah keberkesanan dengan wujudnya Rukun tetangga terhadap masyarakat sekarang.

**Dato' Oo Gin Sun:** Jumlah pondok Rukun Tetangga seluruh negara ketika ini ialah lebih kurang 400 buah dan digunakan untuk pelbagai aktiviti kejiiran selaras dengan konsep baru Rukun Tetangga, iaitu untuk memupuk semangat kejiiran di kalangan penduduk tempatan.

Mana-mana pondok Rukun Tetangga yang difikirkan tidak lagi berguna, telah dirobuhkan atau sedang diuruskan penyerahan untuk kegunaan agensi-agensi lain. Ini ialah pondok-pondok kecil yang dibina semasa tugas rondaan diwajibkan pada suatu ketika dahulu yang merupakan Pusat-pusat

Kawalan. Dengan tiadanya rondaan wajib sekarang, pusat-pusat kawalan yang kecil tersebut kebanyakannya telah diubahsuai supaya dapat menampung aktiviti-aktiviti perpaduan, sejajar dengan pemupukan semangat kejiiran.

Dengan wujudnya Skim Rukun Tetangga dalam bentuk konsep baru, ia memberi banyak kekesanan kepada masyarakat setempat dari segi pemupukan semangat perpaduan di kalangan kaum yang berbilang keturunan, melalui aktiviti-aktiviti penggalakan perpaduan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi beberapa bidang yang bercorak sosial, sukan dan pendidikan. Melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan tersebut, setiap anggota masyarakat dapat berinteraksi, bergaul dan menjalin hubungan muhibah.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Rukun Tetangga juga akan cuba menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di peringkat tempatan dan bertindak sebagai satu organisasi yang dapat menjaga kesejahteraan kawasan-kawasan sejiran.

Jawatankuasa Rukun Tetangga juga merupakan perantaraan antara masyarakat dan pihak berkuasa. Secara 'collective' ia boleh membangkitkan perkara-perkara dan isu-isu setempat kepada pihak berkuasa tempatan untuk diselesaikan.

### **PIALA THOMAS**

**46. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Belia dan Sukan memberitahu:-

- (a) apakah hadiah istimewa yang diberi kepada pemain-pemain Piala Thomas kerana mereka berjaya memasuki pertandingan akhir baru-baru ini selain Hadiah Naib Johan yang ada;
- (b) tidakkah Kementerian berkena-

an berfikir walaupun mereka tidak menjadi johan, kereta Proton Saga itu dihadiah juga supaya mereka senang menggunakan kenderaan untuk berlatih sebagai satu insentif yang besar bagi masa hadapan; dan

- (c) apakah langkah Kementerian yang telah, sedang dan akan diambil supaya banyak lagi pemain-pemain badminton yang berbakat diketengahkan selain daripada yang ada sekarang.

' **Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):**

- (a) Melalui Skim Hadiah Kemenangan Sukan setiap pemain pasukan Piala Thomas akan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$8,000 seorang. Jurulatih-jurulatih pasukan pula akan menerima sebanyak \$8,000 yang akan ditentukan cara pembayarannya oleh Persatuan Badminton Malaysia. Selain dari itu, Sports Toto Malaysia pula menghadihkan wang tunai sebanyak \$50,000 kepada Persatuan berkenaan. Upacara pembayaran ini telah dibuat pada 27 Jun yang lalu.
- (b) Kementerian tidak bercadang untuk menghadihkan kereta Proton Saga kepada pemain kerana hadiah ini dijanjikan sekiranya mereka memenangi Piala Thomas sahaja.
- (c) Dalam usaha untuk memajukan sukan badminton satu program bersepadu telah dirancang yang melibatkan Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia. Sebanyak 5 perkara telah dipersetujui dalam melaksanakan program bersepadu ini iaitu:-

- (i) bahawa Projek Piala Thomas. Piala Uber dan

Sukan Olimpik 1992 (TUO) akan dikendalikan bersama oleh Majlis Sukan Negara dan Persatuan Badminton Malaysia;

- (ii) Pentadbir, jurulatih dan pemain akan melaksanakan fungsi masing-masing secara sepenuh masa;
- (iii) Pendedahan kepada jurulatih dan pemain kepada teknik-teknik yang baru melalui latihan atau pertandingan di luar negeri;
- (iv) mengambil tindakan ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat badminton di dunia.
- (v) menyediakan program yang bertujuan untuk menambah jumlah pemain-pemain badminton muda di seluruh negara.

**SEMARAK**

**47. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) menyedari betapa setiap Menteri dan Anggota-anggota Dewan yang terdiri dari orang-orang Islam telah bersumpah atas nama Allah untuk menjalankan tugas dengan jujur ketika memulakan tugas dahulu dan bagi memastikan sumpah itu dihormati, dapatkah Menteri berkenaan mengulangi dalam Dewan ini bahawa projek SEMARAK itu tidak langsung mengandungi politik UMNO (baru); dan
- (h) adakah Kerajaan bersetuju membenarkan, termasuk memberikan peruntukan kewangan.

kiranya parti-parti pembangkang hendak menganjurkan sambutan SEMARAK di negeri-negeri dan daerah-daerah bagi menjayakan projek SEMARAK itu.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

### PELABUR TEMPATAN - INSENTIF

**48. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah benar pelabur-pelabur tempatan tidak diberi insentif industri dan pelonggaran Akta Penyelarasan Perindustrian yang sama dengan apa yang diberi kepada pelabur-pelabur asing; dan
- (b) jika ya, apakah sebabnya.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Adalah tidak benar pelabur-pelabur tempatan didiskriminasikan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 di mana pelbagai galakan industri telah diberikan.

Di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, semua syarikat perkilangan sama ada milikan asing atau tempatan yang mempunyai Wang Pemegang Saham (Shareholders' Fund) kurang dari \$2.5 juta atau menggaji kurang dari 75 pekerja sepenuh masa, adalah dikecualikan daripada perlesenan. Dengan ini syarikat-syarikat tersebut adalah dikecualikan daripada memohon mendapatkan lesen pengilangan daripada Kementerian ini sebelum memulakan projek perkilangan mereka. Dari segi pemberian insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan,

1986, semua syarikat yang bercadang melibatkan diri di dalam aktiviti yang digalakkan atau bercadang mengeluarkan keluaran-keluaran yang digalakkan, adalah layak untuk memohon bagi mendapatkan galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, tidak kira sama ada syarikat berkenaan adalah milikan asing atau tempatan. Insentif-insentif lain seperti elaun eksport atas kadar 5%, pengurangan pendapatan larasan atas kadar 50% bagi eksport, pengurangan pendapatan larasan atas kadar 5% bagi syarikat kecil (small-scale) bagi syarikat yang mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal atau pekerjaan dalam industri, dan bagi syarikat-syarikat yang ditempatkan di kawasan-kawasan Industri yang digalakkan, kesemuanya boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat sama ada tempatan atau asing asalkan mereka memenuhi syarat-syarat kelayakan.

### KAYU BALAK MALAYSIA - KEMPEN MEMBURUKKAN

**49. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan sejauh manakah langkah-langkah Kerajaan menyekat usaha suatu pihak yang menjalankan kempen memburukkan kayu balak Malaysia di luar negeri. Sudahkah Kerajaan berjaya mengatasi sepenuhnya kesan daripada kempen ini.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Bagi menjawab soalan ini saya mohon mencadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad Omar pada hari ini, Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason pada 4.7.1988, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Haji Isa pada 6.7.1988 dan Yang Berhormat Dr. Abdull Hadi bin Derani pada 8.7.1988 untuk dijawab serentak pada hari ini kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan kempen memburuk-burukkan kayu-kayan Malaysia.

Kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia di Eropah adalah dilakukan oleh kumpulan pencinta alam. Setakat ini kempen mereka belumlah menjejaskan jumlah eksport kayu-kayan Malaysia ke Eropah. Namun demikian Kerajaan sedar dan memandang serius terhadap implikasi kempen dan segala dakwaan buruk kumpulan pencinta alam tersebut.

Kementerian ini tiada mempunyai apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa pementing-pementing kayu-kayan "European Softwood" adalah terlibat dalam cubaan-cubaan untuk memburukkan eksport kayu-kayan dari Malaysia ke Eropah

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang bersepadu untuk menentang kempen ini. Di antaranya ialah:

- (i) Pada 6-18 April 1988, saya sendiri mengetuai satu misi khas ke beberapa negara Eropah termasuk Belanda, Jerman Barat, Belgium dan United Kingdom bagi menerangkan kedudukan sebenar aktiviti pengurusan, pemulihan pemeliharaan serta pembangunan hutan di Malaysia kepada pemimpin-pemimpin kumpulan-kumpulan pencinta alam dan sektor industri serta pihak Kerajaan negara-negara tersebut, khususnya bagi menangkis dakwaan pihak anti kayu tropika di negara-negara berkenaan. Misi ini telah mencapai matlamatnya dalam membetukan pengertian dan anggapan yang tidak benar mengenai pemeliharaan dan kedudukan hutan di Malaysia.
- (ii) Menyebarkan maklumat-maklumat dalam bentuk risalah rencana, filem dokumentari, dan pita video kepada orang ramai melalui media massa, pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri, persatuan pengimport

kayu-kayan dan juga institusi pengajian tinggi di luar negeri.

- (iii) Minta kerjasama FAO dan International Tropika Timber Organization (ITTO) supaya menganjurkan seminar, menerbitkan buku-buku, atau risalah filem yang boleh dijadikan saluran untuk memberi gambaran secara adil dan tepat tentang keadaan pengurusan hutan di Malaysia.
- (iv) Memberi kerjasama kepada beberapa perwakilan akhbar, jurnal kayu-kayan dari Eropah untuk melihat sendiri aktiviti pemeliharaan hutan yang dijalankan di negara ini.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan telah menampakkan kesan yang baik dalam usaha untuk menentang kempen ini. Namun Kerajaan sentiasa berwaspada dan mengawasi kegiatan pencinta alam berkenaan, dengan hal ini dan satu Jawatankuasa khas untuk menyelaras segala aktiviti berkaitan kempen anti kayu tropika ditubuh di bawah Kementerian ini.

#### **LEBUHRAYA UTARA-SELATAN OLEH UEM - KOS PEMBINAAN**

**50. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerjaraya menyatakan dengan penguaman bahawa UEM perlu membelanjakan \$4.5 bilion termasuk kos pembinaan \$3.4 bilion dan bunga, bagi projek Lebuhraya Utara-Selatan, bagaimanakah tambahan kos ini kepada UEM akan memberikan kesan ke atas pinjaman ataupun jumlah jaminan yang ditanggung oleh Kerajaan serta tempoh kutipan tol yang dibenarkan? Bagaimanakah pula kesannya terhadap para pengguna sebagai pembayar tol? Jika langsung tidak ada apa-apa kesan, maka apakah pengesyoran yang boleh diberi oleh Kerajaan bahawa tuntutan untuk tempoh masa kutipan atau kadar tol atau perlanjutan masa pembayaran

balik pinjaman tidak dibuat atas alasan kos bertambah ini dan bagi tambahan-tambahan kos yang mungkin muncul dengan perjalanan masa? Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan dalam ertikata yang sebenarnya?

**Dato\* S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan oleh UEM Bhd. sebanyak \$4.5 bilion adalah termasuk kos pembinaan \$3.4 bilion dah bakinya untuk pembayaran bunga atau faedah. Angka tersebut sememangnya telah diambil kira dan dimaklumkan oleh syarikat tersebut kepada Kerajaan sebagai kos sebenarnya yang perlu dibelanjakan untuk membina lebuhraya itu. Begitu juga kkesannya tidak akan didapati terhadap para pengguna sebagai pembayaran tol akibat daripada kos sebanyak \$4.5 bilion tersebut.

Kerajaan telah mengadakan rundingan yang mendalam dengan syarikat tersebut bagi memastikan kos tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada para pengguna lebuhraya berkenaan, semasa merundingkan perjanjian konsesi dan juga perjanjian pinjaman yang berkenaan. Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan yang mencukupi adalah terdapat di dalam perjanjian tersebut, untuk memastikan tempoh masa kutipan tol tidak akan berlanjutan daripada 30 tahun tempoh konsesi yang telah dibenarkan. Begitu juga mengenai kadar tol yang akan dikenakan, ianya hanya dibenar dinaikkan sesudah perbincangan dan persetujuan Kerajaan diperolehi, ke paras yang sesuai mengikut angka petunjuk harga pengguna (Consumer Price Index - CPI) semasa.

Begitu juga mengenai pembayaran balik pinjaman Kerajaan sebanyak \$1.650 juta, telah juga ditentukan dan masa pembayaran balik pinjaman tersebut tidak dibenarkan untuk

dilanjutkan, Seperkara yang penting, yang juga termaktub di dalam perjanjian di antara Kerajaan dengan syarikat tersebut ialah memastikan kos yang dibenarkan tidak meningkat dan dalam hal ini langkah-langkah awal ada dimasukkan di dalam perjanjian tersebut untuk mengelakkan berlakunya kemungkinan pertambahan kos dari apa yang telah dipersetujui di antara Kerajaan dengan syarikat UEM. Di samping itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan yang membenarkan Kerajaan memansuhkan perjanjian konsesi projek penswastaaan ini jika terdapat bukti-bukti yang munasabah sama ada dari segi kenaikan kos (cost escalation) atau gagal mencapai peringkat pelaksanaan yang munasabah seperti yang telah ditentukan dan dipersetujui di antara kerajaan dengan syarikat tersebut. Secara ringkas Kerajaan berpuas hati bahawa perjanjian konsesi projek penswastaaan di antara Kerajaan dengan syarikat UEM Bhd. itu telah dibuat dengan teliti dan Kerajaan yakin bahawa projek ini akan dapat dilaksanakan mengikut perkara-perkara yang termaktub di dalam perjanjian konsesi projek ini.

Apa yang penting untuk menentukan kejayaan projek ini ialah kerjasama yang erat daripada semua pihak, termasuklah kerjasama daripada ahli-ahli Pembangkang daripada DAP dan juga keyakinan yang tinggi kepada Kerajaan dan juga kepada syarikat ini, untuk menjayakan projek ini. Mengenai bilakah projek ini akan dilaksanakan dalam erti kata yang sebenarnya, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah diberi kepastian oleh syarikat berkenaan bahawa projek ini akan dilaksanakan pada awal bulan Ogos 1988, iaitu dengan pembinaan lebuhraya-lebuhraya baru Lembah Kelang, Sungai Petani - Gurun dan Pagoh - Air Hitam. Semua lebuhraya yang akan dibina di dalam projek penswastaaan ini, akan siap dibina keseluruhannya dalam tempoh 7 tahun dari tarikh berkuatkuasanya

perjanjian ini, iaitu mulai 31 Mei 1988 yang lalu.

### **RANCANGAN PEMBANGUNAN DI JINJANG/KEPONG**

**51. Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan pembangunan, termasuk penyediaan atau peningkatan mutu kemudahan asas dan infrastruktur, yang telah disediakan bagi kawasan Jinjang dan Kepong? Bagi setiap rancangan pembangunan, berapa jumlah peruntukan yang akan disediakan serta tempoh masa yang perlu untuk menyiapkan projek itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed):** Rancangan pembangunan utama di kawasan Jinjang dan Kepong yang sedang diusahakan sekarang ialah projek-projek penswastan bagi membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan. Pada masa ini 3 pemaju swasta telah diberikan kelulusan perancangan untuk memajukan dan membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan dan industri haram untuk dijadikan kawasan perumahan dan industri ringan. Ketiga-tiga rancangan ini melibatkan pembangunan kawasan seluas 301.32 ekar. Projek ini apabila siap sepenuhnya kelak, akan dapat menyediakan sejumlah 3310 unit kediaman dan 1077 unit industri ringan. Setakat ini, ketiga-tiga pemaju berkenaan telah diberikan kelulusan Perintah Pelan Susunatur yang sedang memohon untuk mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan.

Dalam konteks meningkatkan mutu kemudahan asas dan infrastruktur, Kerajaan sedang melaksanakan projek-projek kecil untuk kawasan-kawasan kampung dan kawasan-kawasan setinggan. Projek-projek kecil ini antara lainnya termasuklah penyediaan dewan, surau, longkang, lampu-lampu jalan, padang permainan dan lain-lain

kemudahan asas yang berkaitan. Program meningkatkan mutu kemudahan asas dan infrastruktur ini dijangka melibatkan perbelanjaan berjumlah \$ 183,450.00.

Selain daripada itu, kerja-kerja penyenggaraan jalan, penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik sentiasa diteruskan dari semasa ke semasa, malahan kemudahan-kemudahan seperti ini telah pun disediakan di kebanyakan kampung di kawasan Jinjang dan Kepong.

Memandangkan proses dan penyediaan projek-projek kecil ini dilaksanakan mengikut keutamaan keperluan rakyat dan keutamaan pelaksanaan projek-projek lain yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, maka adalah sukar untuk memastikan peruntukannya yang tepat, dan menetapkan tempoh masa penyiapannya.

### **SEKOLAH S.M.K. BATU SAPI, SANDAKAN**

**52. Tuan Pitting Haji Mohd Ali** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah Menteri ini menyedari masalah BISING akibat janakuasa Lembaga Letrik Sabah yang kedudukannya betul-betul berhadapan dengan SMK Batu Sapi, Sandakan. Kesan bising ini telah dan sangat-sangat mengganggu pendengaran, konsentrasi dan ketenteraman pelajar-pelajar yang belajar dan pelajar-pelajar yang mendiami asrama sekolah tersebut. Setakat ini nampaknya masalah ini belum mendapat penyelesaian daripada pihak yang berwajib dan Kerajaan negeri. Jadi jika ya, apakah langkah-langkah atau tindakan Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikannya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah seperti yang dibangkitkan itu adalah berkaitan dengan masalah tempatan dan seharusnya boleh disele-

saikan dengan kerjasama di antara Jabatan Kerajaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan Lembaga Letrik Sabah. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan akan berhubung dengan pihak-pihak berkenaan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera.

### KAD PENGENALAN PASLU

**53. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada hakikat bahawa terdapat banyak kad-kad pengenalan palsu di negara ini, bilakah Kementerian akan melaksanakan dan memperkenalkan kad pengenalan baru berbentuk kredit kad demi melindungi keselamatan negara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan memang bercadang untuk menukar kad pengenalan sekarang kepada bentuk baru yang lebih menarik dan berjamin keselamatannya. Jabatan Pendaftaran Negara telah membuat persiapan untuk melaksanakan program tersebut. Walau bagaimanapun, tarikh sebenar pelaksanaannya belum dapat ditentukan kerana keputusan tender membeli komputer untuk program ini ditangguhkan.

### JALAN RAYA DI JOHOR - PEMBANGUNAN DAN PENYE- LENGGARAAN

**54. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah peruntukan setiap tahun untuk pembangunan dan penyelenggaraan jalan-jalan raya di Johor bagi tempoh 1985 hingga 1988 (berakhir 31.12.1988).

**Dato' S. Samy Vellu:** Peruntukan setiap tahun bagi perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan jalan-jalan raya di negeri Johor bagi tempoh 1985 hingga akhir 1988 adalah seperti

berikut:

#### Peruntukan Pembangunan

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985	\$18.250juta
1986	\$34.100juta
1987	\$25.100juta
1988	\$23.100juta

#### Peruntukan Penyelenggaraan

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985	\$ 1 1.689juta
1986	\$11.332juta
1987	\$12.575juta
1988	\$ 9.340juta

### MATAWANG MALAYSIA DALAM TULISAN JAWI

**55. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan kajian yang dibuat oleh Kementerian berkenaan mengenai cadangan hendak mewujudkan semula matawang Malaysia dalam bentuk tulisan Jawi seperti yang dilaksanakan pada zaman sebelum merdeka dahulu.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menggunakan tulisan Jawi kepada wang kertas kita adalah masih dalam kajian Kementerian Kewangan.

### MIDA - PROJEK PELABURAN

**56. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir permohonan untuk projek-projek pelaburan yang diterima oleh pihak Perbadanan Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) bagi tahun 1988.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar pada 28.6.1988.

Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

#### SYARIKAT MILIK KERAJAAN - AWASAN PNB

**57. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah diamanahkan tugas untuk mengawasi perjalanan semua syarikat milik dan yang mempunyai kepentingan Kerajaan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dibuat oleh PNB setakat ini dan berapa banyak syarikat yang telah didapati menghadapi masalah kewangan yang perlu dipulihkan semula;
- (b) berapa banyak syarikat yang didapati tidak boleh hidup dan bertahan lama dan perlu ditutup; dan
- (c) apakah telah berlaku kepada cadangan Kerajaan untuk menubuhkan satu Tabung pusingan \$500 juta untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan adakah pinjaman ini akan diperluas kepada semua syarikat baik bumiputera dan bukan bumiputera.

#### Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) PNB telah mengumpul maklumat-maklumat tertentu daripada lebih 1,000 syarikat-syarikat Kerajaan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Maklumat itu telah dimasukkan ke dalam komputer untuk diproses dan dianalisis. Analisa yang dijalankan oleh PNB dapat mengenali pasti prestasi syarikat-syarikat tersebut dan menentukan sama ada syarikat-syarikat itu berada dalam keadaan "bermasalah" atau "tidak ber-

masalah". PNB juga dapat menentukan keadaan keteguhan syarikat-syarikat tersebut mengikut prestasi kewangannya, yang diletakkan dalam 4 kategori iaitu *tenat*, *lemah*, *memuaskan* dan *baik*. Berpandukan kepada kategori (categorisation) ini bilangan syarikat yang dikategorikan di dalam keadaan *tenat*, mengikut prestasi kewangan yang berakhir, dan perlu dipulihkan ialah 119.

- (b) Prestasi beberapa syarikat yang *tenat* telah didapati terus merosot dan dianggap tidak boleh beroperasi lebih lama jika tindakan tidak diambil dengan segera. Jumlah syarikat dalam keadaan ini ialah 25.
- (c) Tabung Pusingan \$500 juta untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan telah pun dipersetujui supaya ditubuhkan dan pada masa ini persediaan-persediaan untuk pelaksanaannya sedang berjalan lancar. Tabung ini akan diguna untuk memulihkan syarikat-syarikat bumiputera yang menepati syarat-syarat kelayakan untuk bantuan.

#### MAS - BAYARAN PEMBATALAN PENERBANGAN

**58. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah wang yang dipungut oleh MAS (Malaysia Airlines) hasil daripada bayaran yang dikenakan ke atas penumpang-penumpang yang gagal hadir setelah membuat tempahan untuk penerbangan-penerbangan antarabangsa dan dalam negeri bagi tempoh 1986, 1987 dan sehingga 15.6.1988. Dan sama ada benar bahawa kesuiitan timbul untuk mendapat tempat bagi penerbangan tertentu walaupun kapal terbang tersebut berlepas dengan banyak tempat yang kosong. Apakah

rancangan-rancangan yang diperkenalkan oleh Kementerian Beliau untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tidak ada apa-apa bayaran pembatalan bagi tempahan penerbangan ke luar negeri. Bagi perkhidmatan dalam negeri, jumlah wang yang dipungut oleh Penerbangan Malaysia hasil darpada bayaran pembatalan (cancellation fees) yang dikenakan ke atas penumpang-penumpang yang gagal hadir setelah membuat tempahan bagi penerbangan dalam negeri bagi tahun kewangan 1986/87 adalah berjumlah \$1.92juta dan \$1.94juta bagi tahun kewangan 1987/88.

Dalam kes-kes tertentu, adalah benar kesulitan timbul untuk mendapatkan tempat bagi sesuatu penerbangan walaupun kapal terbang berlepas dengan lempat-tempat yang kosong. Keadaan ini timbul kerana penumpang-penumpang yang telah membeli tiket gagal menghadirkan diri atas sebab-sebab tertentu.

Rancangan-rancangan yang diperkenalkan bagi mengatasi masalah penumpang-penumpang yang gagal menghadirkan diri adalah seperti berikut:-

- (i) mengenakan bayaran pembatalan;
- (ii) membatalkan tempahan penumpang-penumpang yang tidak mengesahkan tempahannya;
- (iii) keperluan tempahan 24 jam sebelum bertolak dan bayaran pembatalan jika gagal menghadirkan diri bagi penumpang-penumpang tiket terbuka.

Mengikut kajian, purata penumpang-penumpang yang gagal menghadiri diri setelah membuat tempahan di dalam negeri telah berkurangan daripada 10.3% dalam tahun 1983 kepada 8.2% dalam tahun 1987. Sungguhpun demi-

kian, Kementerian Pengangkutan dan MAS sedang memperkemaskan peraturan-peraturan sedia ada agar dapat mengawal keadaan tertentu dengan lebih berkesan.

#### KEMPEN SEMARAK

**59. Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Penerangan menyatakan tujuan-tujuan kempen SEMARAK diadakan, sama ada lanya dijalankan bagi tujuan politik, juga nyatakan jumlah peruntukan yang diuntukkan bagi kempen SEMARAK itu dan adalah wang rakyat digunakan bagi membiayai kempen itu.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

*(Soalan No. 60. Sila lihat jawapan No. 15 pada 27.6.1988)*

#### ISA - PEMIMPIN DAP YANG DITAHAN

**61. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan terbaru terhadap rayuan ketujuh-tujuh pemimpin DAP yang kini ditahan di bawah ISA untuk memegang jawatan dalam DAP.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendaftar Pertubuhan telah pun membuat keputusan menolak permohonan daripada Y.B. Encik Lim Kit Siang, Y.B. Encik Lim Guan Eng, Y.B. Encik Karpal Singh, Y.B. Encik P. Pato dan Y.B. Encik Lau Dak Kee manakala permohonan daripada Y.B. Encik V. David dan Y.B. Encik Tan Seng Giaw diluluskan.

**LEMBAGA PELABUHAN  
KELANG - KESESAKAN**

**62. Tuan S.S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Lembaga Pelabuhan Kelang menghadapi masalah 'congestion' dengan pengangkutan kontena di LPK pada bulan Mei 1988 dan sudahkan masalah tersebut diselesaikan pada masa kini;
- (b) berapakah syarikat-syarikat yang telah diberi lesen untuk mengangkut kontena-kontena dari Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pelabuhan Kuantan dan Lembaga Pelabuhan Pasir Gudang. Berapakah jumlah unit 'prime mover' dan unit 'trailer' digunakan oleh semua syarikat-syarikat di setiap pelabuhan tersebut dan apakah perbezaan antara jumlah unit 'prime mover' tersebut digunakan oleh keseluruhan empat-empat pelabuhan di negara kita, jika dibandingkan dengan unit 'prime mover' yang digunakan oleh Pelabuhan Singapura;
- (c) sebab apakah pihak berkuasa tidak boleh membenarkan lebih lesen-lesen untuk menggalakkan lebih syarikat memasuki dalam sektor pengangkutan kontena-kontena dari LPK untuk menyelesaikan masalah 'congestion' tersebut.

**Dato' Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Saya suka memaklumkan bahawa 'congestion' ataupun kesesakan yang berlaku di Lembaga Pelabuhan Kelang dalam bulan Mei lepas adalah disebabkan:-
  - (i) 'backlog' berpunca daripada kelewatan menge-

luarkan kontena-kontena import dari kawasan pelabuhan dalam tempoh masa yang ditentukan; dan

- (ii) 20% pertambahan bilangan kontena yang diimport..

Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, kontena-kontena yang tiba di sesebuah pelabuhan perlulah dikeluarkan dengan secepat mungkin oleh kerana kawasan pelabuhan tidak boleh dijadikan sebagai kawasan menyimpan kotak-kotak kontena. Dalam bulan Mei yang lepas kebanyakan daripada gudang-gudang di kawasan Lembah Kelang telah ditutup kerana cuti awam yang banyak (10 hari semuanya termasuk cuti hujung minggu) yang mengakibatkan kotak-kotak kontena telah tidak dapat dihantar ke gudang-gudang berkenaan.

'Backlog' ini telah pun dapat diatasi dan 'keadaan terminal atau kawasan pelabuhan sekarang adalah seperti sedia kala.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, perkara pelesenan syarikat untuk mengangkut kontena dari pelabuhan-pelabuhan bukan di bawah bidang tugas Kementerian saya tetapi di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawab soalan ini.

- (i) Bilangan syarikat yang telah diberi lesen untuk mengangkut kontena daripada keempat-empat pelabuhan adalah seperti berikut:-  
2 buah syarikat di Pelabuhan Kelang iaitu

- Kontena Nasional dan Shapadu Kontena;
- 2 buah syarikat di Pelabuhan Pulau Pinang iaitu Kontena Nasional dan Konsortium Perkapalan;
  - Sebuah Pelabuhan Johor iaitu Kontena Nasional;
  - belum ada syarikat yang dilesenkan untuk mengangkut kontena dari Pelabuhan Kuantan.
- (ii) Jumlah unit 'prime mover' dan unit 'trailer' yang digunakan oleh semua syarikat di pelabuhan-pelabuhan adalah seperti disenaraikan:-

bilangan yang dihantar oleh para pengusaha pengangkutan (hauliers).

Komposisi kontena-kontena yang dikendalikan di Pelabuhan Singapura tidak dapat memberi satu perbandingan yang munasabah oleh kerana beberapa faktor perlu diambil perhatian iaitu:

- Singapura adalah satu pelabuhan 'transhipment' di mana sebilangan besar daripada kontena yang dikendalikan tidak perlu keluar dari terminal. Kontena-kontena ini dipindah dari kapal ke pelabuhan

	<i>Kontena Nasional</i>		<i>Shapadu Kontena</i>		<i>Konsortium Perkapalan</i>	
	<i>Prime Movers</i>	<i>Trailers</i>	<i>Prime Movers</i>	<i>Trailers</i>	<i>Prime Movers</i>	<i>Trailers</i>
Pelabuhan Kelang	101	501	40	282	-	-
Pelabuhan P. Pinang	63	292	-	-	37	175
Pelabuhan Johor	11	40	-	-	-	-

- (iii) Mengenai perbezaan antara jumlah unit 'prime mover' yang digunakan oleh keseluruhan pelabuhan di negara kita jika dibandingkan dengan unit 'prime mover' yang digunakan oleh pelabuhan Singapura, perlu dijelaskan bahawa perbandingan yang munasabah tidak boleh dibuat di antara jumlah kontena di pelabuhan dengan

- dan kemudiannya balik ke kapal untuk 'feeder' dan sebaliknya;
- Jarak perjalanan di Singapura adalah terhadap dan dengan demikian 'turnover' bagi kontena setiap unit 'prime mover'/'trailer' adalah lebih tinggi;
  - Lebuh raya Pelabuhan Kelang - Kuala Lumpur adalah lebih sesak berbanding dengan di

Singapura dan ini menyebabkan masa 'turnaround' yang sangat tinggi di Pelabuhan Kelang.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran lesen-lesen untuk mengangkut kontena-kontena adalah di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam dan Lembaga sentiasa mengkaji keperluan kesemua jenis pengangkutan termasuk perkhidmatan kontena. Jika didapati perlu dan mendesak, pihak Lembaga boleh menimbang penambahan perkhidmatan-kontena.

#### HEPATITIS B VACCINE

**63. Dr. Eng Seng Chai** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah cadangan Kementerianya mengurangkan kos "Hepatitis B vaccine" bertujuan memperluaskan kempen mencegah penyakit Hepatitis B di negara ini. Apakah angka pengidap penyakit Hepatitis B dan pembawa 'carrier' penyakit ini di Malaysia pada tahun 1985, 1986 dan 1987.

**Dato' K. Pathmanaban:** Jenis Vaksin Hepatitis B yang akan dipertimbangkan perlu mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan penimbangan kos akan dibuat selepas penetapan ini. Adalah dijangkakan bahawa kos vaksin tertakluk kepada jenis dan kuantiti yang dipesan. Dengan kuantiti pembelian vaksin yang besar, harganya memang akan turun. Kementerian Kesihatan sedang membincangkan permintaan bagi peruntukan khas daripada agensi-agensi pusat untuk membiayai kos vaksin Hepatitis B.

Angka pengidap penyakit Hepatitis B sukar dikesan secara lengkap. Walau

bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa Hepatitis B adalah 20% daripada jumlah kes-kes virat Hepatitis yang dikesan. Pada tahun 1987 sebanyak 4,529 kes viral Hepatitis (termasuk Hepatitis A, B dan lain-lain) telah dikesan di Malaysia.

Angka pembawa "carrier" Hepatitis B juga sukar diperolehi secara menyeluruh. Kajian-kajian yang telah dijalankan di kalangan penderma darah, ibu mengandung dan masyarakat am tertentu menunjukkan kadar purata pembawa di antara 3% - 5% di Malaysia.

#### KEGANASAN ROGOL

**64. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) kedudukan masalah keganasan rogol di negara sehingga ini; dan
- (b) tindakan-tindakan yang akan diambil untuk membanteras jenayah rogol ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah keganasan rogol di negara kita pada masa kini adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Bagi tahun 1986 misalnya, peratus kes-kes rogol hanyalah 5.36% sahaja daripada sejumlah 12,848 kes jenayah-keseluruhannya. Bagi tahun 1987 pula, daripada sejumlah 11,321 kes-kes jenayah yang dilaporkan hanya 5.9% sahaja merupakan kes-kes rogol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui pihak polis dan jabatan-jabatan yang terlibat bagi membanteras jenayah rogol adalah seperti berikut:-

- (i) mengemaskini dan mempertingkatkan mutu siasatan secara lebih terperinci dan saintifik bagi memastikan penjenayah terlibat dihukum setimpal dengan

kegiatannya oleh mahkamah;

- (ii) pihak polis menerusi kerjasama massa media lain berusaha menyalurkan maklumat dari semasa ke semasa kepada orang ramai tentang situasi dan bentuk jenayah rogol semasa dan cara-cara mengelak dan mencegahnya;
- (iii) pihak polis juga berhubung rapat dengan Jabatan Pendidikan dalam memberikan ceramah-ceramah dan sebagainya kepada murid-murid sekolah terutama murid-murid perempuan supaya mereka peka dengan situasi dan bahaya jenayah rogol;
- (iv) maklumat-maklumat perlu mengenai jenayah rogol juga disalurkan oleh pihak Kerajaan melalui program-program kemasyarakatan, seminar, forum dan sebagainya kepada orang ramai dan hasilnya pihak Kerajaan telah mendapat berbagai maklum balas dan hubungan dua hala yang lebih positif dalam usaha membanteras jenayah ini;
- (v) pihak polis juga menjalankan rondaan yang lebih kerap di kawasan tertentu yang dikenal pasti sebagai kawasan yang sering berlakunya jenayah rogol.

Walaupun kejadian jenayah ini masih terkawal, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini menyeru semua pihak agar dapat bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam membanteras jenayah rogol yang dianggap sebagai jenayah yang penuh dengan tragedi yang memilukan dan menyebabkan jiwa mangsanya merana sepanjang hayat.

### PERBUALAN TELEFON

**65. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan benarkah dakwaan yang mengatakan ada perbuatan

merakamkan perbualan melalui telefon oleh sepasang suami-isteri di Teluk Intan baru-baru ini. Jika benar, apakah tindakan yang diambil oleh STM ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab itu. Dan apakah jaminan yang boleh meyakinkan pihak pelanggan telefon bahawa keadaan seperti itu tidak akan berulang lagi.

**Tuan Ong Tin Kim:** STM telah mengadakan penyiasatan khas sebaik-baik sahaja berita yang menyatakan perbuatan merakamkan perbualan telefon sepasang suami-isteri dari Teluk Intan itu tersiar dalam akhbar Utusan Malaysia pada 13 Mei 1988. Hasil daripada siasatan itu, STM mendapati dakwaan yang tersiar itu adalah tidak benar dan si pengadu sendiri enggan memberikan maklumat berkaitan dengan dakwaannya itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaoakan kali yang kedua sekarang." (30hbJun, 1988)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran)** Yang Berhormat dari Seremban.

4.05 ptg,

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, petang semalam saya ada membangkitkan perkara, pertamanya, bagaimana AIDS yang sangat dahsyat oleh sebab sampai masa sekarang tidak ada vaccine dan tidak

ada ubat untuk mengatasi masalah ini. Saya pun ada membangkitkan berkenaan dengan mass media di mana ada banyak filem-filem atau video untuk memberi satu pelajaran atau syor yang tidak sihat untuk murid-murid kita.

Yang saya mahu membangkitkan ialah berkenaan filem-filem yang ada ditunjukkan di channel TV3 di mana menunjukkan filem *Knots Landing*, *Dallas* dan *Dynasty*. Filem itu menunjukkan moral atau akhlak yang rendah. Pelakon-pelakon yang menunjukkan bahawa mereka kahwin bermacam-pur-campur, ada banyak partners. Ini suatu yang tidak sihat untuk murid-murid atau pemuda-pemudi kita. Oleh sebab filem ini ada menunjukkan orang yang kaya, kalau orang kaya, ada kelas, dia pun mahu ikut cara ini. Saya berharap pihak berkenaan mengambil perhatian berkenaan dengan hal ini supaya hal ini dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab AIDS ialah satu penyakit yang tidak ada vaccine dan tidak ada ubatnya sekarang, kita mesti ada cara untuk mencegahnya.

Dalam Rang Undang-undang ini di Bahagian IV, ada beberapa Fasal. Ada cara-cara untuk mencegah atau diharap mencegah merebaknya penyakit-penyakit berjangkit, misalnya AIDS, tetapi saya rasa ini semua adalah untuk lain-lain penyakit bukan untuk AIDS, bukan untuk Hepatitis B. Ini untuk penyakit yang lama dahulu seperti dipteria, kolera dan lain-lain dan cara-cara ini tidak mencukupi untuk mengatasi masalah merebaknya AIDS dan Hepatitis B, khasnya Hepatitis B. Apa guna ada kawasan kuarantin dan lain-lain, sekarang tidak ada guna, sebab penyakit ini boleh masuk ke negara kita oleh beberapa orang tourist. Tourist ini tengok badannya tidak ada apa-apa sakit, tidak ada malaria. Penyakit malaria ada menunjukkan tanda, penyakit seperti yellow fever

boleh dilihat kepada pesakit. Typhoid boleh nampak, orang yang mengidap penyakit typhoid demam dan lain-lain. Tetapi orang yang ada penyakit AIDS macam orang biasa, masuk ke negara kita seperti seorang tourist. Ada AIDS atau tidak kita tidak tahu, tetapi dalam diam-diam dia ada penyakit AIDS, ada antibodies atau serum positif AIDS atau ARC dan lain-lain. Apabila dia masuk ke negara kita dari negara barat, dia masuk hotel dan berhubung dengan orang kita, ini satu cara bagaimana AIDS boleh merebak ke negara kita.

Sebab itu saya rasa peruntukan ini dalam Bahagian IV tidak ada guna lagi, mesti ada cara lain atau program lain. Selain daripada education atau pelajaran pendidikan untuk pemuda-pemudi dan untuk orang-orang yang hendak satu partner sahaja atau kahwin satu sahaja, pendidikan ini boleh diterima tetapi orang yang tidak mahu hadkan kepada satu partner atau one companion, one wife, satu isteri, saya ingat pendidikan ini sangat susah mahu masuk kepada akalunya. Sebab itu saya rasa pihak Kementerian Kesihatan mesti ada lain strategi untuk mengawal AIDS daripada merebak di kumpulan ini.

Selain daripada pendidikan diberi kepada mereka, saya rasa orang yang kita bimbang boleh dapat AIDS, saya rasa semua orang mesti ada satu 'screening', periksa sama ada mereka ada AIDS atau tidak ada AIDS. Saya rasa sangat susah mahu ambil satu tindakan memaksa mereka 'screening' tetapi kita mahu menggalakkan mereka untuk 'screening'. Kalau ada satu 'Voluntary screening', semua orang ini boleh melalui 'screening' tahu mereka ada AIDS atau tidak ada AIDS. Kalau ada AIDS kita boleh ambil cara-cara untuk mengawal hal ini dan melarang mereka berhubung dengan orang lain.

Saya di sini mahu terangkan, saya di sini tidak sokong orang pergi ke tempat-

tempat pelacur dan lain-lain, tetapi kita tahu manusia adalah sangat lemah (weak) dan tidak boleh dinafikan ini adalah satu realiti. Sebab itu saya harap pihak Kementerian ambil tindakan untuk memberi kondom-kondom kepada orang-orang yang suka atau ada minat pergi ke hotel atau tempat-tempat pelacur. Saya mahu menegaskan lagi di sini, saya tidak sokong orang yang pergi ke tempat-tempat seperti itu tetapi untuk mencegah AIDS merebak, cara ini mesti ditimbangkan. Ini bukanlah pandangan saya sahaja.

Saya di sini hendak baca sedikit dari satu majalah terbitan, satu journal, dengan izin, on the Public Health Service of the United States. Saya quote, dengan izin:

" Since there is neither a vaccine to prevent nor a cure for AIDS and since sexual activity is by far the most frequent mode of transmission, I wish to focus on the prevention of sexual transmission of AIDS. The emphasis in the media on condoms for protection against HIV infection (AIDS) has delivered an important message. For those who are abstinent or for those who have mutually faithful monogamous sexual relationship, AIDS presents no problem, but for sexually active individuals who are neither abstinent nor have a mutually faithful monogamous relationship, we have little to offer except condoms."

Sebab itu saya harap supaya Kerajaan ambil perhatian perkara ini dan di mana tempat-tempat yang ada aktiviti-aktiviti seks, hotel dan lain-lain, silalah diberi kondom dengan percuma.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengumpul tenaga (energy) untuk mengawal AIDS. Saya cadangkan supaya satu Pusat AIDS ditubuhkan atau, AIDS atau STD Centre, dengan izin, di mana Pusat AIDS ini boleh monitor, dengan izin, keadaan AIDS di

seluruh dunia dan di negara kita dan di negara-negara jiran dan boleh menyiasat (research) dengan tabiat-tabiati atau habits and behaviour berkenaan dengan kumpulan high risk, misalnya pelacur-pelacur dan orang-orang yang ada hubungan seks sejenis. Kalau kita ada satu monitoring system atau research system, saya rasa kita boleh mengawal.

Saya cadangkan Pusat AIDS ini bukan sia-sia, tetapi untuk mencegah AIDS dari merebak. Sungguhpun pada masa sekarang kita tidak ada banyak kes AIDS - barangkali kurang daripada 10-20 kes AIDS officially, tetapi unofficially saya tidak tahu - untuk masa yang akan datang kita mahu start sekarang sebab kita tidak mahu jadi seperti negara Barat di mana ada beribu-ribu kes AIDS. Pusat AIDS ini tidak akan memakan banyak peruntukan kewangan, dengan satu centre satu orang boleh monitor, Pusat ini pun boleh mengadakan satu sistem, satu program untuk beri pendidikan kepada rakyat di seluruh negara kita di mana-mana tempat untuk mencegah merebaknya AIDS. Pusat ini pun boleh beri perkhidmatan kaunseling untuk semua orang yang hendak tahu bagaimana AIDS boleh di'contract' dan lain-lain. Pusat ini boleh diadakan satu sistem siasatan, ada satu sistem screening bagi semua orang yang hendak screening khususnya 'high risk group'. Saya rasa screening adalah sangat mustahak dan pihak Kementerian Kesihatan mesti ambil tindakan.

Saya rasa sampai sekarang tidak ada orang dapat screening yang cukup khususnya 'high risk group' sebab kalau Kerajaan dapat tahu mereka ada penyakit AIDS, barangkali mereka tidak dapat meneruskan dengan profesion mereka. Apabila sudah di'screen', saya harap Kerajaan mengadakan satu sistem di mana boleh diberi rahsia atau confidentiality, dengan izin,

kepada orang-orang yang ada AIDS ini. Ini mustahak, kalau tidak beri confidentiality orang itu tidak mahu beri kerjasama atau co-operation, dengan izin. Jadi, AIDS Centre sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang ini ada satu peruntukan yang bermakna iaitu di Seksyen 12 (1), muka surat 13 yang berbunyi:

"12 (1) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa dia mengidap sesuatu berjangkit boleh mendedahkan orang-orang lain kepada risiko jangkitan melalut kehadiran atau kelakuannya di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat lain yang digunakan bersama-sama oleh orang-orang selain daripada anggota-anggota keluarga atau rumahnya sendiri."

Saya menyokong peruntukan ini, oleh sebab kalau satu orang ada mengidap penyakit berjangkit seperti AIDS dia boleh jadi satu carrier. Tetapi kalau ada satu peruntukan dalam Bil ini yang dihadkan juga kepada aktiviti seks dan kalau dia terlibat dalam aktiviti seks, dia boleh didenda dan dihukum. ini adalah satu cara yang baik. Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan ini kita mesti adakan lain-lain cara untuk mencegah AIDS. Apa yang saya cadangkan tadi, saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan ambil perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.22 *ptg.*

**Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Usaha pencegahan dan pengawalan penyakit yang diinstitutionalisasikan melalui Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang idealist selaras dengan ungkapan arif yang berbunyi:

"Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati sesuatu penyakit itu". Saya berharap penguatkuasaannya dilakukan secara pragmatis supaya objektif-objektifnya tercapai bukan hanya tinggal sebagai satu ideal sahaja.

Saya pasti bahawa faktor pencetus yang melahirkan Rang Undang-undang ini ialah merebaknya penyakit AIDS di seluruh dunia amnya dan di negara kita khasnya pada masa ini.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang hanyalah suatu alat pentadbiran masyarakat yang diwujudkan sebagai usaha terakhir ataupun, dengan izin, last resort untuk menentukan bahawa tingkah-laku anggota-anggota sesuatu masyarakat itu tidak membawa akibat buruk kepada masyarakat yang tersebut. Tetapi yang lebih mustahak ialah langkah-langkah penerapan atau, dengan izin, internalisation nilai-nilai agama, sebagai langkah awal, perlu diperkuatkan.

Masalah-masalah penyakit AIDS dan lain-lain penyakit kelamin seperti syphilis dan gonorrhoea tidak akan timbul di kalangan masyarakat yang beriman baik dengan agama apa sekali pun. Hakikat merebaknya penyakit-penyakit ini mencerminkan suatu

hakisan nilai-nilai agama yang murni di kalangan masyarakat kita khasnya dan masyarakat dunia amnya. Keruntuhan nilai-nilai agama ini di kalangan masyarakat Amerika Syarikat merupakan faktor utama tercetusnya epidemic AIDS yang mana menjangkiti keseluruhan dunia pada masa ini. Manusia di sana kebanyakannya membuang nilai-nilai ini dan digantikan dengan nilai-nilai Bohemian yang bersifat hedonistic, dengan izin, yang sangat-sangat dikutuk oleh Tuhan, Manusia di sana tidak mempelajari dari cerita-cerita kitab Injil mereka yang meriwayatkan bagaimana Tuhan menyalahkan penduduk-penduduk di Sodom dan Gomorrah di zaman Nabi Allah Lut lantaran amalan hubungan sejenis atau, dengan izin, homosexuality yang menjadi-jadi pada masa itu. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu pun telah ada penyakit AIDS, tetapi oleh sebab dimusnahkan oleh Tuhan seluruh penduduk Sodom dan Gomorrah, penyakit ini tidaklah merebak mengikuti sejarah manusia.

Tuan Yang di-Pertua, perlunya kita adakan undang-undang ini tidak semestinya bermakna bahawa masyarakat kita adalah terletak pada tahap Sodom dan Gomorrah di zaman dahulu seperti masyarakat di California di Amerika Syarikat pada masa ini.

Saya pasti nilai-nilai agama di dalam masyarakat kita sepertimana ditegaskan oleh Rukunegara kita masih kukuh dan pantas dapat mempertahankan kebanyakan anggota masyarakat kita dari pengaruh-pengaruh nilai Bohemian dan hedonistic ini, dengan izin. Tetapi malangnya negara kita sebagai negara yang aktif di dalam masyarakat dunia tidak dapat memisahkan diri dari kemungkinan-kemungkinan segelintir manusia yang akan membawa padah penyakit AIDS dan lain-lain penyakit yang berjangkit seperti kata pepatah "Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit".

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Rang Undang-undang ini adalah amat perlu sebagai satu benteng untuk menahankan kemaraan bencana zaman moden ini. Di samping itu marilah kita Ahli-ahli Dewan ini sebagai pemimpin masyarakat menanam nilai-nilai budaya dan agama yang diperlukan sebagai faktor yang membawa kekebalan jiwa dan seterusnya kekebalan jasad kita dari serangan penyakit-penyakit yang berjangkit dan merbahaya ini.

Nilai pertama yang saya hendak utarakan supaya dipertimbangkan oleh masyarakat ialah nilai kesihatan umum. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, nilai-nilai ini masih rendah dan berkurangan di dalam masyarakat kita sepertimana dilihat dari cara-cara anggota masyarakat baik di bandar dan di luar bandar membuang sampah dan di luar bandar sisa organik. Sikap yang menekankan-ungkapan yang berbunyi 'Tempat buang najis semestinya kotor' merupakan sikap utama yang mencorakkan tingkah-laku anggota masyarakat kita. Contohnya jikalau sesuatu tempat itu dipanggil tandas, maka ianya mestilah kotor dan boleh dikotorkan sehingga anggota masyarakat kita tidak dapat menerima hakikat bahawa sesuatu tandas itu boleh menjadi tempat yang bersih.

Pernah berlaku peristiwa setengah orang yang memegang kuat pada hakikat ini tidak berupaya menjalankan tugas membuang air besar di tandas-tandas yang bersih seperti di hotel dan rumah-rumah mewah. Untuk sesuatu tempat itu layak berfungsi sebagai tandas kepada mereka ianya mestilah kotor dan justeru itu ianya mesti dikotorkan dahulu sebelum digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, tandas di Bangunan Parlimen ini pun menerima nasib yang sama akibat dari pemegang sikap yang tercetus dari nilai kebersihan umum yang rendah ini. Begitu jugalah

ceritanya dengan tempat-tempat buang sampah baik di kampung mahupun di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memupuk nilai-nilai dan sikap kebersihan umum yang tinggi ini, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini amatlah perlu sekali. Melalui Rang Undang-undang ini, masyarakat dipaksa mematuhi hukum-hukum kebersihan dan lama-kelamaan nilai-nilai dan sikap yang betul mengenai kebersihan umum dapat dipupuk.

Nilai yang kedua yang saya ingin bincangkan di sini ialah, Tuan Yang di-Pertua, mengenai nilai di dalam pemegangan makanan dan penjualan makanan. Di dalam Rang Undang-undang ini, saya perhatikan tidak ada peruntukan langsung untuk pelaksanaan norma-norma perlakuan di dalam aktiviti menjual dan memegang makanan yang telah dimasak. Mengapa ini tidak dimasukkan? Mungkin Kementerian akan menjawab kepada soalan ini bahawa peruntukan ini telah sedia wujud di dalam Enakmen Majlis-majlis Perbandaran. Tetapi saya fikir oleh sebab keadaan ini adalah penting, perlu juga diambil kira soal-soal pemegang ataupun norma-norma penjualan dan pemegang makanan yang telah dimasak. Oleh itu saya memohon agar Kementerian Kesihatan bersikap lebih tegas melalui Majlis-majlis Perbandaran, jikalau tidak hendak dimasukkan apa yang saya cadangkan tadi, di dalam usaha pelaksanaan mencegah penjual-penjual makanan baik di warung-warung, di gerai-gerai mahupun di restoran-restoran besar serta di hotel-hotel mewah daripada memegang dengan tangan.

Kalau tidak mahu digunakan sepih sekali pun tangan mestilah ditutup dengan sarung. Berkemungkinan besar jika diwajibkan pemegangan makanan dilakukan dengan tangan yang bersarung getah, pasaran untuk industri

getah akan meluas.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman ini perebakan penyakit-penyakit berjangkit seperti hepatitis dan kolera adalah banyak berpunca daripada makanan yang dijual. Di zaman ini juga adalah menjadi perkara lumrah anggota masyarakat makan di luar, lantaran merebaknya ekonomi tunai. Bukan orang-orang bandar sahaja yang makan gaji yang tidak melepas peluang untuk makan di luar apabila mendapat gaji. malah penanam-penanam padi dan penoreh-penoreh getah di kampung pun sudah lama mempunyai institusi makan mee di luar apabila mereka menjual hasil pertanian mereka.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon lagi sekali kepada Kementerian Kesihatan supaya tegas di dalam hal mengawal cara-cara memegang makanan dan menjual makanan yang sudah dimasak. Saya juga menyeru kalau boleh dimasukkan fasal-fasal mengenainya di dalam Rang Undang-undang ini jikalau masih ada masa lagi kerana di Taiwan, di Jepun dan malah di Singapura, penggunaan chopstick yang berulang-ulang di kedai-kedai makan telahpun diharamkan. Ini disebabkan merebaknya penyakit hepatitis dan herpis melaluinya. Saya pasti di Malaysia pun mesti dikenakan Rang Undang-undang ini juga kerana penggunaan chopstick digunakan secara lebih menyeluruh di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di dalam Akta ini tidak ada satu pun peruntukan mengawal yang saya katakan tadi. Walaupun ada peruntukan pengawalan ini di dalam by-laws Majlis-majlis Perbandaran tetapi alangkah lebih berkesan kalau ianya dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit

berjangkit seperti kolera dan hepatitis di negara ini kebanyakannya berpunca di kawasan-kawasan miskin dan di kalangan penduduk-penduduk miskin. Di kawasan Parlimen yang miskin seperti kawasan saya di Padang Terap, di kawasan Sik, Baling dan lain-lain kawasan pendalaman tidak perlu menunggu Menteri puas hati bahawa sesuatu kawasan itu adalah sumber penyakit-penyakit ini seperti disebutkan di dalam Fasal 11. Jikalau Menteri pergi melawat ke kawasan-kawasan ini pada musim kemarau yang bermula dalam bulan Disember sehingga bulan April selama 5 bulan saya pasti Menteri akan puas hati selama-lamanya bahawa kawasan-kawasan ini adalah punca penyakit-penyakit ini. Rakyat di sana terpaksa minum air sungai yang tidak mengalir dan dikotorkan pula oleh sisa-sisa organik dari industri gula dan industri getah yang menyebabkan merebaknya kuman-kuman penyakit ini.

Saya harap rakyat jangan dipersalahkan lagi mengenai isu membuang najis ke dalam sungai. Berkat projek-projek pembangunan sosial desa yang dijalankan dahulu khususnya yang dijalankan untuk mengadakan tandas yang dibantu oleh sukarelawan-sukarelawan dari Peace Corps tandas-tandas curah sudah mengambil alih tandas-tandas sungai.

Jadi, apabila masih berlaku secara berulang-ulang wabak taun kolera dari tahun ke tahun khususnya di kawasan saya di Padang Terap maka tanggungjawab untuk memastikan peningkatan tahap community hygiene, dengan izin, adalah jatuh ke atas Kerajaan sendiri. Ini ialah kerana melalui projek-projek besar Kerajaan seperti Gula Padang Terap, pencemaran sungai berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini juga mencadangkan supaya segala peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini

dikuatkuasakan sepenuhnya di pintu-pintu masuk negara ini di utara seperti di Padang Besar, Bukit Kayu Hitam dan di Rantau Panjang iaitu di sempadan negara kita dengan Thailand.

Ketiga-tiga pintu masuk yang saya sebutkan tadi adalah merupakan gateway, dengan izin, ataupun pintu masuk ke negara ini dalam sumber-sumber penyakit berjangkit yang paling mencabar. Sumber-sumber ini ialah pekan-pekan Haadyai dan Golok yang bukan sahaja merupakan sarang pelacuran malah ianya juga merupakan sumber penyakit lain seperti kolera dan hepatitis. Di pintu-pintu masuk ini perlu diperbanyakkan petugas kesihatan yang akan memeriksa kemungkinan rakyat kita dan juga rakyat lain termasuk rakyat Thai selalu datang ke negeri-negeri di utara membawa masuk penyakit-penyakit berjangkit ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan di sini supaya Kerajaan memastikan kepada tiap-tiap rakyat yang ingin berkahwin mesti diperiksa dahulu untuk memastikan bahawa ianya tidak membawa kuman-kuman penyakit berjangkit khususnya kuman-kuman sifilis dan lain-lain V.D. dan juga penyakit AIDS. Ini telahpun dilakukan di negara-negara maju khususnya di Amerika Syarikat dan di setengah negara-negara Eropah. Sesiapa yang hendak kahwin perlulah mendapat, dengan izin, a clean bill of health, dari penyakit-penyakit berjangkit khususnya penyakit yang saya sebutkan tadi. Semoga dengan itu masyarakat kita di hari muka akan dapat melawan penyakit-penyakit berjangkit merebak ini yang meruntuhkan kesihatan masyarakat kita akan dapat dijayakan. Dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Marang.

4.37 ptg.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk memberikan pandangan saya mengenai dengan Kertas D.R. 12/88 Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Daripada apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kepada kita semalam bahawa kita dapat membawa banyak kesimpulan yang baik yang menyebabkan Rang Undang-undang ini diperkenalkan. Apabila saya melihat bahagian yang diberikan di dalam kertas biru ini begitu banyak, ada enam Bahagian dengan 33 Fasal jelas sekali bahawa banyak perkara yang hendak dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Bukan sahaja banyak perkara yang hendak dilakukan malah banyak perkara yang lama hendak dibarukan. Bukan itu sahaja malah timbul perkara-perkara baru yang telah dapat dilihat oleh pihak Kementerian.

Perkara yang kedua saya melihat dalam susunan fasal-fasal dan mendasarlaminya maka kita perhatikan bahawa banyak perkara yang tidak seragam dan tidak kemaskini.

Perkara yang ketiga kita lihat soal penyakit adalah satu soal yang besar dan soal yang besar ini berkaitan dengan undang-undang dan undang-undang kawalan penyakit berjangkit lama ialah merupakan satu undang-undang lama dan perlu dimaju dan dikemaskinikan sesuai dengan kemajuan negara.

Secara kesimpulannya saya dapat melihat bahawa perkara yang ditimbulkan oleh pihak Kementerian ini adalah untuk memberikan satu kesimpulan bahawa rakyat sihat negara maju, negara akan maju apabila rakyatnya sihat.

Beberapa orang Ahli Parlimen telahpun membahaskan perkara ini. Saya ingin mengajak kita yang ada pada petang ini untuk melihat bagaimana Yang Berhormat dari Seremban menekankan bahawa perlunya diberikan perhatian yang serius terhadap penyakit AIDS, daripada yang dibincangkan saya kira sebahagian besar masanya 80% diambil untuk diberi perhatian kepada AIDS. Mungkin dia pakar tetapi saya sangat tidak bersetuju apabila diberikan satu pandangan untuk menyekat penyakit berjangkit maka perlulah diberi kawalan dengan cara memberi kondom-kondom kepada aktiviti seks yang berlaku di hotel-hotel dan seumpamanya.

Bagi kita soal ini adalah soal yang sangat sementara dan soal yang meruntun serta mendasarkan kepada kepincangan akal dan juga tidak melihat masalah itu lebih jauh. Soal penyakit yang sedemikian, sifilis ataupun AIDS bukanlah boleh diubati dengan kondom ataupun dengan hukuman, tetapi ianya saya kira akan selesai apabila ianya diubati dengan didikan rohaniah, didikan agama. Didikan ini saya kira terdapat dalam semua agama, bukan sahaja Islam, malah Kristian dan juga agama-agama lain. Jadi, janganlah pihak Kementerian terbawa-bawa dengan pandangan sempit daripada Parti Pembangkang untuk menggunakan kondom untuk menyekat aktiviti yang tidak sihat ini sendiri. Tetapi sebagai yang pertama pentingnya, saya kira soal pendidikan, moral, akhlak, soal pendidikan batiniah perlulah diterakan. Tidak cukup hanya dengan memberi keterangan-keterangan dan juga memberikan kesedaran, kalau soal moral, akhlak, keimanan, ketaqwaan tidak didampingi sama. Jadi, saya kira tidak salah kalau Kementerian Pendidikan dalam menyatakan tentang hasratnya untuk membaiki Akta ini untuk mengawal penyakit itu, soal ini pun juga perlu diberikan.

Perkara yang kedua banyak apabila kita bercakap tentang penyakit berjangkit, kita hanya menekankan satu penyakit daripada 23 penyakit yang diterangkan dalam kertas Rang Undang-undang ini. Saya tidaklah mahu menyebut nama-nama penyakit itu daripada Batuk Kokol, Campak sehingga Viral ke Hepatitis B, tetapi kadangkala kita terbawa dengan gelagat, umpamanya gelagat Wakil dari Seremban, bukan saya hendak kata padanya tetapi ia hanya menekankan soal AIDS sahaja.

Bagi saya, AIDS ini bukanlah satu masalah yang besar, hanya kita gerun sahaja serta kita membayangkan sesuatu yang besar. Saya ingat orang yang mati kerana AIDS ini baru seorang, dalam Sarawak pada tahun ini. Tetapi kita telah mendengar puluhan, malahan ratusan, malahan ribuan orang mati kerana Demam Kuning, Kolera, keracunan makanan, Kusta, Demam Denggi dan berbagai-bagai lagi. Apa yang saya bimbangkan iaitu bukanlah kita tidak mahu menyekat AIDS ini datang ke tempat kita, tetapi kalau sekiranya pertimbangan tidak diseimbangkan maka kadangkala kita terbawa-bawa dengan arus dan gelagat untuk membendung arus AIDS ini sehingga kita melupa penyakit-penyakit yang lain. Saya kira pihak Kementerian seharusnya akan mengimbangkan bagaimana orang-orang di luar bandar menghadapi kusta, menghadapi kolera dan bagaimana orang-orang moden hari ini ratusan yang menghadapi penyakit siflis akibat seks yang berleluasa. Perimbangan ini perlulah diberi pertimbangan sama ada cara memberikan keterangan, cara hebahan. Hari ini seolah-olah bumi Malaysia ditenggalami oleh AIDS. Hakikat dan keadaan sebenarnya tidak sedemikian rupa. Jadi, perkara ini perlulah disemak balik, dikaji balik agar penekanan kita itu lebih melebar, lebih seimbang.

Perkara lain yang saya hendak

tekanan iaitu mengenai dengan kemudahan-kemudahan di hospital, peralatan dan seumpamanya. Saya kira tidaklah cukup kita hanya mengadakan akta-akta, mengadakan tindakan-tindakan, mengadakan hukuman-hukuman, kalau sekiranya hospital kita masih lagi tidak mempunyai cukup alat-alat, tidak mempunyai kepakaran, tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang up-to-date. Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hari ini sudah menjadi satu yang lumrah di Malaysia termasuklah pakar-pakar penyakit berjangkit di mana terpaksa kita pinjam pegawai-pegawai perubatan, doktor daripada satu tempat ke satu tempat, bawa pula dari satu tempat sana ke tempat lain, berlari-lari pegawai perubatan ini. Pegawai-pegawai kita ada dalam Dewan ini. Dan perkara ini telah lama, apakah kerana kita terlalu mahu memperkecilkan perbelanjaan terhadap mereka ataupun kerana kita terlalu menjimatkan wang Perbendaharaan maka sehingga kita sanggup membiarkan perkara ini berlalu-laluan. Sudahlah itu, malahan peralatan pun tidak cukup. Sudahlah itu, jaraknya pun jauh. Sudahlah itu, banyak lagi masalah-masalah yang lain.

Bagi saya dalam masalah penyakit berjangkit ini perlu diberikan perhatian. Penyakit-penyakit berjangkit ini kadang-kadang dia bukan macam penyakit lama, dia cepat mati. Saya bukanlah doktor macam Yang Berhormat dari Kepong. Saya bukan doktor, ini tidak kata padanya, cuma beri contoh, tidak marah pun. Tetapi kita merasakan bahawa ada beberapa penyakit macam Kolera serta keracunan makanan yang memerlukan perubatan segera. Kalau sekiranya sesebuah hospital, klinik atau pusat perubatan tidak mempunyai pakar-pakar atau kakitangan yang cukup, saya kira Akta yang akan diterapkan ini juga tidak akan memberi makna yang jelas walaupun saya mengalu-alu serta menyokong penuh

tentang kewujudan pemindaan, perubahan pada Akta ini tetapi soal kepentingan kemudahan kakitangan hospital perlu diberikan perhatian terutama terhadap kawasan-kawasan luar bandar ataupun kawasan-kawasan yang mudah dijangkiti penyakit berjangkit.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga kalau hendak bercakap tentang penyakit berjangkit ini, kita jangan terlalu beri umpan. Kalau kita hendak dapatkan ikan, kita mengail kerana ada umpan, tetapi bila kita bercakap tentang penyakit berjangkit ini, di Malaysia kita banyak sediakan umpan. Dan mengikut Wakil dari Seremban, ikan yang hendak makan itu hendak beri kondom pula. Itu satu pendapat yang sungguh sinis dan tragis. Saya kira, soal hotel, rumah pelacuran, tempat-tempat maksiat seperti ini adalah merupakan umpan yang menjemput serta mengundang orang luar yang mungkin ada genetics, pusaka siplis, pusaka AIDS untuk datang ke mari. Kalau tidak ada umpan-umpan ini maka dia tidak akan menarik untuk datang. Tetapi itu bukanlah soal ataupun bidang tugas Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun saya kira bolehlah diuji batik, bolehlah dikaji balik bagi menyusun semula serta merakamkan Akta ini dengan Kementerian-kementerian ataupun pihak-pihak yang lain.

Saya juga ingin menekankan bahawa selain daripada mengadakan Akta ini kita janganlah memberatkan soal hukuman semata-mata. Saya merasa agak kurang bersetuju kerana dalam Akta ini ada dijelaskan bahawa orang-orang yang membuat salah bagi kesalahan pertama di bawah Fasal 24 boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Ini adalah merupakan satu perkara

yang berat memandangkan ini merupakan satu kesalahan yang pertama. Bagi saya dalam soal mengatasi penyakit yang penting bukanlah hukuman. Hukuman bagi saya tidak tebih dari merupakan suatu amaran. Denda tidak lebih merupakan suatu mgatan dan yang lebih penting kepada kita iaitu soal kesedaran, soalan pendidikan. Itulah yang lebih mustahak daripada mengadakan denda atas kesalahan, mengadakan hukuman dan juga penalti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyetujui dua bahagian penting iaitu Bahagian III mengenai dengan pencegahan pembawaan masuk penyakit berjangkit dan Bahagian IV mengenai dengan mengawal merebak penyakit berjangkit. Dalam kandungan kertas biru ini daripada enam bahagian yang diterangkan, Bahagian III dan Bahagian IV, saya melihat sebagai satu unsur yang sangat istimewa dan sangat penting. Saya ambil contoh, Fasal 6 iaitu mengenai dengan pengisytiharan kawasan jangkitan, Fasal ini memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia untuk mengisytiharkan kawasan yang di luar Malaysia sebagai satu kawasan penyakit yang berjangkit. Begitu juga apabila diisytiharkan sebagai kawasan berjangkit, maka orang-orang terlibat boleh dikawal, kenderaan yang hendak masuk ke kawasan itu boleh dikawal dan seumpamnya.

Dalam Fasal 3 ini juga saya melihat bahawa unsur-unsur pencegahan sangat penting iaitu orang yang didapati membawa penyakit berjangkit boleh dipindahkan dan boleh dikuarantinkan, diawasi dan diubati. Jadi soal pencegahan ini penting dan ianya saya kira tidak kedapatan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988 ini yang boleh memberi kuasa untuk kita mengawal-selia hatta di luar dari Malaysia sendiri.

Begitu juga Bahagian IV iaitu mengawal merebak penyakit berjangkit itu juga satu perkara yang sangat baik, kerana dari Fasal 10 sehingga Fasal 21 kita dapati beberapa perkara yang penting telah dibuat dan dimasukkan dalam Bahagian ini. Antaranya iaitu membuat laporan segera, dengan cepat, baik oleh penghuni rumah, pengamal perubatan, pegawai perubatan, pihak polis, ketua kampung, penghulu dan seumpamanya. Dan sekiranya mereka tidak berbuat demikian, boleh menyebabkan mereka itu didenda ataupun dihukum.

Dan selain daripada itu juga, kawalan itu juga menyentuh tentang keupayaan Menteri untuk mengisytiharkan harta itu sebagai dijangkiti penyakit dan boleh untuk dimusnahkan dan juga diberi kuasa kepada Akta ini iaitu orang yang sakit tidak boleh mendedahkan penyakitnya kepada orang lain. Hari ini tidak ada Akta itu dan kita dapati sebab itulah penyakit kronik seperti siflis dan seumpamanya begitu terdedah kerana tidak ada akta.

Saya kira dengan adanya Akta ini yang mungkin disertai dengan pendidikan keagamaan boleh membiasakan manusia itu lebih berhati-hati.

Dan yang lebih penting daripada itu juga, kita dapat lihat bagaimana kawalan itu dimasukkan dengan keupayaan untuk menguatkuasakan kuarantin dan lebih penting lagi kita dapati Akta ini juga membolehkan mayat si mati, kalau dirasakan mempunyai penyakit berjangkit, apabila hendak dikuburkan pun meslilah mengikut arahan, mungkin kalau dikuburkan tanpa arahan, mayat itu akan digali balik dan juga diperiksa balik. Semuanya ini saya melihat dua aspek pencegahan dan kawalan adalah merupakan aspek yang terutama dalam Rang Undang-undang ini.

Rang undang-undang ini juga saya.

kira cukup sesuai kerana undang-undang ini tidak sempit, ianya menjurus di semua pelabuhan, pintu-pintu masuk, sempadan-sempadan ataupun boundries dan undang-undang ini juga penting kerana ianya akan diseragamkan dan akan dibuat bukanlah berdasarkan kepada hukuman, walaupun saya sebutkan tadi ada, tetapi saya melihat tentang adanya rebakan penyakit-penyakit yang agak ketara pada hari ini.

Secara kesimpulannya bolehlah saya memberikan sepatah kata iaitu Rang Undang-undang yang diterakan ini adalah bagi kepentingan kesihatan lahiriah, batiniah dan untuk menjadikan negara ini maju. Apabila rakyat sihat, negara akan maju. Oleh itu, saya dengan sepenuh sukucita menyokong Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, 1988. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pagoh.

*4.56ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini saya anggap adalah merupakan undang-undang yang telah digubal secara kemaskini dan juga meliputi serta lebih jelas dari segi pemakaian kuat kuasa undang-undang dari segi perlantikan pegawai-pegawai dan cara penguatkuasaan, cara pencegahan pembawaan masuk penyakit berjangkit, cara-cara pengawalan mere-

baknya penyakit berjangkit dan juga hukuman yang dikenakan dan bidang kuasa Menteri yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang disediakan adalah begitu teliti dan terperinci. Saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang telah merangka Rang Undang-undang ini dalam masa yang begitu diperlukan iaitu demi keselamatan kesihatan umum. Namun begitu, Rang Undang-undang ini tidaklah semestinya menjadi begitu lengkap sehingga tidak ada langsung kelemahan atau loophole, dengan izin, akibat daripada beberapa kesamaran dan pensalahtafsiran sesuatu peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Undang-undang yang kemaskini dan seragam adalah penting tetapi cara implementasi iaitu pelaksanaan dan penguatkuasaan secara berkensan adalah sama pentingnya. Bahkan di sinilah letaknya penilaian dan keutuhan undang-undang itu, sama ada ianya telah digubal begitu baik dan dapat dilaksanakan dengan secara berkesan.

Dalam Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ini, faktor-faktor di atas amatlah penting kerana ianya melibatkan keselamatan awam iaitu undang-undang ini dilaksanakan demi menjaga manusia daripada ancaman penyakit berjangkit yang mengancam nyawa manusia sehingga boleh menyebabkan maut.

Dalam hal ini ada beberapa peringkat penting yang harus dihubungkan dan seharusnya wujud persefahaman, kesedaran dan kerjasama yang rapat antara pihak penggubal undang-undang sendiri, pelaksana atau penguatkuasa undang-undang dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Oleh kerana fasal-fasal dan cerai-ceraian dalam Rang Undang-undang ini adalah begitu komprehensif

dan terperinci, maka semua pihak penguatkuasa mestilah memahami sepenuhnya. Di pihak yang terlibat iaitu orang awam juga perlu diberikan fahaman bukan sahaja dari segi beratnya hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah-pesalah tetapi yang lebih penting daripada itu ialah bagaimana penerangan, kefahaman dan kesedaran tentang bahaya penyakit itu dapat ditamatkan dan difahami oleh orang awam,

Kefahaman dan kerjasama yang erat mestilah juga wujud di antara pihak Pegawai Kesihatan, Pegawai Imigresen, Pegawai Polis dan lain-lain pihak seperti Ketua Kampung, Penghulu dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah letaknya peranan klinik-klinik desa, hospital-hospital daerah ataupun pusat-pusat kesihatan dalam menjalankan usaha yang lebih aktif dan kerap dari segi meluaskan penerangan dan kefahaman kepada orang awam tentang bahaya penyakit berjangkit ini dan hukuman-hukuman berat yang akan diterima oleh mereka yang melanggar undang-undang. Penerangan ini tidak sepatutnya terhad di klinik-klinik dan di pusat-pusat kesihatan sahaja, tetapi ia juga sepatutnya dijalankan di semua kampung di sekolah-sekolah atau institusi pelajaran, di jabatan-jabatan dengan kerjasama semua pihak termasuklah ahli Jawatankuasa Kampung, termasuklah pihak-pihak sekolah ataupun institusi pelajaran dan jabatan-jabatan. Kempen penerangan ini tidak patut dijalankan apabila penyakit itu tiba tetapi kempen ini sepatutnya dijalankan di sepanjang masa supaya kefahaman ini sentiasa ada dan kesedaran itu sentiasa ada di kalangan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian II - Pentadbiran, Fasal 3(3), seorang pegawai diberi kuasa hendaklah memelihara kerahsiaan segala perkara

yang sampai ke pengetahuan dalam melaksanakan tugas-tugas rasminya. Bahagian ini adalah bahagian penting untuk memastikan bahawa undang-undang dapat dijalankan secara berkesan. Kementerian perlu mengambil langkah tegas bagi memastikan Fasal ini berkesan sama ada melalui etika kerja yang tinggi atau hukuman yang keras yang akan dikenakan selain memastikan pegawai-pegawai yang menjadi penguatkuasa cukup untuk melaksanakan undang-undang.

Dalam mencegah jangkitan penyakit yang berjangkit ini, premis-premis penting yang memerlukan perhatian lebih ialah di tempat-tempat kegunaan awam seperti tandas-tandas awam dan lain-lain lagi. Pegawai-pegawai Kesihatan mestilah memastikan bahawa tempat-tempat ini selamat untuk digunakan setiap waktu. Begitu jugalah dengan rumah-rumah tumpangan terutama sekali rumah-rumah tumpangan yang bertaraf rendah yang seharusnya mendapat perhatian yang lebih.

Selain itu, dalam Bahagian IV, Fasal 10(4) ada disebutkan:

"(4) Mana-mana pegawai polis atau ketua kampung yang menerima pemberitahuan di bawah seksyen ini hendaklah memberitahu pegawai penjaga pejabat kesihatan daerah atau kemudahan kesihatan Kerajaan yang paling hampir seboleh-bolehnya tanpa kelengahan".

Apa yang saya ingin sebutkan di sini ialah tentang jangka masa iaitu, "seboleh-bolehnya tanpa kelengahan", iaitu tempoh masa pemberitahuan sesuatu kes disebutkan sebagai "seboleh-bolehnya tanpa kelengahan". Tempoh masa ini tidak jelas. Adakah masa itu tidak lengah dalam masa dua hari atau satu hari ataupun 24 jam ataupun dalam tempoh satu, dua jam kerana ini ada kaitan dengan hukuman yang akan diberikan kepada pesalah-pesalah.

Dalam hal ini saya fikir secara lebih tepat mungkin boleh ditentukan tempoh masa iaitu, sebagai contoh, "tidak melebihi sesuatu jangka masa tertentu, 24 jam ataupun seterusnya".

Seterusnya dalam Fasal 11(4) ada disebutkan "adalah sah bagi seseorang pegawai diberi kuasa menggunakan kekerasan". Perkataan "kekerasan" di sini juga adalah begitu umum, kerana kekerasan ini boleh ditakrifkan dengan berbagai-bagai cara seperti kekerasan yang boleh menyebabkan kecederaan, kekerasan yang menggunakan ugutan ataupun bentuk-bentuk kekerasan yang lain. Jadi apakah jenis kekerasan yang dimaksudkan di sini? Takrif ini tidak begitu jelas dan saya fikir bahagian Fasal 11(4) ini juga patut diteliti tentang takrif "menggunakan kekerasan" ini.

Seterusnya Fasal 25 menyebutkan:

"Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini secara bertulis boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai boleh dikompaun dengan mendapatkan daripada pesalah itu sejumlah wang yang tidak melebihi seribu ringgit."

Di sini juga saya bimbang bukan kerana masalah kompaun ini tetapi kerana kita akan menerima wang daripada kompaun ini secara tunai, maka akan timbullah perkara-perkara keselamatan dari segi wang yang diterima secara tunai ini, walaupun mungkin ada resit dan sebagainya, ataupun dengan cara lain, oleh sebab di situ ada disebutkan dalam Fasal 11(4) ada unsur-unsur kekerasan yang boleh digunakan. Mungkin ini juga boleh disalah gunakan yang menyebabkan seseorang itu boleh memberi wang secara tunai untuk mendapatkan perlindungan.

Perkara ini juga harus diberi perhatian dan seterusnya dalam Fasal 27(3), ada tersebut - saya ambil di bahagian tengah iaitu:

"... maka pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah memohon kepada mejistret untuk mendapatkan perintah bagi pelupusan barang atau binatang itu dan majistret boleh membuat perintah yang difikirkannya patut termasuk perintah pemusnahan barang atau binatang itu walaupun tiada sesiapa telah dipertuduh atau disabitkan atas apa-apa kesalahan berkaitan dengan barang atau binatang itu."

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tempoh bagi mengambil tindakan ini iaitu bagi mengambil tindakan pelupusan, Berapa lama tindakan ini patut diambil, kerana barang-barang yang dimaksudkan itu adalah barang-barang yang telah dijangkiti dengan penyakit. Jadi sudah tentulah barang-barang ini tidak boleh dibiarkan lama dan tindakan ini mestilah memerlukan satu tindakan yang lebih segera.

Itulah di antara perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan dalam membahaskan Akta ini dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.09ptg.

**Tuan S.S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk berucap panjang hanya saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada satu aspek ber-

kaitan dengan kegunaan ubat-ubat yang berada dalam pasaran kita pada masa ini. Nampaknya pihak Kementerian telah mengambil satu sikap yang keras mengenai kegunaan ubat-ubat generic di pasaran kita di bawah mana pihak klinik-klinik swasta serta juga pihak klinik-klinik Kerajaan telah pun diarahkan supaya jangan menggunakan ubat-ubat generic ataupun mengurangkan ubat-ubat generic dalam semua aspek bagi mencegah penyakit-penyakit di negara kita.

Walaupun inilah satu tindakan, saya rasa kita harus mengalu-alukan tetapi ada satu lagi aspek berkenaan dengan kos ubat-ubat yang kita harus mengkaji dengan terperinci semasa kita ambil tindakan yang begitu keras terhadap ubat-ubat generic kita. Oleh kerana nampaknya tindakan yang begitu keras yang sedang diambil oleh pihak Kementerian boleh dianggap sebagai pilih kasih kepada pihak-pihak kilang yang membuat ubat-ubat asal ataupun dengan patent rights supaya mereka boleh memasarkan lebih ubat dari kilang-kilang mereka dan bukan memasarkan ubat-ubat dari segi generic yang boleh terdapat di dalam pasaran kita dengan harga yang begitu murah.

Apabila kita mengambil sikap yang begitu keras terhadap kegunaan ubat generic, pihak rakyat kita terpaksa membayar kos yang lebih tinggi kepada semua aspek pencegahan penyakit-penyakit dalam negara kita. Saya ingin memohon kepada pihak Kementerian kita wataupun tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian melalui saya rasa Jabatan Farmasi dan lain-lain pihak yang sedang melawat doktor-doktor swasta, klinik-klinik swasta, supaya mereka memahami sebagai mana lain-lain negeri-negeri sedang menggunakan ubat-ubat generic dengan begitu mudah dan dengan kos yang rendah juga dan sebenarnya ubat tersebut boleh dapat digunakan dalam negara kita dengan cara-cara dan ciri-

ciri yang digunakan di lain-lain negara.

Dengan itu, saya memohon kepada pihak Kementerian kita untuk mencari jalan bagaimana pihak rakyat kita boleh sampai ke suatu peringkat di bawah mana kos kehidupan rakyat kita boleh dikurangkan melalui kos yang dikenakan oleh doktor-doktor juga dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong.

5.13 *ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang ini kerana ianya satu Rang Undang-undang yang begitu penting untuk memelihara kesihatan penduduk-penduduk tanah air kita. Secara ringkasnya kita diberitahu dalam Huraian Akta ini bahawa tujuan perangkaan Rang Undang-undang ini adalah untuk menyatukan undang-undang yang berhubung dengan kuarantin dan pencegahan penyakit berjangkit dan membuat peruntukan yang lebih baik bagi pengawalan dan pencegahan penyakit berjangkit.

Perangkaan Rang Undang-undang ini seumpamanya satu tindakan ke arah yang betul supaya perundangan perubahan Malaysia padan dengan keperluan semasa.

Akan tetapi, perundangan baru ini masih serba kekurangan. Ini adalah kerana beberapa faktor penting yang dapat mengesyorkan pelaksanaan serta penguatkuasaan usaha pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit tidak wujud langsung ataupun sekiranya ada tidak dapat mematu standard yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah orang seperti Yang Berhormat dari Marang yang kurang meneliti apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini sehingga beliau dapat hendak membidas pihak Pembangkang sahaja. Ini satu sikap yang tidak begitu betul. Saya berharap beliau dapat membaca Rang Undang-undang ini dengan lebih teliti untuk memberikan pandangan yang lebih bernas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal jangkitan sesuatu penyakit kita perlu mengetahui kekerapan berlaku kes-kes baru dalam satu tempoh masa tertentu ataupun, dengan izin, incidence serta kelaziman berlaku penyakit berjangkit tersebut ataupun prevalent, dengan izin. Usaha ini melibatkan pengumpulan maklumat dengan meluas dan tidak putus-putus pada setiap masa sungguhpun jangkitan penyakit-penyakit yang serius tidak berlaku.

Maklumat yang diterima sekali-sekala daripada doktor atau Pegawai Kesihatan atau orang ramai tidaklah mencukupi mahupun ditanggap sebagai langkah pegawalan yang berkesan. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia dapat maklumat daripada pegawai-pegawainya dan setahu saya maklumat itu tidak mencukupi, kerana dalam jawapan beliau itu sentiasa tidak memberi jawapan yang tepat. Jadi saya berharap dia dapat berusaha untuk mempertingkatkan maklumat mengenai kesihatan negara ini.

Negara kita juga memerlukan satu rangkaian maklumat yang bersambungan dari makmal serta perkhidmatan makmal yang baik. Contohnya, di Britain dan Amerika Syarikat kenyataan mingguan dikeluarkan mengenai jenis-jenis mikro, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, mikro bio-types yang diasingkan di seluruh negara. Maklumat-maklumat ini bukan sahaja menambah kepada pemberitahuan mengenai sebarang kejadian penyakit

berjangkit oleh doktor tetapi juga mengambil kira banyak penyakit yang masih belum terkandung dalam Jadual penyakit-penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya gembiralah dapat menyaksikan Jadual ini dengan bilangan penyakit berjangkit dapat ditambahkan sehingga kini sampai 23 termasuk viral hepatitis. Ini satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menejur saya bahawa kita tidak boleh bandingkanlah kita Malaysia dengan Amerika Syarikat atau United Kingdom. Saya hendak memberi peringatan kepada beliau bahawa kami di Malaysia mempunyai sumber-sumber asli yang cukup. Sumber yang cukup untuk mengadakan taraf kesihatan yang tinggi termasuk makmal dan pusat makmal standard yang lebih tinggi daripada yang terdapat sekarang.

Yang penting sekali adalah laporan yang berterusan dari makmal di kawasan-kawasan yang berlainan di seluruh negara boleh menunjukkan kes penyakit berjangkit di sesuatu kawasan adalah berkaitan dengan kes yang di tempat yang berlainan.

Laporan secara individu daripada doktor mungkin tidak dapat menunjukkan kaitan ini. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua dalam jangkitan penyakit Salmonella. Satu dua kes yang dilaporkan secara individu oleh doktor kepada Pegawai Kesihatan atau pegawai yang diberi kuasa tempatan mungkin tidak menyedari bahawa jangkitan di kawasan di bawah kawalannya adalah sebahagian daripada satu jangkitan keracunan makanan di seluruh negara. Akan tetapi dengan maklumat makmal yang bersambungan dan daripada seluruh negara jangkitan keracunan makanan yang serius jelas dipastikan dan ini pula akan membawa kepada pengenalpastian makanan

manakah yang terlibat dan diedarkan di seluruh negara atau common factor.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita dapat laporan dari Sabah ataupun Sarawak mengenai kuman yang merebak kerana taraf kesihatan yang kurang dan baru-baru ini yang terlibatnya orang asli pula yang mengidap penyakit-penyakit berjangkit yang memerlukan tarat\* kesihatan yang lebih tinggi. Pendek kata, satu rangkaian maklumat yang meluas dan pusat pengumpulan yang cekap amatlah penting. Negara kita tidak mempunyai perkhidmatan makmal yang sebegitu maju seperti yang terdapat di negara-negara Barat dan saya percaya pusat pengumpulan maklumat di negara kita masih belum dapat menandingi negara-negara tersebut mahupun mempunyai pengumpulan maklumat yang begitu meluas dan terperinci. Kalaulah wang yang dibazirkan dalam skandal ataupun pada projek-projek mewah yang menelan berbilion-bilion ringgit dan pada setakat ini yang diketahui merugikan, yang memboroskan wang rakyat ini sebahagiannya dapat digunakan untuk maksud yang saya sebutkan tadi, maka kita sekarang dapat pusat pengumpulan maklumat yang lebih baik. Jadi, satu dasar dan pelaksanaan yang tidak sewajar oleh Kerajaan dilakukan pada beberapa tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya kawalan penyakit berjangkit bukannya sekadar membasmi kuman atau serangga atau binatang. Kualiti alam sekitar, kebersihan makanan, air serta kawalan kebersihan adalah juga faktor-faktor luaran yang penting. Kemungkinan merebaknya suatu penyakit berjangkit adalah lebih besar di kawasan-kawasan setingan dan apabila penguatkuasaan undang-undang kebersihan makanan dan minuman adalah tengang, begitu juga dengan kawalan kebersihan sistem pembetulan dan pembuangan najis, terutamanya di tandas-tandas awam di

sekitar Malaysia. Setakat ini ada langkah yang betul di mana ada klinik-klinik yang baru di luar bandar dan di beberapa kawasan lagi walaupun ke arah yang betul, ini belum mencukupi. Dengan adanya klinik-klinik dan langkah-langkah seumpama ini kita dapat meningkatkan kualiti alam sekitar dan kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu penguatkuasaan undang-undang kebersihan alam sekitar serta makanan dan minuman mestilah dilaksanakan dengan tegas, terutama sekali dalam kawalan jangkitan penyakit kolera, samonela, demam denggi, disentri, keracunan makanan dan sebagainya. Pengetatan undang-undang ini harus dilaksanakan pada masa yang sama.

Mengenai pengasingan pula, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa jangkitan kuman setengah-setengah penyakit berjangkit adalah paling tinggi atau kuat sekali pada masa sebelum tanda-tanda penyakit berkenaan menjelma. Ini adalah benar terutama sekali bagi demam campak dan hepatitis A. Dalam kedua-dua jenis jangkitan ini organisme atau kuman yang terlibat sedang mengjangkit keluar, dengan izin, 'passing from the patient' sebelum sempat ditentukan oleh doktor dan sebaik sahaja tanda-tanda penyakit itu menjelma keluar dan seterusnya dapat ditentukan oleh doktor, penyakit itu mungkin tidak lagi merebak kepada orang lain. Oleh itu, dalam kes-kes seperti ini mengasingkan pesakit untuk mencegah merebaknya penyakit tersebut melalui 'quarantine' tidak penting lagi.

Memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa memindah seseorang yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti penyakit berjangkit ke stesen kuarantin bagi rawatan dan menahan orang itu di stesen tersebut sehingga dibebaskan adalah tidak berguna dalam kes-kes seperti ini kerana kuman itu sudah

berjangkit. Sekarang, walaupun ada tanda-tanda tetapi jangkitan itu tidak begitu hebat lagi. Kerajaan seharusnya mengenalpastikan penyakit-penyakit yang perlu dikuarantin dengan yang tidak perlu dikuarantin untuk pengetahuan orang ramai supaya mereka faham tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan juga untuk mengesyorkan pegawai yang diberi kuasa memandangkan orang ini boleh juga terdiri daripada mana-mana orang yang tidak semestinya seorang yang berkecualan dalam bidang perubatan, tidak akan menegenakan syarat tahanan dalam kuarantin bagi pemerhatian dengan sewenang-wenangnya. Jadi, kuasa yang begitu besar hendaklah dikawal dengan ketat.

Di sinilah saya percaya satu kempen untuk imunisasi rubella adalah baik kalau ia dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan. Saya berharap juga kempen seperti ini boleh juga dilaksanakan untuk hepatitis, terutama A dan B; hepatitis B yang lebih bahaya daripada hepatitis A. Saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan kempen untuk hepatitis B untuk pelalian imunisasi seperti yang dijalankan oleh pihaknya untuk penyakit rubella.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali adalah apabila kes-kes penyakit berjangkit yang perlu pengasingan yang ketat timbul adakah hospital-hospital di seluruh negara kita mempunyai unit-unit pengasingan yang cekap dan berkesan. Pada idealnya setiap pesakit yang mengidap penyakit berjangkit harus diberi biliknya yang tersendiri di antara bilik-bilik pesakit, dengan izin, 'corridor' luar sepatutnya dipasangkan sebuah pintu kedap udara di 'kedua belah hujungnya, dengan izin, 'air-lock rooms'. Setiap bilik mestilah mempunyai sistem pengedar udara yang berasingan dan sistem ini mesti juga sentiasa diawasi untuk mengelakkan pencemaran udara atau, dengan izin "air-cross contamination".

Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak mempertahankan Kementerian kerana mungkin katanya ada banyak bilik pengasingan seperti tersebutnya, tetapi saya berharap bila dia sebulkan hal seperti ini dapat memberi contoh-contoh yang lebih konkrit. Nampaknya dia hendak meradang sekarang ini.

Bagi penyakit-penyakit berjangkit di mana tidak terdapat rawatan atau pelalian bagi kakitangan hospital, contohnya AIDS, pesakit ini seharusnya ditempatkan dalam satu unit pengasingan khas, dengan izin, 'sealed negative pressure latic isolator'. Unit ini membekalkan satu alam sekitar yang terkawal dari segi mikrobiologi dan langkah-langkah rawatan dan penjagaan boleh dilakukan dari luar unit ini. Memang pihak Kementerian itu setelah menghantar beberapa orang ke negara Australia untuk latihan dan sebagainya bagi menjaga penyakit AIDS kerana insiden penyakit AIDS di rantau ini yang paling tinggi ialah di Australia, tetapi bukan sebanyak kalau berbanding dengan pihak Amerika Syarikat, tidak scertimana yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun yang lepas, dia beranggapan yang paling banyak itu di Australia, bukan di Amerika Syarikat kerana maklumat dia itu ada salah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bertanya kepada Kerajaan, berapa Institusi Perubatan Malaysia mempunyai unit pengasingan atau sekurangnya unit pengasingan yang berpintu kedap udara. Apakah gunanya mengadakan undang-undang untuk mengenakan pengasingan tanpa kemudahan-kemudahan pengasingan yang cekap. Adakah Kerajaan akan melabur untuk membina unit-unit pengasingan yang sekurangnya berpintu kedap udara di setiap hospital di seluruh Malaysia. Jika tidak, bagaimanakah Kerajaan akan menguatkuasakan lang-

kah-langkah mencegah dan mengawal penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu pertanyaan lagi. Sekiranya Kerajaan kini sudah pun kurang cekap dalam penguatkuasaan undang-undang seperti kebersihan makanan dan minuman dan juga tidak berdaya untuk mengawasi tindak tanduk setengah-setengah pegawai-pegawainya supaya mereka tidak menyeleweng atau lalai dalam kerja, bagaimanakah Kementerian Kesihatan bercadang menyelia serta mengawasi kakitangan untuk mengesyorkan pegawai-pegawai diberi kuasa bertindak di sisi undang-undang dengan cekapnya. Akta ini memberi pegawai dengan bidang kekuasaan yang luas dan kebebasan untuk bertindak ke atas orang ramai tanpa keperluan untuk menunjukkan surat penguatkuasaan atau waran. Ini penting. Kita hendaklah memberi peluang kepada orang ramai yang hendak mengenal pasti orang-orang yang membuat penguatkuasaannya. Jadi, bagaimanakah mereka mengenal pasti. Pihak Kementerian hendaklah memberi jaminan bahawa pengenalanpastian pegawai-pegawai penguatkuasaan dapat diadakan oleh pihak orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ketidak cekapan setengah-setengah pegawai penguatkuasaan dalam menjalankan undang-undang, saya seringkali menerima sungutan dan rungutan daripada pihak orang ramai yang mengatakan kekurangan kecekapan ini, termasuklah dengan jentik-jentik nyamuk penyakit denggi. Seringkali saya menerima aduan mengenai pegawai-pegawai ataupun kakitangan bawahan yang tidak menjalankan tugas dengan betul. Saya berharaplah pihak Yang Berhormat dapat meneliti hal-hal seperti ini, terutamanya dengan menguatkuasakan Rang Undang-undang seperti ini pihak pegawai yang diberi kuasa akan menjalankan tugas dengan kuasa yang lebih. Apabila mendapat

kuasa yang lebih kami berharap mereka tidak akan menggunakan kuasa ini dengan membuat penyelewengan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar mengenakan syarat kerahsiaan maklumat adalah tidak mencukupi. Kerajaan mesti juga mengesyorkan penguatkuasaan undang-undang dijalankan dengan cekap dan tanpa mewujudkan apa-apa penyelewengan ataupun kelalaian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

5.34 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya cubalah menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan itu.

Pertama sekali ada ramai ahli yang sebut bahawa Rang Undang-undang ini dibawa kerana penyakit AIDS sahaja. Sukalah saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang yang dibawa ini adalah untuk meliputi semua penyakit-penyakit berjangkit dan ada jadual di belakang iaitu Jadual Pertama yang menyenaraikan 24 jenis penyakit berjangkit yang di bawah lindungan Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk menambah kepada senarai itu dan sebenarnya di kalangan senarai-senarai itu AIDS adalah satu daripada 24 jenis itu sahaja dan ada beberapa penyakit yang sering kali berlaku di Malaysia yang memerlukan tindakan yang lebih tegas dan berkesan daripada penyakit AIDS yang begitu sedikit sahaja pada masa ini.

Walau bagaimanapun, AIDS me-

ng menarik perhatian ramai kerana AIDS adalah satu penyakit yang tidak mempunyai apa jua rawatan dan orang ramai memang takut untuk menghadapi penyakit AIDS itu. Kementerian memang mengambil perhatian yang berat tentang semua jenis penyakit, khasnya penyakit-penyakit yang berjangkit dan kita harap peraturan-peraturan yang diwujudkan di bawah Rang Undang-undang ini akan jadi satu kuasa yang baik untuk kita, bukan sahaja mencegah dan menghukumkan mereka yang bersalah di sisi undang-undang, tetapi juga untuk menjadikan Rang Undang-undang itu sebagai satu punca untuk menyedarkan rakyat tentang bahaya penyakit-penyakit berjangkit dan cara-cara kita mencegah penyakit ini daripada merebak.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan beberapa isu mengenai Hepatitis B. Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mencadangkan agar setiap wanita yang belum kahwin juga diberi suntikan anti Hepatitis bagi melindungi bayi yang dikandung daripada jangkitan penyakit ini. Dalam pendapat Kementerian, ini bukanlah satu cara dan kaedah yang berkesan kerana walaupun pada dasarnya bayinya telah dilindungi dengan suntikan Hepatitis B, tetapi bayi itu masih terdedah kepada penyakit di sekelilingnya, terutama apabila bapanya atau lain-lain ahli keluarga membawa kuman penyakit itu. Jadi Kementerian lebih suka memberi keutamaan kepada bayi-bayi yang baru lahir untuk dtberi perlindungan. Beliau juga telah membangkitkan mengenai penyakit Hepatitis B ini. Perkara yang dibangkitkan oleh beliau dahulu iaitu semua rakyat mesti diberi 'screening' terhadap Hepatitis B dan ubat-ubat dari pembuatan Korea mesti dibeli untuk mendapatkan ubat-ubat itu secara murah.

Kita memang sedar tentang pentingnya 'screening' dijalankan, tetapi

'screening' sebagai satu usaha 'comprehensive' untuk semua rakyat tidaklah begitu praktikal memandangkan skop perkhidmatan yang begitu meluas yang perlu untuk menjalankan 'screening' itu dan implikasi kewangan yang banyak itu. Kita harus sedar bahawa majoriti daripada penduduk-penduduk kita masih menghadapi risiko kerana tidak ada pelalian diberi dan jika kita menjalankan 'screening' sahaja tanpa memberi pelalian itu saya rasa itu juga satu usaha yang sia-sia sahaja dan menimbulkan kemarahan dari orang ramai.

Kita mesti memastikan satu strategi yang praktikal dan dapat memberi perlindungan kepada rakyat kita dalam keupayaan kita dan dengan cara yang berkesan sekali. Kita di Kementerian telah menimbang beberapa alternatif dan pilihan dalam perkara ini mengenai Hepatitis B dan kita telah juga mengkaji kedudukan di negara-negara yang lain dan kita telah memutuskan bahawa pada peringkat awal program Anti-Hepatitis B ini, pelalian hanya diberikan kepada bayi-bayi yang baru lahir dan petugas-petugas kesihatan dan di hospital yang berisiko tinggi dan kemudiannya diikuti dengan kalangan penderma darah dan kanak-kanak yang terdedah dengan kes-kes Hepatitis B, mengikut keadaan budget dan sebagainya. Memang Kementerian berhasrat untuk memperluaskan suntikan Hepatitis B ini kepada golongan rakyat yang lain apabila masa dan keadaan mengizinkannya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah juga membangkitkan sekali lagi perkara harga Vaccine Hepatitis B dan mencadangkan bahawa kita harus membeli Vaccine Hepatitis B buatan dari Korea Selatan kerana beliau menyatakan harga vaccine itu hanyalah \$2.50 setiap dose dan bukan \$25 hingga \$35 seperti saya telah mengatakan di Dewan ini pada sesi yang lalu.

Sukalah saya dalam perkara ini menjelaskan, tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang lebih detail sedikit kerana ini telah mengelirukan beberapa ramai orang. Kita telah diberitahu tentang pembekalan Vaccine Hepatitis B daripada dua buah syarikat di Korea kepada satu ujian yang dijalankan sekarang ini di Indonesia dan juga di Thailand dan syarikat-syarikat yang membuat vaccine ini di Korea difahamkan telah mendermakan-saya mengesakan itu-telah mendermakan vaccine ini kepada mereka yang menjalankan ujian-ujian itu dengan harga M\$2.50 atau US\$1.00 dan kita telah mengkaji jika kita sendiri boleh menerima dan menggunakan vaccine buatan Korea ini dan harganya, dan dalam hubungan kita dengan dua syarikat itu kita diberitahu oleh syarikat kerana mereka juga terpaksa mendaftarkan vaccine-vaccine itu dengan pihak berkuasa di negara Malaysia, Syarikat Duopharma dan juga syarikat yang lain Phropharm. Syarikat Phropharm telah dengan jelas mengatakan kepada kita bahawa mereka tidak mampu membekalkan atau menjual vaccine ini di Malaysia dengan harga M\$2.50 untuk satu dose. Saya baca surat bertarikh 19 Mac, 1988 daripada Syarikat Phropharm yang menjadi agen kepada sebuah syarikat Korea itu. Dengan izin:

'We wish to clarify that the statement which reads: 'a vaccine from Korea costing \$2.50 a dose,' is far from the truth. We, as an importer and distributor of the Korean product, confirm that the average price is M\$35.00 a dose for adults and not \$2.50 a dose as reported. Besides \$2.50 a dose is a 5 MCG vaccine which is for new born babies in Lombok Island, Indonesia.'

Itu satu tempat di mana ujian sedang dijalankan dengan kerjasama daripada satu persatuan bernama 'Programme for Appropriate Technology in Health' dan mereka jelas mengatakan dan saya

baca, dengan izin:

"The cost of US\$1.00 or M\$2.50 a dose is therefore, more or less a donation price and it is certainly not the commercial price in Malaysia".

Ini surat daripada Syarikat Phropharm (Malaysia) Sdn. Berhad yang menjadi agen kepada sebuah syarikat yang membekalkan Vaccine Hepatitis B dari Korea dan juga syarikat yang lain, Duopharma yang menjadi agen kepada sebuah syarikat yang lain dalam bekalan ubat Korea itu telah juga mengesahkan kepada kita dalam surat mereka.

"The price structure will be as follows:-

\$40 per vial for quantities below 100 vials.

\$35 per vial for quantities between 100 and 500 vials.

\$30 per vial for quantities between 500 to 1,000 vials.

\$25 per vial for quantities above 1,000 vials.

This is our proposed price structure and for bigger quantities, the price will be definitely below \$20 per vial. This is only a servicing item and as you would realise our principals has supplied to Indonesia at US\$1.00 per dose for quantity of 5 million doses. This is an indication to you that our price structure is very competitive so that the public will be able to benefit from the affordable vaccine".

Ini surat daripada agen-agen itu sendiri dan saya rasa keadaan itu adalah satu yang jelas sekali. Kita harap bahawa dengan kemajuan sains dan teknologi dan beberapa penyelidikan yang sedang dijalankan dalam bidang Vaccine Hepatitis B bahawa harga pembekalannya akan turun sampai satu harga yang akan membolehkan kita menjalankan satu kempen pelalian yang komprehensif dan cukup luas. Sementa-

ra kita menunggu harga itu turun, kita terpaksa menerima harga-harga yang disebutkan. Kementerian akan ...

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat ...

**Dato' K. Pathmanaban:** Nantilah, saya jawab dulu. Kementerian akan mengeluarkan spesifikasi tidak lama lagi untuk syarikat-syarikat yang berkenaan membekalkan Vaccine Hepatitis B kepada Kementerian dan oleh kerana kita akan menjalankan satu pembelian yang agak luas juga, kerana jika kita anggap client kita sebagai lebih kurang 340,000 bayi-bayi yang dilahirkan setiap tahun dan beberapa ribu pekerja-pekerja hospital yang berkehendakkan pelalian ini, pembelian daripada Kementerian akan juga menjadi satu kuantiti yang besar dan kita harap mereka yang dapat membekalkan bukan sahaja dapat menentukan harga yang berpatutan dan kompetitif tetapi juga bahawa kualiti mereka adalah suatu yang boleh diterima dan dapat didaftarkan di Malaysia. Jadi, kita tidak sementara waktu menolak vaccine daripada Korea, mereka boleh juga memasukkan tender apabila kita mengiklankan tender untuk bekalan vaccine ini dan jika dua syarat yang saya sebutkan tadi iaitu harga dan kualitinya adalah satu yang kita boleh terima, memang kita akan beli apa yang murah kerana itu akan memberi faedah yang besar kepada kita untuk menjalankan program ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan Yang Berhormat tadi, saya hendak mengetahui harga dan spesifikasi yang digunakan untuk kempen pelalian Rubella. Bagaimana harga untuk kempen anti-Rubella yang dapat

diterima oleh pihak Kementerian sehingga dapat menjalankan kempen itu?

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya tidak faham apa Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangkitkan. Kita sekarang ini membelanjakan lebih kurang \$4 juta pada tahun ini untuk menjalankan kempen anti-Rubella itu dan pembelian vaksin itu adalah mengikut cara-cara pembelian Kementerian iaitu cara-cara tender dan sebagainya. Masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tidak timbul dalam pembelian vaccine Rubella itu. Ada apa lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan sekali teguran dia-kali ini bukan, tetapi minta makluman dan penjelasan mengenainya bagaimana dan setakat mana harga itu turun sehingga pihak Kementerian dapat menerima, contohnya dengan pelalian Rubella. Bagaimana Kementerian dapat menerima, apakah harganya yang dapat dibeli daripada pihak agennya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Masih lagi tidak faham. Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bi Haji Daud):** Tidak berjumpa punca, macam mana?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak jumpa punca, jadi maksud saya macam ini. Dia beri satu maklumat daripada agen, pengedar vaksin, untuk Hepatitis B. Jadi, dia kata sekarang harganya sangat mahal, tidak dapat dibeli oleh pihak Kementerian untuk menjalankan kempenya. Tetapi saya hendak tahu kalau kita banding dengan kempen untuk anti-Rubellaitu, bagaimana Kementerian dapat menjalankan kempen itu dengan harga yang dapat sekarang. Bagi satu paras harga yang dapat

diterima oleh pihak Kementeriannya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-pertua, saya rasa beliau masih lagi keliru. Vaksin anti-Rubella itu tidak dapat dibandingkan dengan vaksin Hepatitis B. Vaksin Hepatitis B adalah satu vaksin yang terpaksa diberi tiga kali untuk dapat perlindungan yang penuh, walhal Rubella adalah satu dos sahaja. Pembelian pada masa ini adalah mengikut tender dan bekalan kepada Kementerian adalah mengikut cara yang biasa. Harga satu dos pada masa ini adalah lebih kurang \$1.69. Kita menjalankan kempen Rubella itu untuk memberi perlindungan kepada semua wanita yang berusia di antara 12-45 tahun iaitu mereka yang berusia umur yang boleh melahirkan anak dan sebagainya. Dalam kempen Hepatitis B, itu saya tidak mengatakan bahawa kita tidak mahu menjalankan kempen itu.

Ahli Yang Berhormat saya rasa tidak baca suratkhbar atau tidak dengar langsung apa yang saya telah sebut. Apa yang saya sebutkan adalah oleh kerana harganya mahal, kita terpaksa menjalankan kempen ini secara berperingkat, dan fasa satu atau peringkat satu dalam kempen Hepatitis B ini akan ditumpukan kepada bayi-bayi yang baru dilahirkan termasuk juga pekerja-pekerja hospital dan kesihatan sebagai kumpulan yang kedua. Jika bekalan wang mencukupi, kita akan meliputi juga golongan-golongan lain yang saya sebutkan itu. Jadi masalah yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, saya memang bersetuju - saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seremban, dan Marang dan daripada Padang Terap dan sebagainya bahawa cara yang berkesan sekali untuk kita mencegah merebaknya penyakit AIDS itu adalah cara kita menegaskan

pendidikan kepada rakyat kita di semua peringkat umur dan meningkatkan kesedaran mereka tentang cara-cara penyakit AIDS ini boleh dihidapi dan cara-cara transmisinya serta cara-cara yang dapat kita mencegah atau mengelak daripada dijangkiti dengan kuman AIDS ini. Jadi kita memang tumpukan masa, tenaga dan usaha yang banyak kepada perkara ini, tetapi tidaklah realistik untuk kita mewujudkan satu 'screening' untuk memeriksa semua orang yang pergi ke Golok atau Haadyai dan balik.

Saya tidak pernah pergi ke dua-dua lempat itu dan tiada nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih fasih tentang perjalanan itu. Tetapi adalah tidak praktikal untuk kita mengadakan satu screening bagi semua mereka yang melawat kedua-dua tempat itu. Ini tidak praktikal dari beberapa aspek dan kita hanya dapat menyedarkan mereka yang pergi bukan sahaja ke Haadyai atau Golok, tetapi juga ke Paris, New York, Los Angeles, Manila, Sydney, Melbourne dan sebagainya, cara-cara jangkitan AIDS ini berlaku supaya mereka dapat mengelak diri daripada dijangkiti dengan kuman AIDS. Kalau pergi ke negara-negara di mana kuman AIDS itu berleluasa, jangkitan itu luas, kita perlulah lebih awas, lebih berjaga-jaga. Pendidikan melalui risalah-risalah, buku-buku melalui syarahan-syarahan, radio dan tv, media massa yang lain adalah penting dan kita sedang menjalankannya.

Selain daripada mencetakkan 50,000 buku kecil itu yang saya sebutkan semalam mengenai AIDS yang diedarkan kepada rakyat kita dan pelawat-pelawat ke negara kita, kita telah juga menempah untuk dicetak 100,000 buku lagi tentang soaljawab itu dan kita harap mendapatkan buku-buku ini tidak lama lagi.

Selain daripada itu, pihak Kementerian telah juga mencetak 5 jenis risalah

dan 5 jenis lagi poster mengenai penyakit AIDS untuk diedarkan kepada semua golongan rakyat termasuk sekolah-sekolah, badan-badan Kerajaan dan swasta. Maklumat mengenai AIDS juga telah dan sedang disebarikan dengan luasnya melalui penerbitan-penerbitan Kerajaan, firma-firma swasta dan media-media massa yang saya sebutkan itu.

Saya harap bahawa dengan kesedaran yang ditingkatkan itu rakyat kita, pemuda-pemudi kita khasnya tidak akan cuba mengikuti life style atau cara hidup atau tabiat hidup negara-negara Barat dalam perkara-perkara berkaitan dengan hubungan seks khasnya. Tetapi apa yang kita harus ingat di Malaysia ini ialah bahawa punca-punca jangkitan AIDS ini bukan sahaja melalui hubungan seks seperti yang terdapat di dalam gambar-gambar 'Dallas' dan sebagainya, seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Kita juga harus jaga, berwaspada mengenai satu punca yang luas di negara kita sendiri iaitu melalui suntikan hypodermic syringe yang dijalankan oleh penagih-penagih dadah. Telah pun dikesan di negara Thailand baru-baru ini bahawa ramai di kalangan mereka yang menjadi penagih dadah yang menggunakan suntikan, adalah dijangkiti penyakit AIDS ini. Kita di Malaysia juga harus berjaga-jaga mengenai cara transmisi AIDS itu dan tidak usahlah kita meringankan punca itu. Jadi semasa kita menjalankan kempen anti dadah itu, kita harus juga kempen bahawa penagih-penagih dadah itu ada juga menjadi mangsa kepada penyakit AIDS.

**Dr Chen Man Hin:** Saya bercakap atas perkara ini ialah bukan kerana saya tidak faham, tidak tahu suntikan ialah satu sumber tetapi masalah sekarang ialah ditumpukan kepada seks oleh sebab seks ialah satu major factor, 90%

yang ada AIDS di Amerika Syarikat dari hubungan seks, bukan suntikan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Mungkin di Amerika Syarikat begitu tetapi saya cerita keadaan di Malaysia. Jadi, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban untuk kita membekalkan kondom-kondom secara berleluasa kepada rakyat Malaysia sebagai satu cara mencegah penyakit AIDS ini tidaklah begitu tepat, tidak wajar kita mengikuti langkah-langkah di Amerika Syarikat kerana cara hidup kita sendiri, norma hidup kita sendiri dan ciri-ciri penghidupan kita memang tidak dapat menerima satu-satu, tetapi lebih-lebih lagi apa yang saya ingin mengatakan di sini adalah bahawa membekalkan kondom-kondom itu kepada sesiapa pun, saya tidak dapat kesan mereka yang pergi ke hotel-hotel dibekalkan kondom dengan minuman ais krim dan sebagainya, saya rasa tidak begitu sedap untuk didengar dan lebih susah untuk dilaksanakan. Tetapi lebih baik kita menasihatkan kepada rakyat kita. Jika hendak pergi keluar dari rumah masa hujan mesti kita kena basah, jadi kita boleh bawa payung untuk melindungi kita. Tetapi lebih baik daripada membawa payung melindungi kita di dalam hujan, lebih baik kita tidak keluar dari rumah semasa hujan, duduk di rumah lebih selamat, lebih senang dan lebih murah. Tidak kelirukan apa-apa.

**Dr Chen Man Hin:** Pihak Timbalan Menteri Kesihatan tidak realistik, tidak praktikal. Adakah tahu sungguhpun lebih baik duduk dalam rumah oleh sebab hujan tetapi kalau kita mesti keluar oleh sebab apa-apa keperluan, necessity, kita kena jadi realistik. Dia mesti pergi ke tempat itu, tidak boleh elak. Itu jadi satu masalah yang besar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Begitu mendesak mesti beli kondom sendiri. (*Ketawa*) Jika begitu mendesak keadaannya saya rasa mereka mesti

sedar tentang bahayanya juga. Seperti di Amerika Syarikat, ada beberapa negeri di Amerika Syarikat di mana kondom-kondom itu tidak pernah dijual secara luas dahulu. Undang-undang negeri-negeri di bahagian Amerika Syarikat itu melarang penjualan kondom-kondom.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah nasihat seorang doktor kalau dalam perkara-perkara tertentu mesti buat macam itu, mesti pergi ke tempat yang tidak baik untuk menyelesaikan masalah. Adakah nasihat seorang doktor daripada DAP?

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, nasihat ini bukan daripada saya tetapi daripada Surgeon General, United States of America. Seseorang punya partner bukan sahaja satu pelacur tetapi orang biasa pun boleh jadi partner. Barangkali part-time profesional atau part-time pelacur mana tahu siapa. Itu susah mahu cakap, Tuan Yang dipertua. Tetapi itu nasihat dahpada Surgeon General apabila ada hubungan dengan satu partner bukan itu concern lain orang, baiklah pakai kondom. Kalau kondom ada sesuai di sana, ada ready, senang, tidak ada kondom menjadi satu mangsa.

**Dato' K. Pathmanaban:** Itulah saya nasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang baca banyak majalah mengenai Amerika Syarikat dan sebagainya, fikirkan keadaan dalam negara kita, adakah cara-cara yang kita hendak cadangkan, hendak laksanakan, syorkan kepada rakyat kita satu yang memadai, satu yang secukup

dengan keadaan norma-norma hidup, sifat tabiat dan sebagainya di Malaysia.

Di Amerika Syarikat jika saya hendak terus dengan contoh saya tadi mengenai hujan dan payung, saya berani kata keadaan di Amerika Syarikat mengenai AIDS sentiasa hujan. Jadi, rakyat Amerika Syarikat lebih selamat jika menggunakan kondom dalam hubungan seks mereka. Keadaannya sentiasa hujan, sudah banyak hujan lebat, banyak kes di Amerika Syarikat lebih daripada 80,000 kes AIDS yang dikesan di Amerika Syarikat, pembawa-pembawa kuman AIDS berapa ribu lagi saya pun tidak tahu.

Dalam keadaan Amerika Syarikat, Surgeon General Amerika Syarikat itu, saya pun kenali beliau, memang tepat dalam nasihatnya membawa payung keluar dari rumah - memang tepat. Tetapi di negara Malaysia keadaan kita begitu mendesak, begitu mencabarkan, kita hendak menasihati kepada rakyat kita untuk membawa kondom dalam kocek mereka bila keluar dari rumah, saya rasa tidak dapat diterima dalam negara Malaysia. Tetapi kita haruslah berwaspada, saya tidak mengatakan bahawa kita tidak perlu berhati-hati tetapi kita tidak usahlah gopoh-gopoh dalam perkara ini.

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat, dia tidak puas hati.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tidak usahlah kita gopoh-gopoh sampai kita hilang pegangan norma hidup kita, cara hidup kita dan sebagainya seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi. Penting kita melaksanakan adalah seperti yang boleh diterima.

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangtm*)

**Timbalan Yang di-Perlu (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan Yang Berhormat. Boleh?

**Dato' K. Pathmanaban:** Boleh!

**Dr Chen Man Hin:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap dia tidak terima dan keadaan di sini tidak sama dengan Amerika Syarikat. Bolehkah dia nafi kita menggalakkan (encourage) tourists dari Amerika Syarikat datang ke sini, ini satu realiti. Kalau ada pelancong dari negara Barat bukankah satu masalah di mana di masa akan datang penyakit AIDS akan bertambah?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Petua, saya memang setuju tidak ada asas untuk cadangan-cadangan seperti itu. Bukan sewenang-wenang dibuat saya dapat mengaku tetapi apa yang saya mengatakan adalah adakah kita sebagai sebuah negara mempunyai fikiran kita praktikal untuk menjatankan sesuatu. Jika kita sentiasa menekankan kepada orang asing membawa kuman AIDS kepada kita di tanahair kita sendiri, kita akan lupa bahawa rakyat kita sendiri boleh melawat ke negara-negara yang lain dan membawa balik kuman itu.

Dalam kes-kes yang kita telah kesan sejauh ini, tiga yang meninggal itu, dua daripadanya adalah rakyat Malaysia yang duduk di Malaysia dan jarang keluar dari semasa ke semasa. Seorang daripada tiga itu adalah orang yang bermastautin, duduk kekal di Amerika Syarikat. Yang dua yang lain pergi ke Eropah atau Amerika untuk belajar melawat dan sebagainya balik ke sini. Semasa kita berjaga-jaga kepada orang asing yang datang, orang kulit putih dan sebagainya tidak usahlah kita lupa kepada rakyat kita sendiri yang boleh membawa jangkitan ini melalui hubungan mereka di luar negeri dalam lawatan mereka dan sebagainya.

Jadi kita mesti mempunyai satu pandangan yang seimbang dalam perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjelasan?

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat wakil dari Seremban ada meminta pihak Kementerian menggalakkan pengunjung-pengunjung hotel serta orang ramai memakai kondom. Adakah ini menunjukkan bahawa Ketua DAP itu menggalakkan pelacuran ataupun ini style DAP menggalakkan perzinaan?

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya tidak bercakap begitu. Saya tidak kata saya menggalakkan pelacuran. Kalau dia ada di sini tadi dia boleh dengar ucapan saya, tidak. Tetapi untuk mengelakkan ...

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang, biar dia terangkan dahulu.

**Dr Chen Man Hin:** Ini sangkaan jahat. Tetapi untuk mengelakkan rakyat kita di Malaysia tidak dapat AIDS apabila di tempat-tempat yang bahaya kita hendaklah diadakan satu program untuk mencegah diri beri kondom-kondom mana yang sesuai untuk protect, melindungi rakyat kita.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, di Amerika Syarikat, di kebanyakan negara, undang-undang dahulu mence-

gah terhadap penjualan kondom-kondom secara terbuka, terpaksa membeli kondom daripada ahli farmasi yang bertauliah dan sebagainya. Dan pada masa ini mereka telah pusing 360° untuk memberi atau mengadakan kondom di jamban, di hotel, di kedai-kedai buku dan sebagainya untuk mereka petik sahaja dan pergi jalan-jalan. Jika isteri-isteri kita nampak kita jalan dengan kondom dalam kocek, banyak soal kita akan menghadapi, saya rasa (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila beri penjelasan, fasal kondom ini lama sungguh.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan tambahan. Sudah lama sangat Yang Berhormat itu bercakap fasal kondom dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadangkadang memang tanggungjawab kita hendak menjaga kesihatan rakyat, tetapi orang-orang yang mendapat penyakit AIDS ini kebanyakannya yang pergi kepada pusat pelacuran. Jadi, kalau mereka hendak cari sedap, tanggulah, kita susah apa sangat. Sebab itu pandangan saya kalau hendak hapuskan AIDS ini saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri secara tegas, iaitu penghapusan seluruh pusat-pusat pelacuran di negara kita ini dan penggalakan kondom yang disebut tadi saya kira ianya cukup tidak bermoral sama sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sebut juga kondom, sudah banyak sangat ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, pelacuran memang telahpun diharamkan di dalam negara. Tidak ada prostitution yang legal di negara kita tetapi dari masa biblical yang disebut tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari

Padang Terap memang terdapat bukan sahaja pelacuran tetapi 'Sodom dan Gemorah' pada masa dahulu juga. Tetapi kita haruslah jadi praktikal dalam perkara ini dengan mewujudkan dan mengamalkan cara-cara yang praktikal. Di negara Malaysia tidak ada halangan untuk penjualan kondom-kondom di kedai-kedai kita, di kebanyakan kedai-kedai buku, kedai tepi jalan, kedai farmasi dan sebagainya boleh kita membeli. Bukan macam di Amerika Syarikat dan Eropah dahulu di mana penjualan kondom itu diharamkan. Di sini senang boleh dapat. Jadi, jika ada mereka yang lebih berani, jika ada mereka yang dalam keadaan yang begitu mendesak yang mesti menjalankan hubungan seks dengan orang yang mereka tidak ketahui atau orang yang dalam golongan risiko tinggi terhadap AIDS, saya rasa nasihat Surgeon Jeneral di Amerika Syarikat itu memang tepat. Bawalah kondom jika tidak dapat elak daripada hubungan seks dengan orang yang tidak diketahui atau tidak familiar kepada kita. Nasihat yang lebih baik dalam hubungan seks adalah mengelakkan daripada hubungan seks dengan orang yang kita tidak kenali. Tidak usah kita jadi adventurous dalam perkara hubungan seks ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mencadangkan juga mewujudkan satu AIDS Centre, satu pusat untuk pengawalan AIDS di negara Malaysia untuk mencegah, memberi maklumat dan sebagainya. Saya rasa kita memang sudahpun mempunyai sebuah AIDS Centre ini iaitu di Kementerian ada satu Pasukan Petugas mengenai AIDS dan segala aktiviti mengenai AIDS itu seperti mencegah AIDS dan mengeluarkan risalah dan sebagainya adalah diselaraskan dan diarahkan oleh Pasukan Petugas di Kementerian Kesihatan dan untuk menjawab satu lagi cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang harus dijalankan oleh AIDS Centre ini iaitu screening untuk semua rakyat.

Saya rasa screening ini dijalankan pada masa ini secara praktikal. Pada tahun 1987 seumpamanya, kita telah menjalankan screening untuk HIV antibodies kepada 159,102 sample darah daripada mereka yang menderma darah sahaja. Dan dalam tahun 1987 juga kita telah samplekan dan menguji 4,286 sample darah daripada mereka yang dalam golongan risiko tinggi (highrisk group) seperti penagih dadah, pelacur dan sebagainya. Dan proses pengujian darah itu sedang dijalankan. Ini saya rasa satu sample ujian darah yang besar juga.

Apabila saya sebut kita sedang menjalankan ujian darah di atas begitu banyak sample, orang-orang di WHO di negara-negara Eropah pun terkejut kita menjalankan satu sample ujian itu yang begitu besar dan luas. Tidak ada banyak negara di muka dunia ini yang menjalankan ujian darah secara luas seperti itu. Jadi, kita sedang mengawasi keadaan secara bijak, secara praktikal dan saya harap kita dapat teruskan pengawasan itu dan kita akan ambil apa jua tindakan yang perlu untuk melindungi rakyat kita.

**Dr. Chen Man Hin:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu centre ini atau khas ini, boleh terima walk-in request, dengan izin, untuk ada satu screening daripada rakyat voluntary request bukan secara paksa?

**Dato' K. Pathmanaban:** Kita mempunyai pusat screening darah itu bukan di satu tempat. Kita mempunyai jika saya tidak silap lebih daripada 16 pusat untuk screening darah, tambahan lagi di Universiti Hospital, di Petaling Jaya, tambah juga di Universiti Sains dan sebagainya, di hospital swasta pun saya rasa ada, di Hospital Asunta dan sebagainya pusat-pusat untuk screening darah.

Di hospital-hospital kita, saya rasa

tidak ada halangan untuk siapa pun walk-in untuk menguji darah mereka. Lebih baik jika mereka cuba menderma darah. Memang percuma tidak ada kena charge untuk perkara ini. Jika mereka dapat menderma darah lebih senang lagi. Jika menderma darah, sudah automatik ujian kepada darah mereka. Jadi, ada cara-cara di negara Malaysia di mana tidak ada halangan kepada siapa juga yang hendak mengujikan darah mereka di mana tempat kita mempunyai kemudahan untuk menguji darah seperti itu. Saya memakan masa yang lebih panjang sedikit di atas perkara ini, kerana sudah banyak kali cadangan-cadangan ini ditimbulkan di Dewan ini dan masa soal jawab tidak begitu cukup masa untuk menjelaskan perkara ini sedalam-dalamnya. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang sentiasa membangkitkan perkara ini dapat memahami.

Jika ada cadangan-cadangan yang lain, Kementerian memang sanggup dan sedia untuk menerima cadangan itu melalui surat, panggilan telefon ataupun perbincangan secara langsung dan sebagainya dan kita sanggup untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan-cadangan itu kerana tujuan kita adalah satu yang mustahak untuk mencegah merebaknya penyakit-penyakit berjangkit seperti penyakit AIDS dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan perkara-perkara mengenai penyakit-penyakit yang direbakkan melalui makanan dan mencadangkan bahawa Kementerian harus lebih tegas di atas gerai makan ataupun kepada semua orang yang mengendalikan makanan di hotel-hotel, di kaki, lima ataupun gerai-gerai dan sebagainya kerana kebanyakan daripada penyakit-penyakit termasuk penyakit-penyakit yang dijadualkan dalam jadual pertama kepada Rang Undang-

undang ini adalah dibawa melalui makanan, melalui bukan sahaja orang yang mengendalikan makanan itu tetapi juga melalui air yang digunakan, melalui bekas-bekas yang digunakan dan keadaan suasana tempat gerai dan sebagainya yang tidak bersih dan sesuai atau melalui serangga-serangga di tempat-tempat makanan itu dan sebagainya.

Jadi, bukan sahaja membasuh tangan menjadi nasihat yang baik tetapi juga kebersihan tempat-tempat makanan itu adalah mustahak sekali untuk kita dapat makan dengan cara yang sihat dan tidak ada food poisoning, diarrhoea, dysentery dan lain-lain yang didapati atau yang dibawa melalui makanan. Jadi, Kementerian memang baru-baru ini juga kita telah menggalakkan dan membantu dalam satu kempen di peringkat negara di mana badan-badan Kerajaan Tempatan telah menjalankan satu kempen yang luas untuk menyedarkan kedai makan termasuk gerai-gerai tentang kebersihan dan sebagainya.

Di Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur baru-baru ini iaitu semalam dimulakan satu lagi kempen untuk meningkatkan kesedaran mereka yang mengendalikan makanan, menjual makanan dan sebagai dan di peringkat Kementerian juga kita sedang pada masa ini merancang untuk mewujudkan satu lagi peraturan di bawah Akta Makanan untuk menjaga tempat-tempat makanan itu yang dinamakan "Food Premises Regulations" yang akan menentukan kebersihan tempat premis-premis di mana makanan dijual dan menentukan bahawa bekalan air yang berterusan, dengan izin, good running water, sentiasa diperolehi di tempat-tempat makanan untuk membasuh pinggan mangkuk, garpu dan sebagainya. Dan juga tempat itu mestilah bersih, sampah dibuang secara selamat dan orang-orang yang mengendalikan makanan itu adalah diperiksa

dari segi kesihatan untuk mengelakkan mereka yang menjadi carrier kepada berbagai penyakit yang dijadualkan itu tidak mengendalikannya makanan atau mereka diberi rawatan untuk menjadikannya mereka sihat dan terus bekerja dalam gerai-gerai makanan.

Jadi, itu adalah satu usaha yang akan mendapat tumpuan dan perhatian yang berat dalam masa-masa yang akan datang di Kementerian Kesihatan dan juga pihak Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya dan badan-badan Penguasa Tempatan, Local Authorities, Town Boards, Municipal Councils dan sebagainya. Dan rakyat juga saya rasa harus disedarkan bahawa makanan itu mestilah bersih. Jadi, jika mereka meminta jaminan kebersihan itu daripada kedai-kedai, gerai-gerai dan sebagainya, saya rasa mereka yang membekalkan makanan itu akan mengamalkan cara-cara yang bersih. Tambahan pula di tempat-tempat, gerai-gerai saya rasa ada baiknya jika badan-badan Kerajaan Tempatan dapat membekalkan air bersih, tempat membuang sampah dan sebagainya yang membawa kepada keadaan kebersihan yang lebih terjamin.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah juga mencadangkan bahawa semua pasangan yang ingin berkahwin perlu menjalani peperiksaan medical. Ini suatu cadangan yang baik, saya tinggalkan sebagai suatu nasihat voluntary kepada bakal-bakal pengantin. Ada ramai yang sudah berbuat demikian, tetapi untuk memaksa, saya rasa bukanlah praktikal pada masa ini.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya ucapkan terima kasih di atas beberapa perkara yang ditegaskan oleh beliau. Saya memang bersetuju di atas cadangan beliau terhadap arus fikiran kita dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan beberapa fasal

dalam Rang Undang-undang ini yang membimbangkan beliau dan saya dapat memberikan jaminan bahawa Kementerian akan berjaga-jaga, berwaspada dalam pengamalan Rang Undang-undang ini iaitu masa, kuasa dan sebagainya yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini akan diinterpretasikan secara baik dan selamat dan Kementerian akan sentiasa berwaspada kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah membangkitkan satu perkara, saya tidak tahu mana satu fasal yang berkaitan, mengenai ubat generic. Memang Kementerian tidak melarangkan ubat-ubat generic, hanya berjaga-jaga sedikit sebelum mendaftarkan ubat generic tetapi perkara ini adalah suatu perkara yang lain.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tidak ada banyak yang saya hendak katakan kepada beliau, melainkan terima kasih untuk suatu syarahan di atas perkara kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)  
*Fasal 1 Hingga 33*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 2 (I) mukasurat 5, seksyen 3 di mana disebutkan:

"pegawai diberikuasa" ertinya mana-mana Pegawai Kesihatan, mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai yang ditantik oleh Menteri di bawah seksyen 3;

Tidak disebutkan di sini tentang kelayakan pegawai yang dilantik ataupun Jadual yang diberikan bersama-sama dengan Rang Undang-undang ini. Jadi, pada pendapat saya mestilah kita menyebutkan di sini pegawai yang dilantik itu adalah fasih ataupun tahu dan mahir di dalam bidang perubatan, memandangkan kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit amat penting, terutamanya di dalam perkara mengenalpasti berapa seriusnya penyakit itu. Seharusnya pegawai dilantik itu terlatih dan mempunyai kelayakan dalam bidang perubatan atau pengawalan wabak penyakit.

Tuan Pengerusi, kita juga mesti mengesyorkan tidak berlakunya kecurangan atau penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Fasal 9(1), Bahagian III, mukasurat 10, perkataan yang dipersoalkan di sini ialah "disedari":

"9(1), Tiada seorang pun boleh dengan disedarinya membawa masuk ke dalam Malaysia atau membawa keluar dari Malaysia -

- (a) apa-apa mayat, tisu manusia atau apa-apa bahagiannya; atau
- (b) apa-apa organisma atau bahan patogenik atau apa-apa bahagiannya,

kecuali mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Jadi, perkataan yang dipersoalkan adalah "disedari". Apakah peruntukan ataupun peraturan-peraturan yang

perlu dipatuhi oleh seseorang yang ingin membawa masuk barangan tersebut ke dalam Malaysia. Jadi, peraturan-peraturan ini hendaklah dijelaskan dan dilampirkan bersama-sama dengan Rang Undang-undang ini.

Bahagian III, Fasal 7(1) dan Fasal 8, tidak disebutkan sama ada pemeriksaan akan dibuat di hadapan pemunya atau tidak. Sebaik-baiknya haruslah dilakukan di hadapan pemunya. Ini mengenai seseorang pegawai diberi kuasa boleh memasuki dan membuat pemeriksaan -perubatan ke atas mana-mana kenderaan pada bila-bila masa setibanya kenderaan itu di Malaysia. Jadi, tuan punya hendaklah ada di situ ataupun cara-cara yang lebih adil dilakukan. Walaupun saya setuju dengan undang-undang yang dibentangkan di sini, saya berharap dipastikan bahawa kita berlaku adil dan diperlihatkan berlaku adil untuk menjaga reputasi negara ini.

Di muka 11, Fasal 9 (3) berbunyi:  
9. (3) Apabila mana-mana orang dipertuduh di bawah seksyen ini, dia hendaklah dianggap telah dengan disedarinya membawa masuk atau membawa keluar mayat, tisu manusia, atau apa-apa bahagiannya atau organisma atau bahan patogenik itu atau apa-apa bahagiannya sehingga dibuktikan sebaliknya.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Masa sudah cukup. Mesyuarat berbalik kepada Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR

6.30 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang);** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pertamanya merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 28hb Jun yang baru lalu tatkala Dewan membahas usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1988 iaitu beliau menyatakan bahawa Kerajaan telahpun mengambil pandangan yang berat mengenai masalah banjir yang dihadapi di kawasan-kawasan Ibu Kota Kuala Lumpur dan satu racangan jangka panjang telahpun disediakan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair di mana anggaran kos projek iaitu lebih kurang \$385.5 juta telahpun dianggarkan.

Satu Master Plan mengatasi banjir di kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan telahpun dimulakan sejak tahun 1978 lagi dan perbelanjaan sebanyak \$141.9 juta telahpun dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1986, 1987 dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi anggaran tersebut ialah untuk rancangan jangka panjang Rancangan Malaysia Kelima dan ianya

pula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan memakan masa yang lama. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa peruntukan di bawah Belanjawan Tahun 1988 bagi memperbaiki sistem perparitan dalam Wilayah Persekutuan telah dikurangkan dari \$17.47 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada \$6.5 juta sahaja. Dari faktor yang diberikan di atas, adalah jelas bahawa Kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan bagi mengatasi masalah banjir dalam Kuala Lumpur dan kesan dari pengurangan ini bermakna segala kerja-kerja mengatasi banjir juga akan berkurangan ataupun dilakukan secara sedikit demi sedikit ataupun secara perlahan-lahan.

Saya telah membangkitkan perkara ini banyak kali pada masa-masa lalu tentang betapa masalah banjir kilat yang serius dalam Wilayah Persekutuan kerana ini merupakan satu masalah yang sentiasa dialami oleh para penduduk. Kita boleh memperhatikan hal ini sejak beberapa tahun yang lalu sehingga ke hari ini yang mana Kuala Lumpur amat mudah dilanda oleh banjir kilat yang berpunca dari sistem perparitan di Kuala Lumpur yang tidak teratur dan tidak sempurna.

Banyak kawasan dalam Wilayah Persekutuan masih menghadapi ancaman banjir kilat terutamanya di kawasan rendah di sekitar Ibu Negara. Kalau kita perhatikan punca banjir kilat adalah tertumpu pada dua sasaran iaitu kawasan-kawasan rendah di sepanjang sungai-sungai dalam Kuala Lumpur serta juga kawasan-kawasan rendah di mana sistem perparitan di kawasan itu tidak teratur. Kawasan yang paling teruk mengalami banjir kilat ialah di kawasan-kawasan rendah di sepanjang Sungai Kerayong yang meliputi kawasan Kampung Sungai Kerayong, Batu 31/2 Jalan Cheras, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Sungai Besi, Lebuhraya Persekutuan berdekatan TUDM, kawasan

rendah di sepanjang Jalan Kelang dan lain-lain. Di samping itu kawasan-kawasan lain seperti Taman Setapak, Taman Kok Lian, Kampung Pasir, Kem Wardieburn, Kampung Kasipilai, Jalan Ipoh, Jalan Segambut, Kampung Abdullah Hukum juga terdedah kepada ancaman banjir.

Oleh yang demikian kalau rakyat hendak menunggu rancangan Kerajaan yang ada sekarang bagi pencegahan banjir dalam Kuala Lumpur, maka ianya akan mengambil masa yang begitu lama dan setiap kali hujan turun, kita dapat menyaksikan sahaja kawasan-kawasan rendah dilanda banjir sementara menunggu rancangan Kerajaan jangka panjang yang entah bila akan dilaksanakan.

Apa yang amat menyedihkan rakyat terutama setinggan-setinggan yang terlibat dalam banjir terpaksa menderita, harta benda mereka musnah dalam banjir dan terpaksa pula berpindah ke tempat yang lain, manakala jalan-jalan yang terlibat akan ditutup dan lalulintas akan tergendala. Meskipun tidak ada perangkaan amount kerugian dialami oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur kerana tidak ada kajian mengenainya, tetapi saya yakin amountnya bukanlah kecil. Apa yang berlaku setiap kali sesuatu kawasan dilanda banjir, orang ramai akan dipindahkan ke kawasan yang selamat. Anggota-anggota Persatuan Bulan Sabit Merah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain jabatan akan bertindak dan bayangkanlah berapa banyak wang yang dihabiskan kerana menyelamatkan mangsa-mangsa banjir dan sebagainya.

Dengan ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Perbendaharaan atau Treasury mengadakan satu peruntukan khas berjumlah \$50 juta dan projek ini boleh dinamakan Projek Kilat atau Crash Programme, dengan izin, dan wang tersebut bila dapat diluluskan,

ditumpukan untuk mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Kita tidak perlu menunggu sampai bertahun-tahun untuk menyelesaikan perkara ini, kerana sebagai Ibu Negara, kita haruslah memberi keutamaan kepada pelaksanaan seperti projek kilat untuk mengatasi masalah banjir ini.

Sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara yang bersih, maka rancangan ini amat perlu dilaksanakan segera dan ke arah inilah maka saya meminta supaya Kerajaan mengadakan peruntukan khas yang berjumlah \$50 juta bagi Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan dan juga untuk pihak Dewan Bandaraya agar kedua-dua badan ini dapat melaksanakan satu projek kilat yang dicadangkan oleh saya ini. Sekian, terima kasih.

6.38 *ptg*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan mengatasi banjir di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dimulakan oleh Kerajaan sejak dari tahun 1978 lagi. Rancangan itu terdiri daripada dua program iaitu, satu, Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan yang kedua ialah, Rancangan Perparitan Kawasan Wilayah Persekutuan.

Bagi Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, anggaran kos projek ialah sebanyak \$385.5 juta dan rancangan ini termasuk pembinaan empangan-empangan dan mengadakan penyaluran air bagi sungai-sungai besar di Kuala Lumpur iaitu Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak. Bagi Rancangan Perparitan Kawasan Wilayah Persekutuan, anggaran kos projek ialah sebanyak \$104.06 juta dan rancangan ini melibatkan pembinaan sistem perparitan yang utama iaitu, dengan izin, trunk drainage system untuk mencegah kejadian banjir.

Kedudukan perbelanjaan bagi kedua-dua rancangan yang tersebut di atas ialah seperti berikut:

- (1) perbelanjaan hingga 31.12.85 untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur ialah \$111 juta;
- (2) untuk Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan ialah \$6.64 juta.

Perbelanjaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi tahun 1986/1987 untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur ialah \$22.186 juta dan untuk Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan ialah \$2.059 juta.

Anggaran perbelanjaan 1988/1990 untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur ialah \$14.384 juta. Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan ialah \$4.441 juta. Jadi, baki anggaran perbelanjaan selepas Rancangan Malaysia Kelima untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur ialah \$237.93 juta dan untuk Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan ialah \$90.920 juta.

Jadi, kalau kita ambil kedua-duanya sekali kita dapati bahawa jumlah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur ialah sebanyak \$385.5 juta dan jumlah Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan ialah \$104.06 juta.

Daripada angka-angka yang dinyatakan itu dapat dilihat bahawa sejak rancangan tersebut dimulakan, jumlah sebanyak \$141.885 juta telah dibelanjakan. Dengan siapnya kerja menaikkan paras Empangan Genting Kelang setinggi tiga meter dalam pertengahan 1980 telah banyak dapat membantu mengurangkan berlaku kes-kes banjir di samping menambahkan bekalan air kepada penduduk Wilayah Persekutuan.

Begitu juga dengan siapnya pembina-

an Empangan Batu telah dapat mengawal kejadian banjir besar-besaran di kawasan Wilayah Persekutuan dan dapat menambahkan 26 juta gelen bekalan air sehari untuk kegunaan penduduk sekitar Sungai Batu. Kerja-kerja penyaluran sungai melibatkan kerja-kerja untuk mendalami, melebar dan meturunkan Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak sepanjang kesemuanya 47 kilometer.

Sehingga kini kerja-kerja telah pun disiapkan bagi ketiga-tiga sungai itu sepanjang 5.48 kilomter. Kerja-kerja seterusnya akan diteruskan di dalam tahun 1988 dan seterusnya sehingga rancangan ini selesai kelak.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Parit dan Taliair sekarang ini sedang juga melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi berlakunya banjir kilat di kawasan Kuala Lumpur misalnya seperti berikut:-

- (1) Banjir kilat di Batu 3 1/2 Jalan Cheras:

Adalah didapati bahawa banjir di kawasan ini berlaku disebabkan oleh jambatan lama yang terlalu kecil untuk melepaskan air sungai yang mengalir di situ. Pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang membina satu jambatan baru serta penyaluran Sungai Kerayong. Kerja dijangka siap pada bulan September 1988.

- (2) Banjir kilat di Batu 3 1/2 Jalan Sungai Besi:

Banjir kilat ini disebabkan oleh jambatan yang terlalu kecil dan percetakan Sungai Kerayong oleh kelodak daripada projek-projek perumahan. Pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang bekerjasama dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memindahkan 200 unit rumah-rumah setinggan yang menghalang sebarang kerja pe-

- (3) nyaluran Sungai Kerayong.  
Banjir kilat di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban di tepi TUDM, Sungai Besi:

Banjir kilat di sini disebabkan oleh pemetung-pemetung di bawah lebuhraya yang tidak cukup besar dan menyebabkan air banjir dari kawasan TUDM melimpah atas lebuhraya. Pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang berunding dengan pihak JKR dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mencari satu penyelesaian terhadap masalah ini.

Banjir-banjir berlaku di kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan adalah disebabkan oleh tiga sebab besar iaitu:-

Pertama, pembangunan yang pesat yang berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah mengurangkan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan yang telah tidak dapat lagi menyerap dan menahan pengaliran air hujan yang turun, yang telah juga mengakibatkan air itu cepat berkumpul dan bertakung.

Kedua, semakin kurangnya tanah-tanah lombong yang dapat mengumpul air hujan yang turun bagi mengelakkan air itu melimpah ke kawasan-kawasan yang rendah.

Ketiga, sistem perparitan yang sedia ada adalah kurang memuaskan iaitu ianya terlalu kecil, cetek dan berbengkok-bengkok. Dalam pada itu adalah juga didapati banyak kampung-kampung terletak di tempat-tempat yang rendah dan dengan itu cepat dilanda banjir.

Adalah juga dimaklumkan iaitu tindakan mengawal banjir tidaklah boleh dilakukan secara tindakan *ad hoc* malahan tindakan perlulah dibuat secara menyeluruh dengan mengatasi segala punca-punca yang boleh menim-

bulkan banjir. Oleh kerana rancangan itu melibatkan perbelanjaan yang besar ianya perlu dibuat secara berperingkat-peringkat.

Sukalah saya memberi jaminan bahawa memanglah menjadi hasrat Kerajaan supaya masalah banjir ini dapat diatasi sama sekali kerana kesukaran dan kesengsaraan yang boleh ditimbulkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

Akan tetapi masalah mengatasi banjir bukanlah sahaja dari segi peruntukan sahaja tetapi juga melibatkan masalah pengambilan tanah serta pemindahan setinggan-setinggan yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut. Namun begitu kerajaan adalah memberi perhatian serius terhadap masalah ini dan akan berusaha untuk menentukan peruntukan yang secukupnya dapat disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan-rancangan Malaysia yang berikutnya.

#### KEKURANGAN BEKALAN AIR DI SANDAKAN

6.46 ptg.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):**  
Tuan Yang di-Pertua, Sandakan mempunyai kira-kira 150,000 orang penduduk dan anggaran air yang diperlukan adalah kira-kira 14 juta gelen sehari. Namun demikian, pada masa musim hujan pihak berkuasa hanya dapat membekalkan 8 juta gelan air sehari dan semasa musim panas pihak berkuasa hanya mampu membekalkan 7 juta gelen sehari.

Bekalan air disekatkan hampir setiap hari dan fenomena tiada air untuk dua hingga tiga hari adalah satu fenomena biasa dan terdapat beberapa kawasan di Sandakan yang tidak menerima bekalan air untuk lebih sepuluh hari.

Akibat kekurangan bekalan air, tekanan air pun terjejas dan ini menyulitkan para pengguna yang ingin stor air. Keluarga-keluarga terpaksa makan di luar kerana tiada air untuk memasak.

Adalah menjadi satu "mockery" bahawa Lapanganterbang baru di Sandakan yang menelan belanja \$140 juta sering tidak mempunyai air dan akibat ini hawa dingin di lapangan terbang tersebut tidak dapat digunakan. Begitu juga tandas di situ. Satu papan tanda yang hampir tetap dipasang di pintu tandas dengan kata-kata "Maaf tiada air."

Pada 16hb Jun yang lalu satu kebakaran berlaku di Hotel Gaya dan disebabkan tiada bekalan air, harta hampir sejuta ringgit termusnah.

Semasa musim panas, tekanan air adalah begitu rendah dan bangunan-bangunan tinggi atau rumah-rumah yang dibina di tanah yang tinggi hampir-hampir tidak menerima bekalan air. Ini juga berlaku pada musim hujan. Kejadian paip ter bocor adalah satu kebiasaan di Sandakan.

Kekurangan bekalan air juga menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk. Kebersihan di pasar Sandakan juga terjejas.

Kekurangan bekalan air di Sandakan boleh dikaitkan dengan tambahan bilangan penduduk bandar tersebut. Kebanjiran pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram, pembangunan Bandar Sandakan dan kekurangan sumber 'underground water', dengan lzin, juga menjadi faktor-faktor yang menyumbang ke arah kekurangan bekalan air.

Walaupun projek air di Kinabatangan yang dijangka menelan belanja \$200 juta akan siap dibina pada bulan Mac, 1990, namun Kerajaan harus

mengambil langkah-langkah serta-merta jangka pendek untuk mengatasi masalah kekurangan air di Sandakan. Peruntukan wang yang lebih harus disalurkan oleh Kerajaan untuk membina ampangan serta mencari sumber-sumber air baru bagi mengatasi masalah kekurangan air. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*6.52 ptg.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam);** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, saya inginlah memberi penjelasan setakat mana yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Saya telah dimaklumkan bahawa perancangan jangka masa panjang untuk bekalan air di Sandakan telah dimulakan dengan kajian kemungkinan dibuat semenjak 10 tahun dahulu. Pada masa itu satu skim pendahuluan, iaitu Skim Pendahuluan Peningkatan Bekalan Air Sandakan (Sandakan Water Supply Interim Improvement Scheme) telahpun dilaksanakan untuk meningkatkan bekalan air sebelum skim jangka masa panjang itu siap. Skim pendahuluan ini yang berharga \$25 juta telah diperisytiharkan pada tahun 1984 dan ia telah dapat menambahkan kadar kapasiti 9 million liter satu hari atau 2 million gelen satu hari kepada kapasiti 20 million liter sehari atau 4.5 million gelen sehari yang sedia ada. Akan tetapi kadar kegunaan telah meningkat melampaui penambahan pengeluaran air daripada skim interim ini oleh sebab pembangunan pesat di sektor-sektor perumahan, commercial dan perindustrian di Sandakan. Oleh itu, terwujud-

nya kekurangan bekalan air masa kini.

Mengenai masalah akibat daripada keadaan kekurangan air ini, saya telah difahamkan bahawa ini memang disedari oleh Kerajaan Negeri. Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa semua penduduk di bawah sistem pengedaran bekalan air Sandakan menerima bekalan air. Masalah bekalan air timbul kerana kekurangan tekanan aliran air semasa waktu penggunaan maksima sehingga tidak mencukupi untuk kegunaan, iaitu pada tahap 50% hingga 70%. Oleh itu, kawasan-kawasan yang diletak berdekatan dengan kolam-kolam air tidak mempunyai masalah bekalan air, Kawasan lain memang mengalami kekurangan bekalan air, terutamanya di kawasan-kawasan tinggi. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak menjejaskan keadaan kesihatan dan kebersihan para pengguna. Pegawai Kesihatan di Sandakan telah melaporkan bahawa tidak ada berlakunya sebarang penyakit yang berjangkit melalui air dalam lingkungan-sistem pengedaran air tersebut.

Tidak boleh dihadkan bahawa walaupun langkah-langkah diambil sementara menunggu projek jangka masa panjang siap, masih ada lagi masalah kekurangan bekalan air di Sandakan. Lain-lain langkah sukar dilaksanakan kerana semua punca-punca air di bawah dan di muka bumi di sekitar Sandakan telah digunakan sepenuhnya dan pengeluarannya tidak dapat dipertingkatkan lagi buat masa ini. Punca air yang terjamin dan terdekat adalah di Sungai Kinabatangan yang sedang digunakan untuk projek jangka masa panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, projek ini menelan belanja sebanyak \$200 juta dan dijangka akan siap pada bulan Mac, 1990. Projek ini meliputi pembawaan air dari Sungai Kinabatangan yang berjarak lebih kurang 84 km dari Sandakan dan pembinaan sebuah loji pembersihan. Apabila siap, ia akan meningkatkan kapasiti bekalan air sebanyak 65 million liter sehari atau 14.3 juta gelen sehari dan dengan ini dapat membekalkan air yang cukup untuk kegunaan sehingga tahun 2005. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Timbalan Menteri Kesihatan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 4hb Julai, 1988.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.58 petang.*

